



**LAPORAN TAHUNAN**  
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2012**

BERSAMA UNTUK KECEMERLANGAN UNIVERSITI:  
**MENZAHIR PENCAPAIAN**



# ISI KANDUNGAN

Visi dan Misi	2
Sejarah USM	3-4
Penaung Diraja Universiti APEX	5
Canselor	6
Pro Canselor USM	7
Ahli Lembaga Gabenor Universiti	8
Jawatankuasa Audit Universiti	9
Pengurusan Tertinggi USM	10
Organogram Pengurusan Universiti	11
Pusat Pengajian	12-14
Ketua Pusat Tanggungjawab	14-17
Laporan Tahunan Naib Canselor	18-19
Kampus Kejuruteraan	20-31
Kampus Kesihatan	32-41
Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa	42-53
Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar	54-67
Penyelidikan dan Inovasi	68-91
Jaringan Industri dan Masyarakat	92-113
Jabatan Pendaftar	114-137
Perpustakaan	138-145
Jabatan Pembangunan	146-151
Pusat Sejahtera	152-167
Laporan Kewangan	168-181
Laporan Penyata Kewangan	182-225
Lain-lain Jabatan	
• Bahagian Pembangunan Institusi	
• Pejabat Inovasi & Pengkomersilan	
• Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara	
• Pejabat Ombudsman	
• Pejabat Komunikasi Strategik	
• Pejabat Pemajuan Dan Perhubungan Alumni	
• Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi	
• Pusat Teknologi Pengajaran Dan Multimedia	
• Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Universiti	
• Pejabat Perundangan	
• Pejabat Transformasi	
• Sains@USM	
• Pusat Kajian Kelestarian Global	
• Unit Audit Dalam	
Perangkaan	226-285
Sidang Editor	286-289
	290

## **VISI**



**Mentransformasikan  
Pengajian Tinggi untuk  
Kelestarian Hari Esok**

## **MISI**



**USM ialah universiti  
perintis, berintensifkan  
penyelidikan rentas bidang  
yang memperkasakan  
bakat masa hadapan  
dan mengupayakan  
golongan terke bawah  
demi mentransformasi  
kesejahteraan  
sosioekonomi mereka.**

# Sejarah USM

## *Penubuhan*

Universiti Sains Malaysia (USM) bermula pada tahun 1962 apabila resolusi yang mencadangkan agar sebuah kolej universiti ditubuhkan di Pulau Pinang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Sehubungan itu, sebidang tanah di Sungai Ara telah diperuntukkan untuk merealisasikan cadangan tersebut.

Pada 7 Ogos 1967, Perdana Menteri Malaysia Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merasmikan Perletakan Batu Asas untuk penubuhan Universiti ini di satu tapak seluas 600 ekar di Sg. Ara, Pulau Pinang.

Pada 4 Oktober 1971, Universiti Pulau Pinang ditubuhkan dengan rasminya melalui Perintah Perbadanan yang ditandatangani oleh Menteri Pelajaran ketika itu, Hussein Onn. Pada tahun tersebut juga, USM berpindah ke Minden. Selaras dengan penubuhannya, Profesor Hamzah Sendut dilantik sebagai Naib Canselor pertama bagi menerajui Universiti Pulau Pinang.

Pada 22 April 1972, Parlimen Malaysia bersetuju Universiti Pulau Pinang ditukar nama kepada Universiti Sains Malaysia (USM). USM kini adalah dibawah kepimpinan Prof. Dato' Omar Osman, Naib Canselor keenam bagi Universiti ini.

Pada Ogos 1983, Kampus Kesihatan USM di Kubang Kerian, Kelantan mula dibuka untuk menempatkan pelajar perubatan Pusat Pengajian Sains Perubatan. Kampus Kejuruteraan yang pada asalnya bermula di Ipoh, Perak pada tahun 1986, berpindah ke Seri Iskandar, Tronoh, Perak pada 1989, dan kemudiannya ke Nibong Tebal, Pulau Pinang pada 2001.

Bermula dengan pengambilan pertama seramai 57 orang pelajar bidang sains pada bulan Jun 1969, USM terus membangun dengan pesatnya. Sejak awal penubuhannya, USM mengamalkan sistem pusat pengajian yang berbeza dengan sistem fakulti. Sistem pusat pengajian adalah unik kerana ia membolehkan setiap pusat pengajian memberi fokus kepada keperluan bidang pengajian tertentu, di samping memberi peluang pelajar meneroka kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain.

Konsep ini berpegang kepada falsafah pengajian tinggi yang bersifat interdisiplin bagi menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran di dalam berbagai bidang. Sehingga kini, USM mempunyai 27 Pusat Pengajian yang menawarkan pelbagai kursus pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah dan telah melahirkan lebih daripada 120,000 graduan.



Sejak penubuhannya, USM telah mencapai pelbagai kejayaan. Pada 29 Jun 2005, USM diiktiraf sebagai salah satu daripada tujuh buah Pusat Pendidikan Serantau untuk Pendidikan bagi Pembangunan Lestari (EfSD) di dunia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pada 11 Oktober 2006, USM diiktiraf sebagai 'Universiti Berintensifkan Penyelidikan'.

Pada 3 September 2008, USM telah diamanahkan untuk menjayakan program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX) oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Program ini yang bertemakan kelestarian dipilih berdasarkan buku cadangan yang bertajuk "Transformasi Pengajian Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok" yang dikemukakan kepada panel pemilih Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk program tersebut. Pada 12 Mei 2009, The Malaysian Books of Records telah mengiktiraf USM sebagai universiti pertama berstatus APEX.

Pada 17 September 2010, seramai 43 orang pelajar Perubatan memulakan program pengajian mereka di Belgaum, India, sekaligus menjadikan USM sebagai Universiti pertama di Malaysia yang menawarkan Pengajian Perubatan di luar negara berteraskan kepada silibus pengajian tempatan.

USM juga adalah Universiti pertama yang memperkenalkan Dewan Perundingan Pelajar (DPP) yang mula bersidang pada 23 Oktober 2010. DPP adalah manifestasi kepada parlimen mahasiswa sebagai medan untuk para pelajar memberi, menerima, memilih usul, berdebat dan berbahas secara sihat serta membuat keputusan secara mandiri tanpa campur tangan Universiti mahupun pihak lain.

USM turut menerajui penyelidikan arkeologi negara khususnya dengan penemuan Kompleks Kebudayaan Paleolitik di Bukit Bunuh, Lenggong, Perak yang diumumkan pada 13 Februari 2011. Tapak arkeologi berusia 1.83 juta tahun ini adalah hasil penemuan dan penyelidikan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM dan dijangka diwartakan sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO) pada Julai 2012.

Pada tahun 2011 juga, USM menjadi universiti awam pertama yang memperkenalkan kaedah pengundian bagi pemilihan Profesor sebagai ahli Senat. Melalui kaedah baru ini, 41 ahli Senat turut dipilih daripada kalangan profesor bagi mengimbangi jumlah ahli Senat yang majoritinya terdiri daripada ketua-ketua jabatan.

Kemuncak kejayaan itu semua termaktub pada Julai 2011, apabila Perlembagaan baru USM diwartakan dengan tarikh kuatkuasa pada 1 Februari 2009. Antara intipati Perlembagaan baru tersebut ialah memberi kuasa autonomi pentadbiran dalam pelbagai bidang termasuk menentukan tangga gaji staf serta pemilihan staf akademik dan pelajar.





**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV**

**Al-Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibuddin Tuanku  
Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-  
Marhum Sultan Badlishah**

# Canselor



**D.Y.M.M. TUANKU SYED SIRAJUDDIN  
IBNI AL-MARHUM TUANKU SYED PUTRA  
JAMALULLAIL**


D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N., D.K. (PERAK), D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (KEDAH),  
D.K. (KELANTAN), D.K.M.B. (BRUNEI), D.K. (SELANGOR), D.K. (PAHANG), D.K. (TERENGGANU),  
S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., GRAND ORDER OF KING TOMISLAV (CROATIA),  
GRAND COLLIER DE L'INDEPENDENCE (GRAND MEDAL OF THE INDEPENDENCE) -  
CAMBODIA, GRAND CROIX DE CORDINE (ITALY), DECORATION OF OMayAD - THE FINEST  
DECORATION (SYRIA), KNIGHT OF THE ROYAL ORDER OF THE SERAPHIM (SWEDEN),  
GRAND CORDON OF THE ORDER OF THE SACRED TREASURE (JAPAN)





**TAN SRI DATUK MUSTAFA MANSUR**

P.S.M., P.J.N., D.S.N.S., D.S.N., P.M.C., Grand Officiale of the Order of Solidarity - Italy, Grand Officiale of the Order of Merit – Spain, Hon. D.Econs. (U.S.M.), B.Soc.Sc. (U.S.M.), Cert.Ed., Cert.Pers.Mgt.



**TAN SRI DATO' DR. JEGATHESAN  
MANIKAVASAGAM**

P.S.M., P.J.N, D.P.M.P., MBBS (S'pore), D.T.M.H. (B'kok), D.C.P. (Lon), D.Path. (Eng), FRCPath, FRCPA, FAMM, FASc.

# Ahli Lembaga Gabenor

## Universiti



1 Pengerusi Ahli Lembaga Gabenor

### Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan

A.M.N., P.J.N. (P.Pg), P.P.T., D.S.P.N., P.J.N. (W.P.), D.S.D.K., B.Ec. (Malaya), M.Sc. (Bradford), Ph.D. (Manchester)



2 **Profesor Dato' Dr. Omar Osman**

Naib Canselor



3 **Dato' Profesor Dr. Rujhan Mustafa**

2 Orang Wakil Kerajaan



4 **Tuan Haji Mohd. Esa Abd. Manaf**



5 **Dato' Jamaludin Hasan**

Mewakili Masyarakat Tempatan



6 **Dato' Zuraidah Atan**

Lantikan Menteri Pengajian Tinggi



7 **Datuk Abdullah Abdul Wahab**



8 **Profesor Datuk Dr. Omar Shawkataly**

2 Orang Wakil Universiti



9 **Professor Dato' Dr. Rosihan M. Ali**



10 **Siti Zubaidah A. Hamid**

Setiasaha Ahli Lembaga Gabenor Universiti

# Jawatankuasa Audit

## Universiti



1 Pengerusi

**Tan Sri Datuk Mustafa Mansur**



2 Ahli

**Dato' Profesor Dr. Rujhan Mustafa**



3 Ahli

**Datuk Abdullah Abdul Wahab**



4 Setiausaha

**Tuan Haji Md. Salleh Malim Merican  
-Sehingga April 2012**

# Pengurusan Tertinggi

## Universiti Sains Malaysia



1 **Profesor Dato' Dr. Omar Osman**

Naib Canselor



2 **Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal**

Timbalan Naib Canselor  
Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa



3 **Profesor Dr. Asma Ismail**

Timbalan Naib Canselor  
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi



4 **Profesor Dr. Adnan Hussein**

Timbalan Naib Canselor  
Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar



5 **Profesor Dato' Dr. See Ching Mey**

Timbalan Naib Canselor  
Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat



6 **Profesor Dato' Dr. Mafauzy Mohamed**

Pengarah Kampus Kesihatan



7 **Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak**

Pengarah Kampus Kejuruteraan



8 **Siti Zubaidah A. Hamid**

Pendaftar



9 **Salmiah Che Puteh**

Bendahari




10 **Khairul Anuar Che Azmi**

Penasihat Undang-Undang



# Carta Organisasi

## Pengurusan Universiti



# Carta Organisasi

## Pusat Pengajian



### Kampus Induk

#### Pulau Pinang

##### HIBRID

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
 Pusat Pengajian Jarak Jauh  
 Pusat Pengajian Pengurusan  
 Pusat Pengajian Perumahan,  
 Bangunan dan Perancangan  
 Pusat Pengajian Siswazah  
 Perniagaan (GSB)  
 Pusat Pengajian Teknologi Industri

##### SASTERA

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
 Pusat Pengajian Jarak Jauh  
 Pusat Pengajian Pengurusan  
 Pusat Pengajian Perumahan,  
 Bangunan dan Perancangan  
 Pusat Pengajian Siswazah  
 Perniagaan (GSB)  
 Pusat Pengajian Teknologi Industri

##### SAINS

Pusat Pengajian Sains Farmasi  
 Pusat Pengajian Sains Biologi  
 Pusat Pengajian Sains Kimia  
 Pusat Pengajian Sains Komputer  
 Pusat Pengajian Matematik  
 Pusat Pengajian Fizik

### Kampus Kejuruteraan

#### Seri Ampangan

##### KEJURUTERAAN

Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik  
 dan Elektronik  
 Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan  
 dan  
 Sumber Mineral  
 Pusat Pengajian Kejuruteraan  
 Aeroangkasa  
 Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia  
 Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam  
 Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik

### Kampus Kesihatan

#### Kubang Kerian

##### KESIHATAN

Pusat Pengajian Sains Kesihatan  
 Pusat Pengajian Sains Pergigian  
 Pusat Pengajian Sains Perubatan

## **Pusat Pentadbiran**

Jabatan Canselori  
Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa  
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi  
Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar  
Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat  
Pejabat Perundangan  
Bahagian Pembangunan Institusi  
Jabatan Bendahari  
Unit Audit Dalam  
Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerja  
Universiti  
Jabatan Pendaftar  
Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni  
Pejabat Transformasi  
Dewan Budaya  
Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam  
Pejabat Ombudsmen

## **Perkhidmatan Akademik**

Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia  
Institut Pengajian Siswazah  
Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik

## **Pusat Kecemerlangan Tinggi Negara (HiCOE)**

Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan  
Pusat Penyelidikan dan Perubatan Molekul

## **Pusat Kecemerlangan**

Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal Malaysia  
Institut Penyelidikan Perubatan Molekul  
Institut Penyelidikan dan Pendidikan Tinggi Negara  
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju  
Pusat Racun Negara  
Pusat Biologi Kimia  
Pusat Genom Manusia  
Pusat IPV6 Termaju Negara  
Pusat Kajian Kelestarian Global  
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam  
Pusat Kajian Samudera dan Pantai  
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan  
Pusat Kawalan Doping  
Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga  
Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia  
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global  
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa  
Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan  
Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar  
Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita  
Pusat Rekabentuk Mikroelektronik Negara  
Pelantar Penyelidikan Bioperubatan dan Sains Kesihatan  
Pelantar Penyelidikan Sains Klinikal  
Pelantar Penyelidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
Pelantar Penyelidikan Transformasi Sosial  
Pelantar Penyelidikan Kejuruteraan dan Teknologi  
Pelantar Penyelidikan Sains Hayat

## Pusat Perkhidmatan

Penerbit USM  
Perpustakaan  
Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi  
Pusat Islam  
Pusat Rancangan Kokurikulum  
Jabatan Keselamatan  
Jabatan Pembangunan  
Pejabat Komunikasi Strategik  
Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah  
Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar  
Unit Kaunseling dan Kerjaya  
Pusat Sukan dan Rekreasi  
Pusat Sejahtera



## Ketua

# Pusat Tanggungjawab



### Ketua Jabatan Perkhidmatan Pentadbiran

Jabatan Pendaftar	Puan Siti Zubaidah A. Hamid
Jabata Bendahari	Puan Salmiah Che Puteh
Perpustakaan	Encik Mohd Pisol Ghadzali
Jabatan Pembangunan	Ir. Hj. Mohamad Sofian Ahmad
Jabatan Keselamatan	Mejar (Bersara) Mohamad Fadzil Ibrahim
Bahagian Pembangunan Institusi	Profesor Muhamad Jantan
Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi	Encik Zulham Hamdan
Pusat Islam	Profesor Madya Nasirun Hj. Mohd. Salleh
Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah	Profesor Madya Hasnul Jamal Saidun
Penerbit USM	Profesor Dato' Md. Salleh Yaapar
Pejabat Komunikasi Strategik	Profesor Badaruddin Mohamed
Pejabat Transformasi Sosial	Profesor Mohd Farhan Mohd Sadullah
Pejabat Perundangan Universiti	Profesor Emeritus Dato' Dr. Shad Saleem Faruqi
Pejabat Inovasi dan Pengkomersilan	Profesor Wan Ahmad Kamil Mahmood



## Ketua Jabatan Perkhidmatan Pentadbiran

Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia	Profesor Madya Merza Abbas
Pusat Kualiti Universiti	Profesor Madya Ahmad Hj. Mohamad
Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik	Profesor Abdul Karim Alias
Pusat Sejahtera	Dr. Nurulain Abdullah Bayanuddin
Pusat Sukan dan Rekreasi	Tuan Hj. Muhamad Mohd. Hanif
Institut Pengajian Siswazah	Profesor Roshada Hashim
Pejabat Ombudsman	Khairul Anuar Che Azmi
Hospital USM	Dato' Dr. Zaidun Kamari

## Dekan Pusat Pengajian

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan	Profesor Ambigapathy Pandian
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan	Profesor Dato' Abu Talib Ahmad
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan	Profesor Abdul Rashid Mohamed
Pusat Pengajian Komunikasi	Profesor Madya Jamilah Ahmad
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh	Profesor Madya Habibah Hj. Lateh
Pusat Pengajian Pengurusan	Profesor Dato' Ishak Ismail
Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan	Profesor Ir. Mahyuddin Ramli
Pusat Pengajian Sains Farmasi	Profesor Syed Azhar Syed Sulaiman
Pusat Pengajian Sains Fizik	Profesor Mohamad Suhaimi Jaafar (Pemangku)
Pusat Pengajian Sains Kajihayat	Profesor Abu hassan Ahmad
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan	Dr. Nor Malena Malek
Pusat Pengajian Sains Kimia	Profesor Wan Ahmad Kamil Mahmood
Pusat Pengajian Sains Komputer	Profesor Rosni Abdullah @ Mustafa
Pusat Pengajian Sains Matematik	Profesor Ahmad Izani Md. Ismail
Pusat Pengajian Seni	Profesor Madya Mohamad Omar Bidin
Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan	Profesor Datin Hasnah Hj. Haron
Pusat Pengajian Teknologi Industri	Profesor Rozman Hj. Din
Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa	Profesor Madya Zaidi Mohd. Ripin
Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam	Profesor Hamidi Abdul Aziz
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral	Profesor Ahmad Fauzi Mohd. Nor
Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	Profesor Mohd. Zaid Abdullah
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia	Profesor Azlina Harun @ Kamaruddin
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik	Profesor Madya Zaidi Mohd. Ripin
Pusat Pengajian Sains Kesihatan	Profesor Ahmad Zakaria
Pusat Pengajian Sains Pergigian	Profesor Madya Dr. Adam Hussein
Pusat Pengajian Sains Perubatan	Profesor Dr. Abdul Aziz Baba

## Pusat Kecemerlangan

Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN)	Profesor Fauziah Md. Taib
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju	Profesor Dr. Ibrahim Lutfi Shuaib (Pemangku)
Pusat Biologi Kimia	Profesor Emeritus Dato'V. Navaranam
Pusat Genom Manusia (Pusat Virtual)	Profesor Madya Gan Siew Hua
Pusat IPv6 Termaju Negara	Profesor Sureswaran Ramadass
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam	Profesor Muhammad Syukri Salleh
Pusat Kajian Samudera dan Pantai	Dr. Khairun Yahaya
Pusat Kawalan Doping	Profesor Aishah Abdul Latiff
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan	Profesor Abdul Rahman Mohamed
Pusat Kualiti USM	Profesor Madya Ahmad Hj. Mohamad
Pusat Pendidikan, Latihan dan Penyelidikan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga (CETREE)	Profesor Haslan Abu Hassan
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global	Profesor Mohd Mokhtar Saidin
Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan	Dr. Rumaizi Shaari
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa	Profesor Madya Mohd. Azhari Abdul Karim
Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar	Profesor Nor Azazi Zakaria
Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita	Profesor Datin Rashidah Shuib
Pusat Racun Negara	Profesor Madya Razak Hj. Lajis
Pusat Rekabentuk Mikroelektronik Negara Sains@USM	Profesor Madya Othman Sidek Profesor Abdul Rahman Mohamed
Pusat Kepakaran Serantau UNU Pendidikan untuk Pembangunan Lestari	Dr. Asyirah Abdul Rahim
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan	Profesor Abdul Rahman Mohamed
Pelantar Penyelidikan Bioperubatan dan Sains Kesihatan	Profesor Mustaffa Musa
Pelantar Penyelidikan Kejuruteraan dan Teknologi	Profesor Zainal Ariffin Ishak
Pelantar Penyelidikan Sains Fundamental	Profesor Abdul Latif Ahmad
Pelantar Penyelidikan Sains Hayat	Profesor Mohd. Nazalan Mohd. Najimudin
Pelantar Penyelidikan Sains Klinikal	Profespr Dr. Nor Hayati Othman
Pelantar Penyelidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Profesor Madya Bahari Belaton
Pelantar Penyelidikan Transformasi Sosial	Profesor Osman Mohamad (Pemangku)

## Pusat Kecemerlangan Tinggi Negara

Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan	Profesor Sharif Mahsufi Mansor
Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM)	Profesor Rusli Ismail



## Bersama Untuk Kecemerlangan Universiti (BUKU) 2012 Menzahir Kejayaan



Tahun 2012 menyaksikan pengembaraan tampuk kepimpinan baharu selepas saya mengambil alih dari pemimpin terdahulu yang juga seorang pemikir, ahli akademik dan juga seorang tokoh yang telah membawa Universiti Sains Malaysia (USM) sehingga dipilih untuk menjalani Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX) iaitu Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak. Tahun 2012 juga menyaksikan betapa USM perlu untuk menzahirkan pencapaian dan kejayaannya supaya usaha yang dijalankan sejak menggalas tanggungjawab di bawah kerangka APEX dapat difahami dan diketahui perjalanannya. Justeru, intipati utama yang ingin dibawakan pada fasa ini adalah konsep bekerja sama dan bekerja bersama-sama dalam pemajuan USM yang membawa satu corak kerja yang tidak lagi bersifat 'silo' tetapi saling berkongsi kekuatan, bersinergi, saling bahu-membahu, berkongsi hasrat dan aspirasi untuk membangunkan masa depan, mencapai kejayaan sekaligus menzahirkan kecemerlangan gedung ilmu ini.

Tema pada tahun 2012 menjurus kepada satu pendekatan yang saya namakan sebagai Bersama Untuk Kecemerlangan Universiti (BUKU), dengan sub temanya Menzahir Kejayaan. BUKU adalah satu kesinabungan yang akan dibawa ke tahun-tahun mendatang sebagai satu jenama yang membolehkan semua warga USM memberikan sepenuh komitmen dan berusaha untuk menggalas amanah dan tanggungjawab dengan kecintaan yang tinggi untuk manfaat universiti. BUKU seperti


juga lambang keilmuan yang harus sehati dengan jiwa kita bagi meneruskan cita pembangunan bangsa dan negara yang harus bermula di sini, dari dalam universiti ini, secara bersama-sama tanpa ada pengecualiannya.

Sasaran universiti pada 2012 adalah berteraskan kepada 12 objektif tumpuan dan lebih kurang 100 penzahiran pencapaian di pelbagai peringkat universiti. Ia turut merangkumi sasaran dengan tujuan kelestarian untuk menjadi universiti ternama dalam bidang kelestarian sejagat dengan memfokuskan kepada semua aspek termasuk penyelidikan, pembelajaran, pengajaran, pelebaran pengetahuan yang akan memberikan impak kepada peningkatan dalam rantai ekonomi dan pembangunan komuniti yang menuntut satu pelaksanaan bersinergi untuk menzahirkan pelaksanaan yang mampu digarap semua pihak. Universiti ini juga telah meletakkan halatuju khusus yang akan berupaya menstrukturkan semula struktur dan sistem pentadbirannya, melestarikan bakat pelajar dan staf, mencapai kelestarian kewangan, pengukuhan dalaman, transformasi universiti, penandaarasan governan, meningkatkan produktiviti dan meningkatkan pendapatan universiti.

USM meletakkan perancangan dalam konteks yang luas dan daripada sasaran 100 penzahiran pencapaian yang ditetapkan, ada yang telah dimulakan terlebih dahulu dan ia disusuli dengan satu kepercayaan bahawa ia boleh direalisasikan. Antara usaha yang dimajukan pada 2012 termasuk

menyuntik peruntukan dana dengan jumlah RM80 ke RM100 juta bagi membiayai projek penyelidikan sepanjang 2012 merangkumi pelbagai bidang termasuk yang menjadi kekuatan universiti seperti kejuruteraan bahan dan sumber mineral, perubatan, teknologi nano dan sebagainya. Sebuah Pusat Inkubator yang bernilai RM51 juta sedang melalui proses pembinaan yang dibangunkan dalam SAINS@USM di Bukit Jambul, Pulau Pinang yang bertujuan untuk menyediakan pelantar mengkomersialkan produk-produk USM.

Inkubator itu juga menempatkan pelbagai fasiliti guna sama, ruang makmal dan pejabat *spin-off* yang akan membangunkan hasil penyelidikan universiti untuk pasaran dengan bantuan anak-anak syarikat USM. USM juga membuat perancangan rapi untuk penubuhan pusat perkhidmatan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) yang dikenali sebagai Pusat Kecemerlangan Perkhidmatan dan Penyelidikan Neurosains, USM. Penubuhan pusat ini berpotensi menjadi pusat perkhidmatan bagi sains neuro di Kampus Kesihatan dengan peruntukan geran *one-off* yang dijanjikan sebanyak RM2 juta oleh pihak kementerian.



# LAPORAN

▶ **KAMPUS  
KEJURUTERAAN**



## Pengenalan

*Kampus* Kejuruteraan, Nibong Tebal, Pulau Pinang yang dipindahkan dari kampus sebelumnya iaitu di Seri Iskandar, Perak telah mula beroperasi pada awal 2001. Tahun demi tahun kampus ini terus berkembang pesat hingga ke hari ini dengan penstrukturan semula dan pembinaan beberapa pusat tanggungjawab baru dengan peranannya yang tersendiri. Selepas melalui perkembangan yang mengagumkan selama 26 tahun, Kampus Kejuruteraan USM telah berkembang daripada konsep asal kepada institusi kejuruteraan akademik terkemuka yang disanjung tinggi di rantau ini. Antara tunjang utama Kampus Kejuruteraan iaitu terdiri daripada 6 Pusat Pengajian Kejuruteraan, 3 Pusat Kecemerlangan, 1 Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan dan disokong oleh 16 Jabatan/Unit/Bahagian yang saling berhubung kait antara satu sama lain bagi membantu aspirasi universiti sejajar dengan visi, misi serta objektif yang telah ditetapkan.

## Objektif

Kampus Kejuruteraan mendukung tonggak misi dan visi yang ditetapkan oleh Universiti.

## Aktiviti Tahun 2012

Bagi tahun 2012, Kampus Kejuruteraan masih meneruskan agenda Universiti pada tahun 2011 yang merangkumi program pemantapan modal insan, pengiktirafan program pengajian, penghasilan penulisan/penerbitan ilmiah, peningkatan aktiviti perundingan, penyelidikan dan inovasi yang kesemua elemen tersebut diolah dan disesuaikan untuk manfaat khalayak ramai di samping mempergiatkan lagi khidmat dan sumbangan berunsur kerohanian serta kebajikan. Penglibatan seluruh warga Kampus dalam aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2012 telah sedikit sebanyak membantu USM memantapkan program akademik, memperkukuhkan aspek pentadbiran, infrastruktur dan kualiti pengurusan.



Program	Aktiviti
Memantapkan dan memperkasakan semua potensi, kemahiran dan bakat modal insan	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mendapatkan tenaga pakar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa</li> <li>b. Menambah bilangan tenaga Pasca-Kedoktoran dan Penyelidik Kunjungan</li> <li>c. Menambah bilangan pensyarah berkelayakan profesioanal</li> <li>d. Menambah bilangan pensyarah yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah</li> </ul>
Mengekalkan tahap dan standard program pengajian	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Berterusan melestarikan Program Pengajian Kejuruteraan (Ijazah Pertama) dan meningkatkan bilangan pelajar peringkat ijazah tinggi</li> </ul>
Meperbanyakkan penulisan/penerbitan yang berfokuskan hasil penyelidikan yang berteraskan bidang kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penulisan/Penerbitan dalam jurnal-jurnal termasuk prosiding berwasit</li> <li>b. Penulisan/Penerbitan Buku atau Bab Dalam Buku</li> <li>c. Lain-lain penerbitan (artikel di akhbar, majalah, abstrak dan lain-lain)</li> </ul>
Memperkasakan kuantiti dan kualiti projek-projek alam sekitar/kualiti alam/sumber alam yang menjurus kepada persekitaran dan gaya hidup sihat melalui kaedah pemilikan geran-geran penyelidikan berimpak tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mengaktifkan perolehan melalui geran Jangka Pendek dan geran Universiti Penyelidikan (RU) dan APEX</li> <li>b. Memanipulasi geran-geran baru yang ditawarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi iaitu:</li> <li>c. (Geran Exploratory Research Grant Scheme (ERGS)</li> <li>d. Long-Term Research Grant Scheme (LRGS)</li> <li>e. Meneruskan aktiviti projek melalui geran KPT seperti FRGS, PRGS dan geran Science Fund dari MOSTI</li> <li>f. Mendominasi geran-geran luar seperti Geran Nippon Sheet Glass Foundation, Agilent, Intel dan lain-lain</li> </ul>
Meningkatkan jaringan/rangkaian dan hubungan persefahaman demi menjamin kualiti hidup manusia secara global terutamanya bagi golongan terkebahawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Memperbanyakkan hubungan dan jaringan kerja dengan institusi tempatan dan luar negara melalui MoU dan MoA</li> <li>b. Menganjur persidangan/seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa</li> </ul>

# LAPORAN KAMPUS KEJURUTERAAN

Rumusan aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

Program	Aktiviti
Memperkemas dan menggalakkan inovasi serta penemuan-penemuan baru	a. Memperbanyakkan paten b. Memperbanyakkan produk komersial c. Memberi fokus kepada aktiviti R&D&C
Mengeratkan hubungan kemasyarakatan melalui aktiviti antara staf dan pelajar	a. Khidmat masyarakat melalui program Sejahtera Kampus/Kesihatan b. Aktiviti kerohanian dan sumbangan kebajikan c. Rekreasi, riadah dan sukan
Mengekalkan dan meningkatkan reputasi pada peringkat kebangsaan dan global	a. Menyertai pertandingan reka cipta pada peringkat kebangsaan, serantau dan global b. Berusaha menenangi sebanyak mungkin anugerah bagi mengekalkan reputasi daya cipta tenaga pakar

## Pencapaian dan Impak

Dilengkapi dengan peralatan moden dan canggih Kampus Kejuruteraan merupakan sebuah pusat pengembangan ilmu dan penyelidikan yang tersohor dalam bidang kejuruteraan. Kejayaan demi kejayaan telah dikecapi oleh semua Pusat Pengajian di kampus ini. Setiap tahun Kampus Kejuruteraan tidak ketinggalan dalam menyumbang dan mengharumkan nama USM diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak di Kampus Kejuruteraan serta bantuan daripada pihak universiti secara umumnya telah memberikan hasil yang positif dalam merencana aktiviti bagi tahun 2012 yang akhirnya membawa kepada pencapaian yang cemerlang dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang kejuruteraan. Tema "Menzahir Pencapaian" merupakan intipati yang telah diterapkan dalam diri semua warga USM oleh pimpinan baru Universiti iaitu Profesor Dato' Dr. Omar Osman selaku Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, menerusi ungkapan "MARI BEKERJA BERSAMA SAYA", telah menyuntik semangat baru dalam diri warga kampus dan hasilnya banyak kejayaan cemerlang telah

dicapai pada tahun 2012.

Antara Pencapaian Tahun 2012

1. Usaha pemantapan modal insan yang berterusan bagi melancarkan program penggantian tenaga akademik dan pengambilan tenaga pakar dari luar negara terus diperhebatkan pada tahun 2012 menerusi program "Pemindahan Ilmu" dalam menjamin agenda Universiti terus dijana selari dengan kehendak negara dan masyarakat.
2. Penerbitan jurnal dan prosiding berwasit terus meningkat pada tahun 2012 berbanding dua tahun sebelumnya. Peluang memiliki geran penyelidikan seperti Geran Penyelidikan Universiti (RU), ERGS, Science Fund dan sebagainya merupakan faktor penyumbang kepada peningkatan bilangan penerbitan ini. Kesedaran yang tinggi dalam diri para penyelidik tentang kepentingan dalam penerbitan juga mendorong kepada peningkatan jumlah ini.

Berdasarkan kepada Jadual 1, menunjukkan perbandingan bilangan penulisan/penerbitan jurnal dan prosiding yang telah dihasilkan sama

**Jadual 1** Bilangan Penulisan dan Penerbitan yang dihasilkan

Kriteria Penerbitan	2010	2011	2012
Jumlah penerbitan dalam jurnal berwasit termasuk prosiding	389	651	707
Jumlah penerbitan jurnal bukan berwasit	84	126	79
Jumlah penulisan bab dalam buku	14	27	18
Lain-lain penerbitan	389	253	458

ada pada peringkat antarabangsa mahu pun kebangsaan bagi tahun 2010, 2011 dan 2012.

3. Pada tahun 2011 dua geran berimpak tinggi iaitu LRGS (bottom-up) telah berjaya diperolehi oleh pensyarah dari Kampus Kejuruteraan. Bagi tahun 2012 dua lagi geran seumpamanya telah diperolehi oleh:
  - i. iProfesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak sebagai ketua projek bertajuk "*Preparation and Characterization of Kenaf Fiber Base Bi0-Composites*" yang bernilai RM2,426,460.00
  - ii. Profesor Ir. Dr. Hj. Nordin Adlan sebagai ketua projek bertajuk "*River Bank/Bed Filtration for Drinking Water Source Abstraction*" yang bernilai RM2,696,150.00
4. Dalam konteks memperkasakan perhubungan dan jaringan antarabangsa, sebanyak 54 kerja-kerja perundingan atau MoU/MoA telah berjaya ditandatangani dengan institusi dalam dan luar negara. Perincian MoU/MoA mengikut PTJ adalah seperti yang terdapat dalam jadual 2 berikut:

**Jadual 2** Bilangan MoU/MoA dan Kerja Rundingan di PTJ

Pusat Tanggungjawab (PTJ)	Bilangan MoU/MoA/Perundingan	Institusi Yang Terlibat
Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa/ Mekanik	3	Agilent Technologies Microwave Products Malaysia, Evergreen WG Sdn. Bhd., Malaysia, Focus Applied Technologies Sdn. Bhd., Malaysia
Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam	2	Lembaga Lebuhraya Malaysia & Malaysian Structural Steel Association

# LAPORAN KAMPUS KEJURUTERAAN

Pusat Tanggungjawab (PTJ)	Bilangan MoU/MoA/Perundingan	Institusi Yang Terlibat
<p>Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral</p>	<p>43</p>	<p>INTEL Technology Sdn. Bhd., Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang &amp; KSG Resources (M) Sdn. Bhd., Texchem Polymers Sdn. Bhd, Advanced Micro Devices Emport Sdn. Bhd., Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd., Tatt Giap Steel Center Sdn. Bhd. Advanced Micro Devices Export Sdn. Bhd., Ozone Connection Holding Sdn. Bhd., Scientige Sdn. Bhd., Malaysian Iron and Steel Industry Federation (MISIF), Innovative Pultrusion Sdn. Bhd., PENCHEM Technoogies Sdn. Bhd., Seagate International Sdn. Bhd., Asian Composities Manufacturing Sdn.Bhd.,Hoya Electronics Malaysia Sdn. Bhd., SGS (MALAYSIA) Sdn. Bhd., Sibelco (MALAYSIA) Sdn. Bhd., Metso Minerals (Matamata) Limited (New Zealand), Nagaoka University of Technology (Japan), Indian Institute of Technology Kanpur (India), The University of The Philippines Diliman (Philippines), Korea Electro technology Research Institute (Korea), Faculty of Earth Sciences and Mineral Technology, Institut Teknologi Bandung (Indonesia), Jabatan Mineral &amp; Geosains Malaysia &amp; Lembaga Penyelidikan &amp; Kemajuan) Perusahaan Timah &amp; Tin Technology Limited (Malaysia), Jabatan Mineral &amp; Geosains Malaysia (Malaysia), Toyohashi University of Technology (Japan), University of Applied Sciences Regensburg (Germany), Faculty of Sciences &amp; Techonology, Prince of Songkla University, Pattani Campus (Thailand), Universitas Sebelas Maret Indonesia, University of Ballarat (Indonesia), International College of Edvanced Technology Sarawak (Malaysia), Institute of Materials (Malaysia)</p>
<p>REDAC</p>	<p>6</p>	<p>MES Innovation Sdn. Bhd., Department of Irrigation and Drainage Penang/Perunding Sdn. Bhd., Department of Irrigation and Drainage Kedah, Kwasa Land Sdn. Bhd./ Perunding Hashim &amp; NEH Sdn. Bhd., Majlis Daerah Jitra, Regency Heights Condominium Management Council</p>

5. 19 paten inovasi (masih menunggu status) telah berjaya difailkan berbanding 15 pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, hanya dua produk komersial yang berjaya dihasilkan berbanding tiga pada tahun sebelumnya.

Jadual 3 menunjukkan jumlah inovasi dan produk komersial yang dihasilkan secara perbandingan antara tahun 2010, 2011 dan 2012 yang sekali lagi menampakkan peningkatan yang boleh dibanggakan.

**Jadual 3** Bilangan Inovasi dan Produk Komersial

Inovasi	2010	2011	2012
Paten Inovasi (masih menunggu status)	8	15	19
Produk komersial	0	3	2

6. Sebagai Universiti yang prihatin kepada persekitaran dan masyarakat, banyak program-program kemasyarakatan yang merangkumi golongan terkebahaw diteruskan pada tahun 2012 dengan pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh pelajar dan staf. Program tersebut seperti program sejahtera atau kesihatan untuk masyarakat setempat, kempen melestari dan menghargai alam sekitar, bantuan kemanusiaan, program rohaniah dan kebajikan, kempen hidup sejahtera, program meningkatkan pendapatan penduduk berkategori miskin, program pendidikan untuk pelajar luar bandar, program untuk orang kelainan upaya (OKU), aktiviti yang melibatkan penduduk setempat dan sebagainya.

Menerusi Jadual 4, memperlihatkan beberapa program kemasyarakatan yang berimpak tinggi telah dilaksanakan di Kampus Kejuruteraan dan kawasan sekitar. Penglibatan staf dan pelajar dalam program seumpama ini telah menyemarakkan dan mendekatkan lagi hubungan baik diantara warga kampus dan masyarakat umumnya.

**Jadual 4** Antara Program yang Berimpak Tinggi

Program (PTJ)	Impak	Aktiviti Yang Dijalankan
Hari Terbuka Program Pengajian Kejuruteraan	Memberi informasi yang jelas dan tepat mengenai syarat-syarat kemasukan, cara memohon dan program pengajian kejuruteraan yang ditawarkan oleh Kampus Kejuruteraan USM	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pameran Terbuka Prospektus Pusat-Pusat Pengajian Kejuruteraan</li> <li>b. Lawatan ke makmal-makmal pusat pengajian</li> </ul>

# LAPORAN KAMPUS KEJURUTERAAN

Program (PTJ)	Impak	Aktiviti Yang Dijalankan
Program Projek Bekalan Air Untuk Masyarakat Kurang Mampu, Kg. Langkor, Sungai Siput (U), Perak.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan satu kaedah yang terbukti dan murah untuk olahan air dan asas sanitari</li> <li>- Meningkatkan tahap kesihatan penduduk dengan meningkatkan kualiti bekalan air dan sanitasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mengenalpasti maklumat asas kawasan projek</li> <li>b. Menjalankan kajian penghasilan air di kawasan tadahan dan pengumpulan kualiti air</li> <li>c. Merekabentuk komponen utama projek, empangan, saluran paip dan penuras/penapis kasar aliran mendatar</li> <li>d. Melaksana sistem bekalan air dan sanitasi di penempatan Orang Asli</li> <li>e. Menjalankan ceramah dan latihan kepada Orang Asli mengenai keperluan melindungi penceramaran sumber air, pendidikan kebersihan dan tanggungjawab komuniti untuk penyelenggaraan fasiliti yang dibina</li> </ul>
Expo Kerjaya Kampus Kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Membantu pelajar tahun akhir membuat pilihan kerjaya yang bersesuaian dengan minat, pengetahuan dan kemahirannya</li> <li>- M e m p e r e r a t k a n hubungan antara universiti, industri dan agensi awam dalam usaha untuk membekalkan tenaga kerja untuk keperluan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pameran Kerjaya dari syarikat swasta, agensi kerajaan dan Pameran Keusahawanan</li> <li>b. Klinik Kerjaya</li> <li>c. Forum Kerjaya bersama Alumni</li> <li>d. Ceramah, Persiapan dan Alam Kerjaya</li> <li>e. Ceramah Motivasi</li> <li>f. Bengkel Kerjaya</li> <li>g. Temuduga Terbuka</li> </ul>
Program Kayuhan Menuju Puncak USM Nibong Tebal – Tasik Banding, Grik, Perak	Mengeratkan hubungan silaturahim antara warga kampus dengan masyarakat setempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kayuhan basikal secara konvoi</li> <li>b. Program khidmat masyarakat</li> <li>c. Melawat kawasan perkampungan orang asli</li> </ul>
Sumbangan Komputer Terpakai Kepada Sekolah dan Surau	Sumbangan dan kebajikan	Penyerahan komputer terpakai kepada sekolah dan surau di daerah Kerian dan Seberang Perai Selatan

Program (PTJ)	Impak	Aktiviti Yang Dijalankan
Simposium Seni Budaya MAKUM (SISKUM)	Membuka minda masyarakat terhadap kepentingan seni dalam menyumbang ke arah pembangunan negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pembentangan kertas-kertas kerja</li> <li>b. Forum</li> <li>c. Persembahan Kebudayaan</li> <li>d. Ceramah Motivasi</li> <li>e. Pameran Seni</li> </ul>
Hari Warga Staf Peringkat Kampus Kejuruteraan	Mengeratkan tali silaturrahim	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pertandingan Explorace</li> <li>b. Pertandingan Khemah Terbaik</li> <li>c. Pertandingan Wau dan Layang-layang</li> <li>d. Pertandingan Berbasikal</li> <li>e. Pertandingan Memancing</li> <li>f. Pertandingan Persembahan</li> <li>g. Cabutan Bertuah</li> <li>h. Sukaneka</li> </ul>

7. Kampus Kejuruteraan memang sinonim dengan hasil ciptaan dan penemuan baru yang dihasilkan oleh para penyelidik. Hasil ciptaan ini telah dipertandingkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Jadual 5 menunjukkan perbandingan anugerah yang diperolehi di antara tahun 2011 dan 2012.

**Jadual 5** Bilangan Anugerah

Peringkat Anugerah	2011	2012
Kebangsaan	6	16
Antarabangsa	20	19

8. Hasil usaha, kesungguhan dan tanpa mengenal erti jemu dalam menjalankan penyelidikan telah meninggalkan kenangan manis kepada penyelidik USM pada tahun 2012 dimana enam daripada sembilan orang yang telah diiktiraf sebagai Saintis Penyelidik Terkemuka Malaysia (Top Research Scientists Malaysia) adalah terdiri daripada pensyarah Pusat Pengajian Kampus Kejuruteraan. Mereka yang dimaksudkan adalah Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak, Profesor Dr. Abdul Rahman Mohamed, Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad, Profesor Dr. Hanafi Ismail, Profesor Dr. Hamidi Abdul Aziz dan Prof. Madya Dr. Lee Keat Teong.
9. Kekuatan Kampus Kejuruteraan terbukti dalam konteks penyelidikannya. Persekitaran penyelidikan yang kondusif, para penyelidik yang inovatif dan kreatif serta kemudahan prasarana penyelidikan yang canggih menunjukkan betapa sinonimnya Kampus Kejuruteraan dengan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Untuk menyemarakkan lagi agenda ini maka USM telah menubuhkan

Pusat Penyelidikan Sains dan Kejuruteraan (Science and Engineering Research Centre, SERC) yang merupakan pusat pertama di USM dengan menggunakan konsep alatan dan perkhidmatan gunasama atau *shared facilities and services*. Penubuhan SERC diharapkan menjadi satu transformasi ke arah kecemerlangan penyelidikan iaitu merangkumi penyelidikan fundamental dan gunaan samada bercorak multi-disiplinari, inter-disiplinari atau trans-disiplinari. Ini dijangka akan dapat memberikan impak yang lebih tinggi kepada masa depan penyelidikan di Kampus Kejuruteraan khasnya dan USM amnya.

## Cabaran

Sebagai lumrah kehidupan kita tidak boleh lari daripada cabaran. Begitu juga dengan Kampus Kejuruteraan yang terpaksa melalui beberapa cabaran sepanjang tahun 2012 seperti faktor kekangan kewangan, kekangan ruang dan tenaga pengajar. Walau bagaimanapun, hasil kerjasama dan iltizam warga kampus kejuruteraan aktiviti dan program yang dirancang dapat dilaksanakan juga dengan perancangan yang rapi dan penyelesaian berdasarkan kaedah-kaedah tertentu. Kekurangan tenaga pengajar dalam bidang kejuruteraan tertentu merupakan masalah yang dihadapi di Kampus ini. Walau bagaimanapun, masalah ini telah dapat diselesaikan dengan kembalinya pensyarah yang telah dihantar untuk menyambung pengajian mereka di peringkat PhD samada dalam dan luar negara. Kekangan ruang yang

dihadapi sebelum ini juga sebahagiannya telah dapat diselesaikan apabila Pusat Penyelidikan Sains & Kejuruteraan (SERC) mula beroperasi pada awal Disember 2012. Dengan pendekatan guna sama, Pusat Penyelidikan ini telah memberi nafas baru kepada para penyelidik khususnya dalam menyelesaikan isu ketiadaan ruang.

## Rumusan

Secara keseluruhannya, tahun 2012 telah memperlihatkan kematangan dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti dalam merealisasikan temanya iaitu Menzahir Pencapaian. Kebanyakan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dengan kerjasama dan ikatan yang kuat di antara satu sama lain. Ukhwah dan gaya kehidupan warga Kampus Kejuruteraan yang telah terjalin sejak sekian lama merupakan antara faktor yang mendorong kepada kejayaan aktiviti yang dijalankan. Kejayaan 2012 adalah hasil kerjasama dan komitmen yang sangat tinggi yang telah diberikan oleh semua pihak dari semua peringkat. Tidak dapat dinafikan bahawa sesungguhnya pengorbanan yang telah diberikan oleh seluruh warga Kampus Kejuruteraan samada kakitangan mahupun pelajarnya telah menjadikan USM Kampus Kejuruteraan sentiasa terkehadapan dalam pelbagai bidang yang diceburi. Kampus Kejuruteraan akan terus mengorak langkah untuk meningkatkan kecemerlangan dalam pengurusan akademik dan pembangunan pelajar, penyelidikan, pembangunan serta jaringan industri dan masyarakat.







# LAPORAN

▶ **KAMPUS  
KESIHATAN**



## Pengenalan

*Kampus* Kesihatan yang ditubuhkan bermula pada Februari 1979 dan berfungsi sepenuhnya pada Jun 1983, terus berkembang pesat hingga ke hari ini dengan pembinaan pelbagai pusat tanggungjawab yang merentasi pelbagai bidang. Antara komponen-komponen utama Kampus Kesihatan adalah Hospital Universiti Sains Malaysia, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Pusat Pengajian Sains Pergigian, Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Institut Penyelidikan Perubatan Molekul, Pusat Inisiatif Penyelidikan Sains Klinikal dan Kesihatan, Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan dan pelbagai jabatan sokongan yang saling berhubung kait antara satu sama lain bagi membantu mencapai aspirasi universiti sejajar dengan visi, misi dan objektif yang telah ditetapkan

## Aktiviti

Kampus Kesihatan USM merupakan sebuah pusat pengembangan ilmu, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, aktiviti perundingan dan menyediakan perkhidmatan yang lengkap dan terkini dalam semua bidang kepakaran perubatan, pergigian dan kesihatan. Pelbagai perancangan dan aktiviti yang telah dilaksanakan. Penglibatan seluruh warga kampus dalam aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2012 secara keseluruhan telah dapat direalisasikan hasil kerjasama semua pihak dan sokongan serta bantuan pihak universiti secara umumnya. Pelbagai aktiviti bagi memantapkan program akademik, penyelidikan dan perkhidmatan telah dilaksanakan sepanjang tahun.

Penglibatan staf dan pelajar dalam aktiviti penyelidikan, perundingan, penerbitan, penyertaan dalam seminar bercorak ilmiah sepanjang tahun 2011 sedikit sebanyak telah membantu memantapkan program akademik di Kampus Kesihatan. Hasilnya pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antabangsa yang telah dicapai oleh pelajar/staf kampus kesihatan melalui pembentangan kertas kerja, penyelidikan dan seumpamanya.

## Aktiviti Pada Tahun 2012

1. Program antara pelajar Palestin bersama Naib Canselor dan Kedutaan Palestin pada 16 Mac 2012 di Kampus Kesihatan secara telesidang berkaitan dengan masalah yang dihadapi pelajar Palestin di USM.
2. Projek Penyerapan Kanak Kanak Kelainan Upaya ke dalam Pendidikan Arus Perdana 2010 – 2012.
3. Program Memperkasa Keluarga dalam Mentransformasikan Kesejahteraan Sosio-Ekonomi Mereka Melalui Kelestarian Pendidikan Anak.
4. Seminar 'Sustainable In MS ISO 15189 Practices' oleh Dr.Panadda Silva, Pengarah, Jaminan Kualiti, Kementerian Kesihatan Awam Thailand.
5. Kursus "*Internal Audit*" MS ISO 17025:2007 bagi staf makmal fasa 2 sepertimana berikut:

BIL	PTJ/MAKMAL	KAMPUS
1	<i>Center for Drug Research (CDR)</i>	Induk
2	<i>Vector Control Research Unit (VCRU)</i>	Induk
3	CEDEC	Kejuruteraan
4	<i>Chemical Characterization Testing Unit &amp; Cytotoxicity Test (PPSG)</i>	Kesihatan

6. PIMPIN Siswa Kampus Kesihatan : Program perkhemahan selama 3 hari, 2 malam yang diwajibkan kepada semua pelajar tahun pertama. Menekankan kepada pembangunan lapan teras utama model siswa/i USM iaitu cintakan Universiti, cintakan Negara/patriotism/menghormati Negara, jati diri, ketahanan diri, bertemakan kelestarian, kemahiran insaniah, kerohanian dan keupayaan intelektual.

Kampus Kesihatan melalui Pusat Inovasi & Produktiviti Perkhidmata Awam (PIPPA) telah melaksanakan kursus - kursus wajib seperti kursus induksi modul Umum & khusus dan kursus Sijil Pengajaran & Pembelajaran (Khas staf akademik) sebagai salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan. Sebanyak 96 program Latihan mengikut kompetensi skim perkhidmatan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 59 program (61.5%) telah dilaksanakan dengan jayanya. Sebanyak 11 program penjaan kewangan telah berjaya dilaksanakan dengan nilai penjaan sebanyak **RM 120,320.00**.

Slot kerjasama Kampus Kesihatan dengan Jabatan Penyiaran Kelantan (Radio Televisyen Malaysia) melalui siaran Radio Kelantan FM untuk Rancangan Doktor Di Radio telah memberikan ruang kepada para Pegawai dan Pensyarah Kampus Kesihatan dalam pelbagai bidang seperti Perubatan, Kesihatan dan Pergigian ke udara untuk membincangkan isu isu yang bersabit dengan kepakaran mereka. Festival Kelestarian Islam, Aktiviti ceramah, forum, pertandingan nasyid dan video, pertandingan sukan, senamrobik, konsert nasyid. Secara keseluruhan terdapat 15 buah projek yang dijalankan anjuran Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.

Sepanjang tahun ini penyelidik dan pelajar dari INFORMM telah menjalankan penyelidikan dan telah berjaya menghasilkan penerbitan dan pembentangan di peringkat

# LAPORAN KAMPUS KESIHATAN

kebangsaan dan antarabangsa seperti berikut:-

Bil	Penerbitan	Bilangan
1	<i>Jurnal – Indeks Petikan (Berwasit)</i>	97
	<i>(Faktor Impak Kumpulatif)</i>	(132.079)
	CEDEC (Indeks Petikan Kumulatif)	271
2	Jurnal – Indeks Bukan Petikan (Tidak berwasit)	22
3	Bab dalam buku	1
4	Pembentangan	54
	• Kebangsaan	
	• Antarabangsa	22

Hospital Universiti Sains Malaysia menerima jumlah kedatangan pesakit yang bertambah untuk tahun 2012. Kecemerlangan tenaga kerja, produktiviti dan khidmat yang efisien menyebabkan HUSM menjadi Hospital yang sangat disenangi oleh pesakit dan orang awam. Jumlah Kedatangan Pesakit HUSM Tahun 2012.

KLINIK	Jumlah
A&E	59484
KRK	64569
STAF	16803
PERUBATAN AM	28833
SURGERI	21,190
PEDIATRIK	8,727
O&G	16,051
ORTOPEDIK	25,445
PSIKIATRIK	9,107
OFTALMOLOGI	20,538
ORL	18,991
PERGIGIAN	40,576
NUKLEAR/ONKOLOGI/RADIOTERAPI	16,443
CKD	436
DIETETIK	211
PERUBATAN TRANSFUSI	289
USAINS	3,108
UKK	1,472
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>343,698</b>

## Pencapaian

Pada tahun 2012 pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang telah dicapai oleh pelajar/staf kampus kesihatan melalui penyertaan dan pembentangan kertas kerja, antaranya seperti berikut :

1. Juara Tempat Pertama – Ceram X Global Competition 2012 (Antara Universiti): Malaysian Level. Tajuk : *Aezthetic correction of peg-shape lateral incisors with diastema.*
2. *Best Poster Award in the 4th Malaysian Tissue Engineering and Regenerative Medicine Scientific Meeting at Meritus Pelangi Beach Resort & Spa, Pulau Langkawi, International Convention on Quality Control Circles.*
3. (ICQCC) 14-17 October 2012 Kuala Lumpur (*Gold Medal with 3 Stars*) – (i-Amin Group).
4. *Gold Medal, 23rd Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX2012) 17-19 Mei 2012 Kuala Lumpur, The Brainwaves System: A mind stimulating system to increase alertness.*
5. *Gold Medal with 3 stars - Teknodinamik Group, National ICC Convention 2012 (NICC 2012) 15-17 Oct. 2012.*
6. AKREDITASI MS ISO/IEC 17025:2007 Makmal Unit HID/DNA, Pusat Pengajian Sains Kesihatan telah di anugerahkan Akreditasi MS ISO/IEC 17025:2007 oleh Jabatan Standards Malaysia.
7. GMP (*Good Manufacturing Practice*) Makmal Bank Tisu, Pusat Pengajian Sains Perubatan telah di anugerahkan '*Letter of Conformation*' oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia bagi skop (*processing, preservation and storage of allograft and xenograft*).
8. INTERNATIONAL CONVENTION FOR QUALITY CIRCLES (ICQCC) 2012, Kumpulan KIK, INFINITY REHAB (HUSM) dan I-AMIN (PPSK) dari USM telah dianugerahkan Emas 3 Bintang yang merupakan penarafan tertinggi pada Konvensyen ICQCC 2012 yang diadakan di KLCC, Kuala Lumpur.
9. KONVENSYEN ICC IPTA KALI KE-8 Tiga kumpulan ICC Kampus Kesihatan telah mengambil bahagian dalam Konvensyen ICC IPTA kali ke-8 yang diadakan di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) pada 6-8 Mac 2012. Kumpulan ICC yang telah berjaya dalam Konvensyen ini adalah seperti berikut:

Bil.	Kumpulan ICC	PTJ	Kategori	Keputusan
1	Infiniti Rehab	HUSM	Teknikal	Johan Kategori Teknikal & Juara Keseluruhan
2	InfoRapid II	INFORMM	Pengurusan	Inovasi Terbaik
3	Sinergi	HUSM	Pengurusan	Perak

# LAPORAN KAMPUS KESIHATAN

10. PERSIJILAN 5S Kampus Kesihatan USM, berjaya menjalani Audit Semula Persijilan 5S oleh MPC dan berjaya mendapat persijilan baru pada Disember 2012 kepada 20 zon di Kampus Kesihatan seperti berikut:

No	Zon	No	Zon
1	Zon Hospital	11	Zon Pelantar
2	Zon Pengarah Kampus	12	Zon Pendaftar
3	Zon Perubatan	13	Zon Pembangunan
4	Zon Bendahari	14	Zon Perpustakaan Hamdan Tahir
5	Zon Bahasa	15	Zon Pusat Islam
6	<p>Nama Aktiviti: Program Intervensi Pelajar (Tekn. Maklumat&amp;Pembelajaran Berterusan)</p> <p><b>Fasa 1</b> Tempat: Swiss-Inn Sg Petani, Kedah Bil Peserta: 80 orang</p> <p><b>Fasa 2</b> Tempat: Hydro Hotel, Penang Bil Peserta: 70 orang</p> <p><b>Fasa 3</b> Tempat: Swiss-Inn Sg Petani, Kedah Bil Peserta: 60 orang</p>	<p>7 &amp; 8 Julai 2012</p> <p>30 Nov – 2 Dis 2012</p> <p>14 – 16 Disember 2012</p>
7	<p>Nama Aktiviti: Program Intervensi Pelajar (Kerja Berpasukan &amp; Komunikasi Berkesan)</p> <p><b>Fasa 1</b> Tempat: Sedim Eco-Theme Park, Kulim, Kedah Bil Peserta: 50 orang</p> <p><b>Fasa 2</b> Tempat: Sedim Eco-Theme Park, Kulim, Kedah Bil Peserta: 64 orang</p> <p><b>Fasa 3</b> Tempat: Swiss-Inn Sg Petani, Kedah Bil Peserta: 70 orang</p>	<p>7 - 9 Julai 2012</p> <p>10 – 12 Disember 2012</p> <p>16 – 18 Disember 2012</p>
8	<p>Nama Aktiviti: Program Intervensi Pelajar (Kemahiran Kepimpinan)</p> <p>Tempat: Sedim Vista, Kulim, Kedah Bil Peserta: 45 orang</p>	<p>23 – 25 November 2012</p>
9	<p>Nama Aktiviti: Program Intervensi Pelajar (Kemahiran Bahasa Inggeris)</p> <p><b>Fasa 1</b> Tempat: Dewan Kuliah, Kampus Induk, USM Bil Peserta: 30 orang</p> <p><b>Fasa 2</b> Tempat: Hydro Hotel, Penang Bil Peserta: 50 orang</p> <p><b>Fasa 3</b> Tempat: Hydro Hotel, Penang Bil Peserta: 70 orang</p>	<p>5 - 9 Julai 2012</p> <p>23 – 25 November 2012</p> <p>30 Nov – 2 Dis 2012</p>

## Senarai Program Unit Kerjaya, BHEPP

Bil	Aktiviti	Tarikh
10	Nama Aktiviti: Make Yourself Employable <b>Kampus Induk</b> Tempat: Dewan Pembangunan Siswa, Kompleks Cahaya, USM Bil Peserta: 41 orang	30 Jun & 1 Julai 2012
	<b>Kampus Kesihatan</b> Tempat: Dewan Pembangunan Siswa, Kampus Kesihatan Bil Peserta: 200 orang	2 & 3 Oktober 2012
11	Nama Aktiviti: Ceramah Kerjaya (CIMB, Petronas, Khazanah, JobStreet.com, Lion Risk, Prudential, etc) Tempat: Dewan Pembangunan Siswa, Kompleks Cahaya, USM Bil Peserta: 378 orang	Mei – Jun 2012
12	Nama Aktiviti: Program Pementapan Kerjaya Siswa (Kampus Kesihatan) Tempat: Dewan Pembangunan Siswa, Kampus Kesihatan Bil Peserta: 220 orang	26 & 27 April 2012
13	Nama Aktiviti: Bengkel Imej Siswazah Cemerlang (Kampus Kejuruteraan) Tempat: Dewan Pembangunan Siswa, Kampus Kejuruteraan Bil Peserta: 47 orang	26 & 27 April 2012
14	Nama Aktiviti: Taklimat Jurutera Siswazah & Profesional (Kampus Kejuruteraan) Tempat: Dewan Kuliah, Kampus Kejuruteraan Bil Peserta: 300 orang	31 Mei 2012
15	Nama Aktiviti: Career Day for Student Disability Tempat: Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Bil Peserta: 6 orang	10 Oktober 2012
16	Nama Aktiviti: MyCareer MyChoice Tempat: Dewan Pembangunan Siswa, Kompleks Cahaya, USM Bil Peserta: 50 orang	31 Mei 2012
17	Nama Aktiviti: Seminar Anjakan Kerjaya Siswa Tempat: De Baron Resort, Pulau Langkawi Bil Peserta: 50 orang	30 Nov – 2 Dis 2012
18	Nama Aktiviti: Seminar Pembangunan Kerjaya & Kaunseling Tempat: Swiss-Inn Sg Petani, Kedah Bil Peserta: 50 orang	30 Nov – 2 Dis 2012
19	Nama Aktiviti: Lean Sigma Training (3 Kampus) Tempat: Dewan-dewan Kuliah USM Bil Peserta: 300 orang	April – Dis 2012
20	Nama Aktiviti: Cisco Certified Network Associate Course (Induk & Kejuruteraan) Tempat: Makmal Komputer, PP Sains Komputer/PP Kej. Elek.& Elektronik, USM Bil Peserta: 156 orang	April – Dis 2012

# LAPORAN BAHAGIAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

## Senarai Program Unit Kerjaya, BHEPP

Bil	Aktiviti	Tarikh
21	Nama Aktiviti: Graduate Aptitude Programme (3 Kampus) Tempat: Dewan-dewan Kuliah USM Bil Peserta: 300 orang	April – Dis 2012
22	Nama Aktiviti: International Industrial Attachment	
	<b>Kumpulan 1</b> Tempat: New Zealand Bil Peserta: 2 orang	30 Jun – 1 Ogos 2012
	<b>Kumpulan 2</b> Tempat: Guangzhou Licheng Mechanical Electrical Manufacturing Co. Ltd Bil Peserta: 40 orang	1 – 5 Julai 2012
	<b>Kumpulan 3</b> Tempat: Crystal Group, Hong Kong Bil Peserta: 11 orang	2 – 9 September 2012
	<b>Kumpulan 4</b> Tempat: Intel Technologies, Bangalore, India Bil Peserta: 11 orang	9 – 15 Disember 2012
	<b>Kumpulan 5</b> Tempat: Toray Industries, Jepun Bil Peserta: 6 orang	19 – 24 September 2012

## Unit Tajaan & Perhubungan Antarabangsa

Unit Tajaan bertanggungjawab dalam urusan kewangan pelajar seperti biasiswa dan pinjaman. Unit ini memberikan maklumat dan menyelaraskan urusan berkaitan penajaan dan membantu dalam masalah kewangan pengajian serta permohonan rayuan pendaftaran pelajar. Jadual 13.0 menunjukkan bilangan pelajar yang mendapat penajaan sepanjang tahun 2012.

Penaja	Kampus Induk	Kampus Kejuruteraan	Kampus Kesihatan	Jumlah Pelajar
Badan Kerajaan & Berkanun	1835	966	648	3449
PTPTN	5313	897	683	6893
Kerajaan/Yayasan Negeri	84	31	16	131
Badan Swasta	14	11	0	25
<b>Jumlah</b>	<b>7246</b>	<b>1905</b>	<b>1347</b>	<b>10498</b>

Jadual 13.0: Tawaran Biasiswa/Pinjaman Pelajar 2012

Unit Perhubungan Pelajar Antarabangsa pula menguruskan hal ehwal pelajar dari luar negara seperti insuran dan kesihatan.

## Unit Penginapan dan Perumahan Universiti (UPPU)

Unit Penginapan dan Perumahan Universiti menguruskan penginapan pelajar termasuk kemudahan kafeteria dan premis perniagaan untuk kemudahan pelajar. Prestasi dan mutu perkhidmatan yang disediakan ini sentiasa dipantau oleh jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh BHEPP.

Kampus	Desasiswa	Jumlah Keseluruhan	Jumlah Tempat		Jumlah Menginap		Jumlah Kekosongan	
			Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Induk	Aman Damai	1,066	252	814	230	795	22	19
	Bakti Permai	334	167	167	161	159	6	8
	Cahaya Gemilang	645	292	353	281	341	11	12
	Fajar Harapan	652	294	358	268	354	26	4
	Indah Kembara	904	226	678	210	674	16	4
	Restu	1,827	795	1,032	780	1,019	15	13
	Saujana	1,652	0	1,652	0	1,612	0	40
	Tekun	1,663	764	899	636	882	128	17
	<b>Jumlah</b>	<b>8,743</b>	<b>2,790</b>	<b>5,953</b>	<b>2,566</b>	<b>5,828</b>	<b>240</b>	<b>125</b>
	Unit Kediaman Transit	26		19		15		4
Rumah Antarabangsa	242	0	242	0	237	0	5	
Kejuruteraan	Jaya	1104	791	313	785	310	6	3
	Lembaran	928	459	469	434	464	25	5
	<b>Jumlah</b>	<b>2,032</b>	<b>1,250</b>	<b>782</b>	<b>1,219</b>	<b>774</b>	<b>31</b>	<b>8</b>
Kesihatan	Murni	1,635	195	1,440	100	1,053	95	387
	Nurani	1,212	414	798	388	791	26	7
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,847</b>	<b>609</b>	<b>2,238</b>	<b>488</b>	<b>1,844</b>	<b>121</b>	<b>394</b>
			<b>13,622</b>		<b>12,719</b>		<b>919</b>	

Jadual 14.0: Kemudahan Penginapan

# LAPORAN BAHAGIAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

## Pencapaian Dan Penyertaan Pelajar :

Berikut adalah pencapaian pelajar yang telah dicapai sepanjang tahun 2012. Pencapaian ini merangkumi program-program yang disertai pelajar di peringkat antarabangsa dan kebangsaan :

Perkara	Bil. Program
Anugerah	12
Lawatan dalam negara	21
Baktisiswa/khidmat masyarakat	43
Persidangan	57
Bengkel	34
Penyelidikan	15
Program Sukarelawan	16
Lawatan luar negara	27

Jadual 15.0

## Dewan Perundingan Pelajar (DPP)

### *Objektif Pelaksanaan Program*

- Menyediakan platform yang menggabungkan suara mahasiswa di semua peringkat kepimpinan mahasiswa
- Membudayakan perbahasan secara intelektual dalam kalangan mahasiswa
- Melahirkan mahasiswa berkualiti, berfikiran kritis dan idealis sebagai pelapis kepimpinan Negara pada masa hadapan
- Suara mahasiswa diiktiraf dalam penggubalan dasar universiti dan dasar Negara
- Untuk menjadi peneraju perubahan pemikiran kearah pengertian kebebasan yang berhemah dan mencetuskan satu keadaan dimana suara generasi muda didengari, peranannya diiktiraf dan isunya ditangani melalui orientasi anak muda.

### *Pencapaian DPP*

Dewan Perundingan Pelajar merupakan Parlimen Mahasiswa yang pertama diwujudkan di Malaysia. Ianya berjaya dilaksanakan sebanyak 6 kali persidangan dan usul-usul yang telah diluluskan oleh dewan juga mendapat respon-respon yang baik. Penubuhan Dewan Perundingan Pelajar USM ini menjadi contoh atau sumber inspirasi kepada Universiti-universiti lain juga menubuhkannya. Menteri Pengajian Tinggi, Y. Bhg. Datuk Seri Khaled Nordin juga telah menyebut dalam ucapan beliau dalam ucapan tahunan agar setiap universiti di Malaysia turut sama-sama menubuhkan Parlimen Mahasiswa sekaligus menubuhkan Parlimen Mahasiswa peringkat Nasional.



## Statistik Sepanjang Penganjuran Dewan Perundingan Pelajar USM

KEAHLIAN	Sidang Akademik 2010/2011	Sidang Akademik 2011/2012	Sidang Akademik 2012/2013
Ahli	58 orang	58 orang	68 orang
Pemerhati	50 orang	50 orang	50 orang
Usul	DPP 'mock' 10 usul  DPP BIL.1/2010/2011 21 usul  DPP BIL 2/2010/2011 20 usul	DPP BIL 1/2011/2012 19 usul  DPP BIL 2/2011/2012 12 usul	DPP BIL 1/2012/2013 20 usul

## Pusat Sukan Dan Rekreasi

Pusat Sukan dan Rekreasi berperanan dalam pembangunan sukan dan atlet serta pembangunan sahsiah siswa-siswi USM. Sepanjang tempoh 2012, ketiga-tiga kampus telah memainkan peranan penting sehingga berjaya memacu kecemerlangan pengurusan sukan ke tahap melonjakkan imej Universiti.

Jadual 16.0 menunjukkan bilangan aktiviti dan sukarelawan yang terlibat dalam setiap program, manakala Jadual 17.0 adalah kejayaan dalam aktiviti sukan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan dan Rekreasi dan Jadual 18.0 adalah Kejayaan dalam Aktiviti Sukan (Luar Negara) (Jan. – Disember 2012).

Jadual 17.0: Aktiviti dan Bilangan Sukarelawan yang Terlibat

Program/Aktiviti	Bil Sukarelawan	Induk
Pesta Hoki USM-Penang International	39	250
PST- Kejohanan Hoki Jemputan		15
Karnival Hoki MASUM Division 2		30
Pesta Bola Jaring USM-Penang International	22	150
<i>1<sup>st</sup> Asian Invitational Netball Championships</i>		150
Sukan Antara Desasiswa (SUKAD)		60
Temasya Olahraga Tahunan	38	230
Program Rekreasi		
- X-sayam-gunung stong		42
- Merbok River Cruise		33
- KAREK		50
- X-Yong Belar		34
- Cycling Through Life- Menuju Puncak		40
- X-Larut		20
- KRU Keusahawanan		20
- KRU Interaksi Rekreasi		20

# LAPORAN BAHAGIAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

Program/Aktiviti	Bil Sukarelawan
3rd USM Open Relay	50
Majlis Anugerah Sukan	10
Kejohanan Renang-PASA_PKS USM	30
Kejohanan Renang Jemputan Terbuka PKS	40
Kejohanan Ragbi Terbuka USM	40

## Kampus Kejuruteraan

Program/Aktiviti	Bil Sukarelawan
Kejohanan Taekwando	50
Sukan Antara Desasiswa (SUKAD)	12
1st Asian Invitational Netball Championships	50
USM Ragbi Terbuka	60
Sepak Takraw Terbuka	30
Program Rekreasi	
- Le Tour De Sedim	50
- Cycling Through Life- Menuju Puncak	40

## Kampus Kesihatan

Program/Aktiviti	Bil Sukarelawan
Kejohanan Futsal Terbuka	50
Sukan Antara Desasiswa (SUKAD)	12
Kejohanan Terbuka Sofbol	15
Program Rekreasi	
- Berkayak Pantai Senok	45
- Cycling Through Life- Menuju Puncak	40
- Kembara kayak ke Tok Bali	10
- Bola sepak Muhibbah	5



Jadual 18.0: Penyertaan dan Kejayaan dalam Acara Sukan Dalam Negara (Jan-Dis 2012)

Program/Aktiviti	Peringkat Pencapaian/ Penglibatan
Kejohanan Teakwando USIM Terbuka 2012	1 Emas
Sukan MASUM SIRI I, UMP	1 Emas dan 1 Perak
Kejohanan Masum Olahraga UTM	4 Emas 7 Perak dan 9 Gangsa
Kejohanan Badminton MMU terbuka 2012	Penyertaan
Kejohanan Skuash Terbuka INTI Nilai 2012	1 Emas dan 1 Gangsa (Plate)
Karnival Masum Siri II, Unimap	2 Emas dan 6 Gangsa
Karnival Sukan Masum Fasa I, Unimas Sarawak.	6 Emas 11 Perak dan 12 Gangsa
Karnival Sukan Masum Fasa II, UTHM, Johor.	1 Gangsa
Kejohanan Ping Pong IPT Piala Menteri, UIA, Kuantan	Penyertaan
Kejohanan Sukan Air Masum, Putrajaya.	Penyertaan
Kejohanan Menembak Acara 10 Meter Air pistol dan Air Rifle, UPNM	Penyertaan
Sukan Masum Siri III, Unisza	2 Emas 1 Perak dan 5 Gangsa
Kejohanan Swimathon Kapas Marang 2012	Kedudukan Top 10
Kejohanan Hoki Dewan UPSI	1 Emas dan 1 Gangsa
Kejohanan Masum Cup, UUM	Penyertaan
Kejohanan Bola Keranjang 3 on 3 Piala KPT/ UMP	1 Gangsa
Kejohanan Bola Tampar UIAM Terbuka	1 Emas
Kejohanan Skuash GP Final, UKM	1 Emas
Kejohanan SUKIPT 2012	9 Emas 13 Perak dan 15 Gangsa
Kejohanan Sukan Pantai Masum	1 Emas dan 1 Gangsa
40th National & 3rd International Lifesaving Sports Challenge	2 Emas 1 Perak. 5 atlet USM dipilih dalam skuad Malaysia
Kejohanan Hoki Dewan Masum 2012	1 Perak
Karnival Hoki Divisyen 1 Masum 2012	1 Gangsa
Liga Futsal IPT/KPT 2012	Penyertaan
Karnival Futsal Wanita 2012	Penyertaan
Kejohanan Renang PKS/USM 2012	13 Emas 17 Perak 14 Gangsa
Pesta Hoki USM 2012	1 Perak
Kejohanan Ragbi 10s	penyertaan
Kejohanan Terbuka Sofbol	Wanita tempat ke3
Pesta Bola Jaring USM 2012	Johan Lelaki dan Johan wanita Kategori USM Penyertaan kategori IPT

# LAPORAN BAHAGIAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

Jadual 19.0 : Penyertaan dan Kejayaan dalam Aktiviti Sukan (Luar Negara)

Program/Aktiviti	Bil Sukarelawan
<i>Karate-do World University Championship, Bratislava, Slovakia</i>	Mewakili skuad Malaysia untuk penyertaan.
<i>Life Saving International Sport Challenge, Adelaide Australia.</i>	Mewakili skuad Malaysia untuk penyertaan.
Karnival IMT_GT 2012	2 Emas 1 Gangsa
AUG Laos	1 Emas 2 Perak 1 Gangsa
<i>X-Trail Singapore Run 2012</i>	Penyertaan
Kejohanan Tenpin Bowling Korea Open 2012	Penyertaan
<i>Karate WKF Premier League, Jakarta Indonesia,</i>	Penyertaan
<i>11<sup>th</sup> Senior &amp; 12<sup>th</sup> Junior &amp; Cadet Asian Karatedo Federation Championship (AKF). Tashkent, Uzbekistan.</i>	1 Gangsa
<i>1<sup>st</sup> South East Asia Karate-Do Championship. Thailand, Bangkok</i>	1 Emas
<i>South East Asia Taekwondo Championship Seoul Korea</i>	Penyertaan


## Cabaran:

- Mewujudkan sistem dan mekanisma yang efektif untuk mengurus bilangan aktiviti pelajar yang bertambah dari semasa ke semasa;
- Menguruskan sumber tenaga kerja yang bekerja melebihi masa kerja yang sepatutnya;
- Memenuhi keperluan semasa pelajar yang semakin meningkat;
- Memastikan aktiviti pembangunan pelajar selaras dengan hasrat universiti;
- Melahirkan bakal graduan yang mampu memenuhi keperluan dan kehendak pasaran kerja;
- Mengurangkan kerenah birokrasi untuk meningkatkan tadbir urus yang cekap;
- Memastikan tuntutan dan kehendak pelajar yang bersesuaian dengan pembangunan pelajar yang kondusif dan sistematik dipenuhi.

## Kesimpulan :

Secara keseluruhan, pencapaian BHEPP bagi tahun 2012 telah membantu dalam menahirkan modal insan yang cemerlang dalam kalangan pelajar disamping menginsankan Universiti melalui pelaksanaan program dan peningkatan perkhidmatan untuk pelajar. BHEPP juga telah menjadi perintis kepada beberapa program utama seperti PIMPIN Siswa, Dewan Perundingan pelajar dan pelbagai bentuk program Kelestarian. BHEPP akan terus menjadi pemangkin dan memantapkan usaha dalam melahirkan individu yang cemerlang dan mampu melopori pasaran global dan berstatus graduan minda kelas pertama.





# LAPORAN

## ▶ BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

# LAPORAN BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT



## Pengenalan

*Perubahan* aspek sosial dan egalitarian pada masa kini, telah memangkin hala tuju universiti-universiti dalam memberi satu komitmen yang lebih jitu terhadap kebajikan dan transformasi masyarakat di sekeliling mereka. Pengajaran dan penyelidikan tetap kekal menjadi misi utama setiap universiti, namun universiti-universiti juga dikehendaki menggunakan sumber yang ada, sama ada sumber manusia mahu pun fizikal, dalam membina hubungan yang bermakna dengan komuniti dan industri dalam menangani isu-isu dan keperluan-keperluan, serta menyediakan penyelesaian bagi mencapai transformasi.


Selaras dengan hasrat tersebut, Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) telah ditubuhkan di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 2007, berperanan untuk memadankan ilmu/kepakaran, kemudahan dan sumber yang terdapat di dalam universiti dengan keperluan, aspirasi serta harapan pihak industri dan masyarakat, serta merapatkan jalinan hubungan di antara Komuniti-Universiti-Industri agar lebih bermanfaat dan lestari di pelbagai peringkat. Penumpuan diberi bagi mengembangkan nilai-nilai kemanusiaan dan kesejagatan ke arah kelestarian serta keharmonian masyarakat khususnya golongan terkebahawah melalui aktiviti libatsama industri dan komuniti.

Usaha dan inisiatif yang dijalankan ke arah memperluaskan libatsama industri/komuniti pada peringkat negeri, kebangsaan, serantau dan antarabangsa adalah selaras dengan Pelan Peningkatan Strategik bagi Kerjasama Industri/Masyarakat yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia.

## Rangka Kerja

BJIM telah menyediakan satu konsep rangka kerja untuk mencapai status *Scholarly Engaged University* demi kecemerlangan Universiti menjelang tahun 2020.





## Aktiviti dan Pencapaian

Aktiviti	Pencapaian
Bengkel Pemantauan/ Penilaian Projek Libatsama Universiti-Komuniti/ <i>Flagship</i>	Sebanyak 65 Projek Libatsama Universiti-Komuniti/ <i>Flagship</i> yang dilaksanakan sejak dari tahun 2010 telah berjaya dinilai dan dipantau dalam bengkel yang diadakan di Kampus Induk (24 April 2012) dan Kampus Kesihatan (13 Mei 2012) ini.
Hari libatsama Komuniti- Universiti-Industri: Satu Nada Satu Iltizam <ul style="list-style-type: none"> <li>• 29 Mei 2012 Dewan Kompleks Cahaya Siswa</li> </ul>	Program ini telah dihadiri oleh seramai 200 peserta daripada pelbagai syarikat multinasional, SME, NGO, agensi kerajaan, dan swasta termasuk persatuan-persatuan di Pulau Pinang dan dari negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Para peserta telah memberikan maklumbalas yang positif di mana program ini telah dapat memupuk pemahaman yang lebih baik tentang paradigma libatsama komuniti-universiti-industri. Selain itu, para peserta juga menyedari bahawa program ini memberi banyak potensi dan ruang untuk inisiatif libatsama antara USM dengan industri/komuniti yang dapat menguntungkan semua pihak.

# LAPORAN BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT

Aktiviti	Pencapaian
<p>Majlis 'A Gathering Between Consular Corps of Penang and Universiti Sains Malaysia'</p> <ul style="list-style-type: none"><li>27 September 2012 Kediaman Rasmi Konsulat Jeneral Republik Indonesia</li></ul>	<p>Majlis susulan daripada program <i>Ambassadors Summit</i> yang telah berlangsung di USM pada 14–15 September 2012 ini merupakan anjuran pihak Konsulat Jeneral Republik Indonesia dengan kerjasama BJIM dan SCOMM, USM. Ia bertujuan untuk mengeratkan jalinan hubungan dan komunikasi yang baik di antara USM dengan perwakilan asing yang berada di Pulau Pinang di samping untuk berkongsi maklumat tentang peluang-peluang kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan dan sebagainya.</p>
<p>Bersama BJIM &amp; Bengkel Libatsama Komuniti/Industri</p>	<p>Seramai 130 orang peserta telah menghadiri program yang telah dilaksanakan di ketiga-tiga kampus USM (Kampus Induk - 10 &amp; 12 Oktober; Kampus Kesihatan - 22-23 Oktober; dan Kampus Kejuruteraan - 6 November). Program ini telah dapat memberi kefahaman yang jelas kepada peserta tentang hala tuju BJIM yang selari dengan Agenda APEX Universiti serta meningkatkan pengetahuan peserta tentang konsep libatsama dan aplikasi yang bermanfaat dengan pihak industri dan komuniti.</p>

## Penerbitan

BJIM telah menerbit dan melancarkan dua buah buku bertajuk "*Internship-From Classroom to Career*" dan "*Industry/Community Advisory Panel 2012*" pada Mei 2012. Selain itu, tiga keluaran Buletin BJIM juga telah diterbitkan sepanjang tahun 2012 sebagai hebahan maklumat tentang aktiviti-aktiviti BJIM kepada pihak industri dan masyarakat di luar USM.

BJIM telah mengorak selangkah lagi apabila berjaya menerbitkan sebuah jurnal antarabangsa secara elektronik iaitu e-Jurnal Antarabangsa Libatsama Komuniti & Industri yang telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi 1, Y. Bhg. Dato' Dr. Hou Kok Chung pada 29 Mei 2012. e-Jurnal ini memberi tumpuan kepada bidang libatsama komuniti dan industri. Ia menjadi platform kepada semua lapisan masyarakat terutamanya ahli akademik serta pengamal dalam bidang libatsama komuniti dan industri dari seluruh dunia untuk menghebahkan dan berkongsi ilmu pengetahuan serta pengalaman secara ilmiah.



<http://iejcie.usm.my>

## Libatsama Universiti–Komuniti

Perkongsian atau kerjasama melalui proses libatsama universiti-komuniti memainkan peranan penting dalam membantu golongan terkebahawah mengubah taraf ekonomi dan kesejahteraan sosial mereka demi masa depan yang lebih baik. Melalui proses libatsama komuniti ini juga, pemindahan ilmu atau kemahiran dan kepakaran kepada komuniti akan dapat memastikan elemen kelestarian berterusan dalam masyarakat.


Justeru itu, BJIM telah meluluskan sebanyak 17 projek libatsama universiti-komuniti dan satu projek *flagship* pada tahun 2012 yang melibatkan belanjawan sebanyak RM341,329.00. Selain itu, terdapat juga 44 projek dari tahun 2011 telah diteruskan ke tahun 2012 dengan belanjawan sebanyak RM1,761,752.06. Selain daripada projek libatsama universiti-komuniti yang dikendalikan melalui geran BJIM ini, terdapat juga 60 projek libatsama komuniti yang dilaksanakan melalui Pusat Pengajian/Pusat di USM. Projek-projek yang dilaksanakan ini merangkumi bidang-bidang utama seperti pendidikan, kesihatan, ekonomi, sosial, persekitaran dan budaya yang memfokuskan kelestarian dan peningkatan hidup masyarakat khususnya golongan terkebahawah, serta proses pemindahan ilmu kepada masyarakat supaya lebih berdikari.

# LAPORAN BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT

Selain daripada geran projek libatsama universiti komuniti tersebut, BJIM juga telah meluluskan sebanyak 32 projek/aktiviti/program ad hoc libatsama komuniti/industri yang melibatkan kewangan sebanyak RM 279,127.40. Projek-projek tersebut telah dilaksanakan oleh 21 Pusat Pengajian/Pusat/Persatuan Pelajar di USM.

Bagi mewujudkan dan menjalinkan hubungan di antara staf, pelajar dengan pihak komuniti dan organisasi awam/swasta di luar USM, sebanyak 203 aktiviti telah dianjurkan di peringkat PTJ

## Jenis aktiviti libatsama komuniti yang dijalankan di PTJ



- Lawatan
- Roadshow/  
Kempo/  
Pesta/Hari Terbuka  
Karnival
- Lain-lain  
(Pameran/  
Persembahan Muzik/  
Latihan)

seperti berikut:

Melalui jaringan libatsama dengan pihak luar tersebut, dua pusat pengajian telah menerima sumbangan/endowmen bagi program/aktiviti libatsama komuniti seperti berikut:-

Pusat Tanggungjawab	Sumbangan
Pusat Pengajian Sains Farmasi	Ubat-ubatan
Pusat Pengajian Sains Pergigian	<i>Mobile dental bus</i> bernilai sejumlah RM 1,230,000.00

PTJ juga turut mengadakan sebanyak 157 aktiviti/program seperti bengkel, persidangan, seminar, kursus jangka pendek dan ceramah untuk staf dan pelajar bertukar-tukar pendapat, ilmu, idea dan pengalaman dengan ahli profesional, organisasi awam/swasta dan agensi

Aktiviti	Jumlah aktiviti yang dijalankan	Bilangan PTJ yang terlibat
Bengkel	53	21
Persidangan	11	6
Seminar	25	11
Ceramah	43	15
Kursus Jangka Pendek	25	7

Jadual 1: Program libatsama komuniti mengikut aktiviti yang dianjurkan oleh PTJ di USM

komuniti mengenai penemuan baharu serta teknologi dan strategi/teknik terkini.

## Libatsama Universiti–Industri

### 1. Projek Libatsama Universiti-Industri

BJIM telah memperkenalkan dan mempelawa buat pertama kalinya kepada warga USM permohonan geran projek libatsama Universiti-Industri pada tahun 2012. Projek bertajuk 'Bangunan Kapasiti Analisis Seluruh Transkriptomik Penggunaan selepas Generasi Sequencing untuk memahami Penyakit-penyakit Genetik Manusia; Libatsama di antara Pusat Genom Manusia, USM dan Malaysian Genomics Pusat Sumber Bhd.' yang diketuai oleh Prof. Madya Gan Siew Hua dari PP Sains Perubatan telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM49,995.00.

### 2. Pertemuan/Perbincangan ke arah Kolaborasi

Sebanyak 59 mesyuarat, perbincangan dan dialog telah diadakan dengan pelbagai organisasi untuk meninjau peluang-peluang kerjasama seperti perundingan, penyelidikan, penempatan latihan industri pelajar, sandaran staf, pendidikan berterusan dan sebagainya sepanjang tahun 2012. Perincian peratusan kategori syarikat dan organisasi adalah seperti berikut:



# LAPORAN BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT

Hasil serta impak dari pertemuan/perbincangan tersebut adalah seperti berikut:

## i. Geran luar:

- a. B. Braun telah menawarkan kontrak projek industri melalui Usains Holdings Sdn. Bhd. bernilai RM123,000. Projek usaha sama bertajuk *Studies on Antibacterial Agent Filled Polypropylene or Polyurethane for Antimicrobial Application* ini diketuai oleh Dr. Srimala Sreekantan dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral.
- b. Prof. Madya Mahamad Hakimi Ibrahim, Pusat Pengajian Teknologi Industri telah mendapat geran sebanyak RM50,000 daripada CIMB Foundation untuk melaksanakan projek bertajuk *Turning Biowaste into Biogas with Sustainable Applications of Vermitechnology for Ecological Community Development of Cattle Farmers in Kepala Batas (SAVECOMM)*.

## ii. Sumbangan biasiswa dan anugerah kepada pelajar:

- a. Dell Asia Pacific Sdn. memberi sumbangan biasiswa sebanyak RM1,500 setiap semester kepada dua pelajar USM (pelajar dari PP Sains Komputer dan PP Pengurusan) di bawah program *Malaysian Skills Enhancement Sponsorship*.
- b. Micron Semiconductor Asia Pte Ltd. Singapura telah menawarkan anugerah SD1,000 kepada 12 pelajar terbaik daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik dan Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, USM.

## iii. Pengajaran/Lawatan/Kepakaran:

- a. 12 pensyarah adjunct/fasilitator/pengajar dari industri telah dijemput untuk mengajar dalam kuliah/tutorial kepada 150 orang pelajar di USM.
- b. Lawatan industri ke Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd. telah diadakan pada 26 April 2012. Lawatan ini disertai oleh 36 orang pelajar (9 daripada Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan dan 27 orang pelajar daripada Pusat Pengajian Sains Matematik). Dr Wolfgang Diewald, Ketua Jabatan Teknologi dan Kumpulan Infineon telah memberi taklimat tentang kilang berteknologi tinggi ini. Ahli rombongan juga berpeluang melawat beberapa makmal dan mendapat pendedahan tentang suasana kerja di Infineon semasa lawatan tersebut.



- c. (c) Wakil daripada syarikat B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd. dan Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd. dilantik sebagai panel penilai luar untuk pemilihan Tokoh Anugerah Sanjungan Industri (ASI) 2011.

**iv. Mou/MoA:**

- a. Lanjutan daripada NDA di antara USM dengan WD Media (Malaysia) Sdn., projek penyelidikan kontrak bernilai RM25,000 bertajuk *Establishing a Feasible Treatment System for Surfactant Removal from Used Ultrapure Water Generated by HDD Manufacturer for its Recovery and Reuse* yang diketuai oleh Prof. Madya Ahmad Zuhairi Abdullah, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia telah pun dilaksanakan.
- b. MoA di antara USM dengan Institut Jurutera Malaysia (IEM), Cawangan Pulau Pinang telah ditandatangani pada 4 April 2012 dengan pelbagai aktiviti yang dirancang seperti kerjasama dalam penyelidikan dan pendidikan; aktiviti bagi menyokong program keahlian profesional untuk staf serta pelajar; anjuran bersama program serta aktiviti akademik yang lain; dan perkongsian maklumat.
- c. MoA di antara USM dengan B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 28 Mei 2012 bagi kerjasama untuk menjalankan projek-projek penyelidikan industri peranti perubatan (*medical devices*), perkongsian kepakaran/kemudahan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan, serta aktiviti-aktiviti pembangunan sumber manusia.
- d. MoA di antara USM dengan Rajanagarindra Institute of Child Development (RICD), Thailand telah ditandatangani pada 28 Mei 2012 bertujuan untuk program sandaran staf, aktiviti penerbitan jurnal, projek sumbangan dan pengagihan kerusi roda, dan kerjasama dalam aktiviti pembangunan sosial serta pembangunan kanak-kanak.



MoA dengan B. Braun Medical Industries



MoA dengan RICD, Thailand

# LAPORAN BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT

- e. Lanjutan daripada MoU yang ditandatangani di antara USM dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada tahun 2011, USM telah menerima geran sebanyak RM40,000 untuk menjalankan projek kajian rintis pengurusan sisa pepejal tidak toksik dan anugerah hijau kepada pelajar IPTA/IPTS serta industri tempatan. Pemeteraian NDA di antara USM dengan Green City Universal Sdn. Bhd., MPSP dan KDU College Sdn. Bhd. telah dibuat pada 28 Mei 2012 untuk menjalankan projek kajian rintis tersebut.
- f. MoU di antara USM dengan Huawei Technologies Malaysia Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 14 Jun 2012. Kerjasama dengan Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik ini bertujuan untuk membangunkan makmal telekomunikasi bagi menyediakan graduan yang lebih sedia mengikut kehendak industri.
- g. MoU di antara USM dengan City of Mandurah telah ditandatangani pada 4 Oktober 2012 bagi kerjasama dalam aktiviti-aktiviti seperti penyelidikan bidang kelestarian dan tenaga boleh diperbaharui; usahasama penyelidikan dan pengajaran amalan terbaik dalam kepimpinan sektor awam; dan pembangunan serta pelaksanaan model-model amalan terbaik dalam inovasi dan transformasi.
- h. MoA di antara USM dengan Northern Skills Development Centre telah ditandatangani pada 29 Oktober 2012 bagi penganjuran bersama program Penang Space Festival with NASA 2012 serta kursus-kursus sains dan astronomi.
- i. MoA (Sponsorship Agreement) di antara USM dengan Micron Technology Foundation, Inc. Amerika Syarikat telah ditandatangani pada 21 Disember 2012. Micron Technology akan memberi sumbangan Hadiah Buku bernilai SD1,000 setiap satu kepada 12 pelajar USM mulai tahun 2012.

## Aktiviti utama yang dianjurkan bersama pihak Industri

- a. USM dan NASA telah menganjurkan Penang Space Festival with NASA 2012 pada 29 hingga 30 Oktober 2012. Pesta angkasa ini telah memberi peluang kepada pelajar, guru dan orang awam mengetahui tentang bidang astronomi serta sains angkasa dan teknologi. Program yang pertama kalinya dianjurkan di Pulau Pinang ini telah berjaya menarik seramai 27,673 pelawat daripada dalam dan luar USM. Pesta ini menghimpunkan pelbagai aktiviti menarik seperti D'Monte Water Rocket, Planetarium Show, bengkel Space Art dan pameran. Selain itu, sekumpulan saintis NASA juga telah menyampaikan ceramah-ceramah berkaitan astronomi yang diadakan di USM.





- b. (b) HR Forum anjuran bersama USM dengan Malaysian Dutch Business Council (MDBC) ini telah diadakan pada 29 November 2012 di Dewan Persidangan Universiti. Forum ini bertujuan untuk membincangkan tentang isu-isu dan amalan terbaik pengurusan sumber manusia bersama pakar-pakar daripada Talent Corp dan Randstad. Seramai 37 orang peserta daripada pelbagai industri telah menghadiri forum ini.

### ***Siri Technical Talk (Tech Talk)***

Siri Technical Talk merupakan program kerjasama di antara USM dengan The Electronic Engineering Technical Division (eETD), Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM) dan Dream Catcher Consultancy Sdn. Bhd. Ia bertujuan untuk menyebarkan teknologi-teknologi terkini kepada komuniti kejuruteraan tempatan dan akademia yang disampaikan oleh penceramah jemputan dari industri serta institusi pengajian tinggi. Sebanyak sembilan siri ceramah tentang pelbagai topik telah dianjurkan dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada 461 orang peserta (413 peserta dari industri dan 47 peserta dari USM). Program ini juga telah menjadi platform untuk meningkatkan hubungan libatsama dan jaringan di antara USM dengan pihak industri.


# LAPORAN BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT



## Sandaran Staf Akademik di Industri

Lima staf akademik dari Kampus Kejuruteraan, seorang dari PP Komunikasi dan seorang dari PP Sains Kajihayat, USM telah menjalani program sandaran staf di enam syarikat-syarikat seluruh Malaysia dan satu syarikat di Jepun. Melalui program ini, staf USM dapat mengetahui dan mempelajari teknologi-teknologi terkini yang ada di industri serta dapat menambah kemahiran dan pengetahuan mereka melalui aktiviti pemindahan ilmu di antara staf USM dan pakar-pakar di organisasi/syarikat tersebut.

## Program Internship Pelajar (PIP)



Penempatan Internship Pelajar 2012 di syarikat/organisasi tempatan dan antarabangsa

Pada tahun 2012, sebanyak 2,108 orang pelajar telah menjalani PIP di 1,228\* syarikat/agensi/industri di seluruh Malaysia. Manakala sebanyak 49 orang pelajar pula telah menjalani PIP mereka di 19 syarikat luar negara seperti Korea, Jepun, Indonesia, China, Singapura, Filipina, India dan Taiwan. Jumlah keseluruhan pelajar yang telah menjalani PIP di dalam dan luar negara adalah seramai 2,157 orang.

\*Jumlah ini adalah meliputi bilangan syarikat/organisasi yang mengambil pelajar lebih daripada satu Pusat Pengajian.

## Kluster, Champion dan Jawatankuasa BJIM

Kluster	Aktiviti/Pencapaian
Kluster Libatsama Universiti-Komuniti [ <i>University-Community Engagement (UCE)</i> ]	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menjadi panel penilai semasa bengkel pemantauan/penilaian projek libatsama universiti-komuniti geran BJIM.</li> <li>Terlibat dalam persediaan dan persiapan untuk menganjurkan Persidangan Libatsama Universiti-Komuniti 2013 yang dihoskan oleh Universiti Andalas, Indonesia.</li> <li>Membuat analisis bagi mengenalpasti keperluan pendidikan di Sekolah Kebangsaan Kuala Gula, Perak pada 18 Oktober 2012. Hasil kajian analisis ini juga akan digunakan bagi membantu meningkatkan taraf sosio-pendidikan sekolah yang terletak di kawasan luar bandar.</li> </ol>
Kluster Orang Kurang Upaya (OKU)	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengemaskini draf dasar OKU USM.</li> <li>Mendapatkan sumbangan 50 buah kerusi roda daripada <i>Rajanagarinda Institute of Child Development (RICD)</i>, Thailand.</li> <li>(Menganjurkan Karnival Sukan Orang Kurang Upaya (SUKOKU) Kelantan 2012 'Play &amp; Fun' dengan kerjasama Program Sains Senaman dan Sukan, PPSK pada 8 November 2012 di Kampus Kesihatan, Kubang Kerian. Seramai 237 peserta yang menyertai karnival ini terdiri daripada PDK Kelantan, <i>Association of Resource and Education for Autistic Children</i> dan <i>The Cerebral Palsy (Spastic) Children's Association of Penang</i>.</li> <li>Seramai 32 orang staf serta pelajar dari Kampus Induk dan IPPT, USM telah menyertai Bengkel Kesedaran Hak &amp; Keperluan Orang Kurang Upaya (OKU) dan Rekabentuk Sejangat di Kampus IPPT Bertam pada 5 – 6 Disember 2012.</li> </ol>

# LAPORAN BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT

Kluster	Aktiviti/Pencapaian
Kluster <i>SME Assist</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menjalankan projek usaha sama dengan tujuh SME untuk membantu meningkatkan produktiviti dan output syarikat tersebut dengan menggunakan kos yang paling minimum.</li> <li>b. Penyediaan rangka kerja Kluster dan hala tuju bagi SME Implementation Programme untuk tempoh lima tahun.</li> </ul>
Kluster Corporate Conscience Circle (3C)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bekerjasama dengan Sekolah Tinggi Sains Ekonomi (STIE) Perbanas, Surabaya dalam penganjuran persidangan The 2nd International Business, Banking and Corporate Social Responsibility-University Network Conference yang telah diadakan di Bali, Indonesia pada 2 – 3 Februari 2012. Ia bertujuan untuk menyediakan forum bagi membincangkan isu-isu dan amalan perniagaan serta pengurusan khususnya di Asia. Seramai 100 peserta dari seluruh Asia telah menghadiri persidangan ini dan sebanyak 50 kertas kerja yang mempunyai unsur serta konsep libatsama komuniti-universiti-industri telah dibentangkan.</li> <li>b. Menerbitkan artikel-artikel dalam akhbar The Star untuk meningkatkan kesedaran tentang CSR di kalangan komuniti dan pemegang-pemegang taruh yang berkenaan.</li> <li>c. Kerjasama dengan pihak Mattel (M) Sdn. Bhd. untuk melaksanakan pertandingan bagi mencungkil bakat serta kreativiti pelajar melalui permainan yang dikeluarkan oleh pihak Mattel. Selain itu, Kluster 3C telah menerima sumbangan dalam bentuk barangan permainan dari pihak Mattel untuk didermakan kepada Jabatan Pediatrik (kanak-kanak), Hospital USM.</li> </ul>

## ***University-Community Engagement Conference (UCEC)*** **Persidangan Libatsama Universiti Komuniti**

UCEC 2011 telah dianjurkan bersama oleh Universiti Thammasat, Thailand dan USM pada 9–12 Januari 2012 dengan kerjasama penganjur lain seperti APUCEN, Lampang Rajabhat University, Mae Fah Luang University, Payap University dan Payao University. Persidangan yang bertemakan “Libatsama Universiti-Komuniti untuk Pemerksaan dan Penciptaan Ilmu” ini telah

menyediakan ruang kepada para peserta bagi memikirkan persoalan penting tentang peranan universiti untuk menjadi sebahagian daripada usaha global mencipta dan mengekalkan sebuah dunia yang adil serta lestari. Seramai 200 peserta dari 17 buah negara telah menghadiri persidangan ini. Empat penyampai ucap ternaik telah dijemput dan sebanyak 62 kertas kerja serta 10 poster telah dibentangkan. Lawatan ke empat kampung di Thailand yang menjalankan projek libatsama komuniti turut diadakan untuk perkongsian amalan terbaik projek libatsama universiti-komuniti di Donkaew Tambon Administration Organisation, Phra That Sadet Temple & Wo Kaew Community, San Klang Community dan Center of Three Generations Baan Hongkok.



## Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN)

Oleh kerana kebanyakan rangkaian universiti-komuniti berasal dari negara-negara maju di Barat, USM telah mengambil inisiatif untuk menggerakkan Rangkaian Libatsama Universiti-Komuniti Asia Pasifik (APUCEN) sebagai rangkaian institusi akademik serantau untuk mempromosikan budaya libatsama universiti-komuniti dengan cara yang lebih proaktif dan holistik. Penubuhan APUCEN terbukti bersesuaian dengan prinsip dan semangat capaian global baru yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dalam Rancangan Strategik Pengajian Tinggi Negara Selepas 2020.

Pengarah Eksekutif APUCEN telah dilantik pada Mei 2012 dan sebuah pejabat baru telah ditubuhkan untuk menempatkan Sekretariat APUCEN bagi menyelaras dan menguruskan urusan pentadbiran APUCEN. Sehingga Disember 2012, APUCEN telah dianggotai oleh 53 institusi pengajian tinggi di rantau Asia Pasifik dan juga Eropah.

Mesyuarat Kedua Majlis APUCEN telah diadakan pada 13 Januari 2012 di Le Meridien Chiangmai, Thailand. Semasa mesyuarat, penubuhan *University-Community Engagement Foundation* (UCEF) telah dipersetujui oleh Majlis APUCEN bagi membiayai projek-projek libatsama komuniti peringkat kebangsaan dan serantau di rantau Asia-Pasifik serta yuran keahlian sebanyak USD 3000 akan dikenakan ke atas ahli-ahli baru.


# LAPORAN BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT



Selain itu, mesyuarat ulung APUCEN@Malaysia telah diadakan pada 5 Oktober 2012 dan mesyuarat Majlis APUCEN yang ketiga telah diadakan pada 6 Oktober 2012. APUCEN kini sedang menyediakan sebuah modul libatsama universiti-komuniti yang akan digunakan bagi tujuan bengkel pembinaan kapasiti bagi ahli-ahli APUCEN di rantau Asia Pasifik.



Di samping itu, APUCEN juga giat menjalinkan kerjasama dengan beberapa jaringan libatsama universiti-komuniti diperingkat global. Antaranya adalah usaha untuk membentuk satu jaringan global yang dikenali sebagai New Knowledge for a Future That Works yang bertujuan untuk menganjurkan satu forum tahunan iaitu Annual Forum on Communities, Livelihoods, and Universities. Forum pertama dijangka diadakan pada 13 November 2013 di Rio, Brazil.



## Right Livelihood College (RLC) @ USM

Mulai April 2012, unit *Right Livelihood College* (RLC) @ USM telah diletakkan di bawah pentadbiran BJIM. RLC merupakan perintis global kepada salah satu inisiatif Right Livelihood Foundation, Sweden yang menghubungkan kira-kira 150 pemenang Anugerah Right Livelihood atau lebih dikenali sebagai "*Alternative Nobel Prize*" dari Universiti terkemuka dunia. USM merupakan Sekretariat Global RLC atas reputasinya sebagai sebuah universiti yang komited dalam memperjuangkan isu-isu kelestarian dan kemasyarakatan. Unit ini diketuai oleh Dato' Anwar Fazal yang merupakan salah seorang penerima anugerah *Right Livelihood* serta penerima Doktor Kehormat dari USM dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dato' Anwar Fazal kini menyumbang khidmat bakti di RLC@USM secara sukarela.

Antara aktiviti-aktiviti utama yang telah dilaksanakan oleh RLC dari Januari – Disember 2012 adalah fellowships, ceramah/bengkel/program, program pelajar sukarelawan, Caring Films@USM dan program libatsama universiti/pelajar pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

# LAPORAN BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT



## Geran Program Pemindahan Ilmu (*Knowledge Transfer Program*)

USM telah berjaya menerima geran untuk sembilan projek bagi Rolling Pelan Kedua di bawah skim geran KTP dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.281 juta mengikut kategori seperti berikut:

Kategori	Ketua Projek	Tajuk Projek
Industri	Puan Rosnah Idrus	<i>Realisation of Production Planning and Control (PP&amp;C) Procedure from the Enterprise Solution Perspective for Small and Medium Enterprises (SMEs).</i>
Industri	Prof. Dr. Chan Lai Keng	<i>Transfer of An Effective Mass Production Technique Using An Innovative Aerated Culture Vessel For the Sustainable Production of High Quality And Uniform Plantlets of Fruit Crops And Medicinal Plants to Meet Market Demands.</i>
Industri	Prof. Madya Dr. Srimala Sreekantan	<i>A Sustainable Technology To Detoxify Indoor Air Pollutants With Photo Catalysts Under Visible Light: Towards A Green Building.</i>
Industri	Dr. Norli Ismail	Kepelbagaian Citarasa Bagi Produk Nyahbau Odorless dari Bahan Organik Menggunakan Teknologi Kompos Cacing.
Komuniti	Prof. Madya Razak Lajis	Program Pendidikan Pencegahan dan Intervensi Mengurangkan Penyalahgunaan Bahan (Terutamanya Inhalan) dalam Kalangan Komuniti Teluk Kumbar, Pulau Pinang.



Kategori	Ketua Projek	Tajuk Projek
Komuniti	Dr. Zahri Hamat	Pembangunan Kapasiti untuk Memperkasa dan Membangunkan Kemahiran Mengurus dan Meningkatkan Keusahawanan dalam Kalangan Penjaja dan Peniaga Kecil di Kuala Nerang.
Komuniti	Dr. Zuraida Zainun	<i>Home-based Stroke and Balance Rehabilitation Among Patients and Caregivers.</i>
Komuniti	Puan Wan Mariah Wan Harun	<i>Knowledge Application on the Culture of Persons with Disabilities (PwD) and Universal Design: Accessibility Concept and the Rights of PwD in the Built Environment.</i>
<i>Industri (Flagship)</i>	Prof. Rahmat Awang	<i>Transfer of health related interactive multimedia content to IT industry in malaysia with the purpose of reducing the harm of chemicals ( Including Tobacco Smoke) To Human Health and the environment</i>

## Cabaran

Antara peranan utama BJIM adalah untuk memimpin USM dalam menerima prinsip libatsama demi memenuhi misi USM untuk memperkasakan bakat-bakat masa depan serta membolehkan golongan terkecuali meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka ke arah kesejahteraan. Antara cabaran yang telah dihadapi sepanjang tahun 2012 adalah memberi kesedaran untuk meningkatkan kefahaman serta komitmen warga USM dalam aktiviti/program/projek libatsama komuniti dan industri. Sehubungan itu, BJIM kini sedang dalam usaha memastikan kenaikan pangkat staf akademik boleh dilaksanakan melalui laluan ketiga (*Third Track*).

BJIM juga menghadapi kesukaran semasa pengumpulan maklumat bagi mendapatkan data secara berpusat kerana data perlu diperolehi melalui banyak pihak dan kadang-kadang ia mengambil masa yang lama. Oleh itu, BJIM telah membangunkan satu pangkalan data (BJIM IS) yang menyeluruh bagi aktiviti dan bidang tumpuan utama BJIM untuk memudahkan proses pengumpulan maklumat. Usaha inovasi ini dapat menjimatkan masa dan memudahkan pentadbiran BJIM untuk mendapatkan maklumat dengan cepat.


## Rumusan

Sepanjang tahun 2012, pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan untuk memberi kefahaman dan pendedahan kepada pihak industri dan komuniti mengenai kemudahan dan kepakaran yang terdapat di Universiti untuk dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak. BJIM telah menyediakan pelbagai platform bagi membolehkan aktiviti libatsama di antara Komuniti-Universiti-Industri dapat dilaksanakan secara aktif agar ianya bermanfaat dan lestari. Projek libatsama universiti-industri terus dijalankan pada tahun 2012 dan menggalakkan lebih banyak jalinan libatsama di antara universiti dan pihak industri melalui inisiatif-inisiatif yang dirancang.

Pelbagai aktiviti untuk mengukuhkan asas libatsama universiti-komuniti dan universiti-industri untuk kecemerlangan bersama juga giat dilaksanakan sepanjang tahun 2012 seperti menyediakan Dasar Libatsama Komuniti USM, Dasar Gifts & Endowment USM dan Dasar USM Bebas Tembakau. Di samping itu, BJIM turut aktif menjalinkan kerjasama dengan industri/agensi/organisasi luar untuk mendapatkan geran bagi membiayai penyelidikan dan projek libatsama komuniti/industri USM. Usaha-usaha ini menunjukkan BJIM berusaha secara aktif untuk mencapai kecemerlangan pada tahun 2013. Di samping itu, jalinan baru dan pengukuhan hubungan yang sedia ada dengan pelbagai pihak turut giat dijalankan untuk menyumbang ke arah kelestarian serta pembangunan dan transformasi universiti yang holistik.







# LAPORAN

▶ **JABATAN  
PENDAFTAR**



## Pengenalan

### *Jabatan*

Pendaftar berfungsi sebagai pusat tadbir urus utama Universiti dalam hal ehwal pengurusan dan pembangunan sumber manusia, pengurusan akademik, perkhidmatan kemudahan pusat dan pembangunan kompetensi staf.

Jabatan ini telah beroperasi selaras dengan usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang cekap bagi memenuhi kehendak dan jangkaan pelanggan dalam usaha Bekerja Untuk Kecemerlangan Universiti (BUKU) yang telah digagaskan oleh Naib Canselor, selaras dengan sasaran Universiti Penyelidikan dan Universiti berstatus APEX.

Kesinambungan kecemerlangan pentadbiran Universiti berterusan di bawah transisi kepimpinan yang baharu di Jabatan Pendaftar.

Sasaran tumpuan untuk mencapai prestasi adalah berteraskan kepada 12 tumpuan seperti yang telah diaspirasikan di dalam BUKU 2012 seperti berikut :

- Meningkatkan Prestasi Universiti
- Strategi Menjayakan Universiti Penyelidikan Bertaraf Tinggi
- Melaksanakan Sistem Kelestarian
- Mendapatkan Pengiktirafan Dalam Bidang Libatsama Komuniti di Asia Pasifik
- Pengstrukturkan Semua Struktur dan Sistem Pentadbiran Universiti
- Melestarikan Bakat Pelajar dan Staf
- Menggerakkan Universiti Mencapai Kelestarian Kewangan
- Proses Pengukuhan Dalaman
- Mentransformasikan Universiti
- Penandaarasan Governan
- Meningkatkan Produktiviti
- Meningkatkan Pendapatan Universiti

## Fungsi

1. Memperkukuhkan transformasi pengurusan sumber manusia dan pentadbiran yang melibatkan semua kategori staf melalui proses pengambilan, kenaikan pangkat, penganugerahan, skim-skim latihan, fellowship, kebajikan staf dan sebagainya selaras dengan status Universiti APEX.
2. Meningkatkan kualiti pengurusan akademik melalui pembaharuan dalam proses pengambilan pelajar, peningkatan


pengurusan peperiksaan Universiti dan pengurusan mesyuarat Senat serta pengurusan penambahan kursus yang ditawarkan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan Universiti.

3. Memastikan segala bentuk kemudahan dan prasarana di Universiti disediakan dan dipertingkat untuk kesejahteraan warga kampus, selain memastikan kelestarian kampus, serta meningkatkan pemodenan pentadbiran melalui penyediaan kemudahan teknologi terkini dan memastikan perhubungan teknologi dan pentadbiran sentiasa di hadapan selaras dengan pengurusan 'zero waste'.
4. Mementingkan pembangunan staf bagi membentuk staf yang bersahsiah tinggi, beretika, berintegriti, kreatif, inovatif, dan berdaya saing selaras dengan BUKU 2012: Menzahir Pencapaian.

## Struktur & Carta Organisasi

Struktur utama Jabatan Pendaftar USM terdiri daripada 3 kampus iaitu Kampus Pulau Pinang, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan. Pada keseluruhannya, Jabatan ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Akademik dan Bahagian Perkhidmatan Kemudahan Pusat – Teknologi Maklumat . Carta 1 di sebelah menunjukkan Carta Organisasi Jabatan Pendaftar.

# LAPORAN JABATAN PENDAFTAR





## Aktiviti

Sepanjang tahun 2012 Jabatan Pendaftar telah melaksanakan pelbagai aktiviti, antaranya:

Perkara	Bilangan
<b>Pejabat Pendaftar</b>	
Lembaga Gabenor Universiti	6
Jawatankuasa Eksekutif Pendaftar	4
<b>Bahagian Pengurusan Sumber Manusia</b>	
Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan Bagi Staf Kumpulan Bukan Akademik (Gred 1 – Gred 40)	12
Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan Bagi Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional Bukan Akademik (Gred 41 – Gred 54)	20
Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan & Latihan Kakitangan Akademik (RPTKA/RLKA/Pensyarah Pelatih) Gred 41 – Gred 54 dan Cuti Sabatikal Staf Akademik Gred 45 – Gred Khas	17
Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan, Jawatan Utama dan Profesor Kanan & Profesor	7
Jawatankuasa Peperiksaan Staf USM	1
<b>Bahagian Pengurusan Akademik</b>	
Mesyuarat Senat	9
Mesyuarat Jawatankuasa Kecil tetap Pencalonan Ijazah Kehormat	2
Mesyuarat Majlis Peperiksaan Universiti	4
Mesyuarat Majlis Kemasukan Universiti	4
Mesyuarat teknikal Program USM-KLE & Diploma Kejururawatan	1
Mesyuarat Penyelarasan Pengambilan Program USM-KLE & Diploma Kejururawatan	1
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan bagi semua program dan kategori	1

# LAPORAN JABATAN PENDAFTAR

## Aktiviti/Bengkel/Kursus/Taklimat/Majlis

Bagi meningkatkan pemahaman dan usaha warga kampus dan pemegang taruh yang lain, Jabatan Pendaftar telah menganjurkan beberapa sesi bengkel, kursus dan taklimat.

Bulan	Bahagian Pengurusan Akademik
Januari	Peperiksaan Semester I, Sidang Akademik 2011/2012
	Iklan Permohonan UPU dan USM bagi Matrikulasi/STPM/Diploma/setaraf Sidang Akademik 2012 /2013
	Jom Masuk U KPTN Zon 1 – Pahang [Pembukaan]
	Jom Masuk U KPTN Zon 2 – Terengganu
Februari	Jom Masuk U KPTN Zon 3 - Kedah
	Pendaftaran Kursus , Semester II, Sidang Akademik 2011/2012
	Jom Masuk U KPTN Zon 4 – Sabah
	Jom Masuk U KPTN Zon 5 - Pulau Pinang
	Permulaan Semester Kedua, Sidang Akademik 2011/12
	Jom Masuk U KPTN Zon 6 – Kelantan
	Persediaan peperiksaan Semester Kedua, Sidang Akademik 2011/12 bagi program Diploma Kejururawatan
	Tarikh Tutup Permohonan PJJ Sidang Akademik 2012/2013
Mac	Jom Masuk U KPTN Zon 7- Negeri Sembilan
	Tarikh tutup Permohonon Saluran Alternatif SA 2012/2013
	Jom Masuk U KPTN Zon 8 – Sarawak
	Peperiksaan Semester Kedua, Sidang Akademik 2011/2012 bagi program Diploma Kejururawatan.
	Iklan Permohonan Program USM-KLE dalam akhbar & Web USM
	Jom Masuk U KPTN Zon 9 – Perak
	Permohonan online dibuka untuk USM-KLE dan Diploma Kejururawatan
	Jom Masuk U KPTN Zon 10 – Johor
	Aplikasi dalam talian Permohonan Pohon@USM Sidang Akademik 2012/2013 ditutup (Kategori Ambilan Utama)
	Jadual waktu peperiksaan muktamad Peperiksaan Akhir, Sidang Akademik 2011/ 2012 Rancangan Pengajian Jarak Jauh dikeluarkan di laman sesawang USM. [Bagi kesemua Pusat-pusat Peperiksaan RPJJ]
	Ujian MUnSyl Lepasn PASUM/Asasi Uitm
	Jom Masuk U KPTN Zon 11 – KL/Petaling Jaya (Penutup)

Bulan	Bahagian Pengurusan Akademik
April	Cetakan transkrip akademik (versi BM dan versi BI) untuk bakal-bakal graduan konvokesyen USM Ke-45 <ul style="list-style-type: none"> <li>- Diploma</li> <li>- Ijazah Pertama (Penuh masa, RPJJ &amp; IPTS) dan Ijazah Tinggi</li> </ul>
	Jadual waktu peperiksaan muktamad Peperiksaan Akhir, Sidang Akademik 2011/ 2012 Rancangan Pengajian Jarak Jauh dikeluarkan di laman sesawang USM. [Bagi Pusat Peperiksaan USM sahaja].
	Ujian MUnSyl Lepas Matrikulasi/STPM/Diploma/setaraf Konvokesyen Ke-45 di Dewan Tuanku Syed Putra.
	Aktiviti penyerahan skrol ijazah/transkrip akademik graduan Ijazah Pertama dan Diploma di Dewan Peperiksaan 'A' di DUP (bangunan L17).
	Keputusan peperiksaan rasmi [bergred] diumumkan kepada pelajar-pelajar melalui Perkhidmatan TeleAkademik [600 837899], Perkhidmatan Pesanan Ringkas [15888] dan Portal Campus Online [ <a href="http://campusonline.usm.my">http://campusonline.usm.my</a> ]. [Program Diploma Kejururawatan]
Mei	Temuduga USM Kategori Ambilan Saluran Utama & Alternatif (P.Pinang & Kelantan)
	Hebahan keputusan permohonan PJJ melalui laman web Hebahan Pogram Usaha Akademik
	Temuduga USM Kategori Ambilan Saluran Utama & Alternatif (Sabah)
	Temuduga USM Kategori Ambilan Saluran Utama & Alternatif (Sarawak)
	Jadual Waktu Peperiksaan [muktamad] Semester Kedua, Sidang Akademik 2011/2012 dikeluarkan.
	Aplikasi dalam Talian Permohonan UPU dibuka untuk Diploma Pendidikan
	Temuduga Pendidikan (MEdSI)
	Permohonan/Pembayaran ditutup untuk iklan MD USM-KLE & Diploma Kejururawatan
Permohonan Fasa 2 dibuka (Kategori Matrik/ASASI)	
Jun	Iklan permohonan Antarabangsa Semester 1 ditutup
	Peperiksaan Akhir, Sidang Akademik 2011/ 2012 bagi Rancangan Pengajian Jarak Jauh.
	Hebahan Panggilan menduduki MUnSyl & Temuduga
	Peperiksaan Semester Kedua, Sidang Akademik 2011/2012
	Ujian MUnSyl & temuduga di PPSP USM, Kubang Kerian, Kelantan (KLE-India)

# LAPORAN JABATAN PENDAFTAR

Bulan	Bahagian Pengurusan Akademik
Julai	Hebahan Program Usahama Akademik MD USM- KLE
	Pendaftaran Pelajar Baru PJJ SA 2012/2013 (Semenanjung)
Ogos	Keputusan Penerimaan Tawaran USM SA 2012/2013 oleh calon Rayuan dalam talian dibuka
	Hebahan Program Usahama Akademik untuk Saluran Perdana dan Alternatif
	Pendaftaran Pelajar Baru PJJ SA 2012 /2013 (Sabah)
	Pendaftaran Pelajar Baru PJJ SA 2012/2013 (Sarawak)
	Pendaftaran kursus bagi peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang, Sidang Akademik 2011/2012
September	Keputusan peperiksaan rasmi [bergred] diumumkan kepada pelajar-pelajar melalui Perkhidmatan TeleAkademik [600 83 7899], Perkhidmatan Pesanan Ringkas [15888] dan Portal Campus Online [ <a href="http://campusonline.usm.my">http://campusonline.usm.my</a> ]. Jadual waktu peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang, Sidang Akademik 2011/ 2012 dikeluarkan
	Pendaftaran kursus secara E-Daftar bagi pengajian Semester 1, S.A. 2012/2013 oleh pelajar Ijazah Pertama/Diploma (penuh masa) yang layak
	Temuduga Rayuan di Kampus Kesihatan & Kampus Induk
Oktober	Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang. [Penuh Masa/IPTS dan Rancangan Pengajian Jarak Jauh]
	Pendaftaran Pelajar Baru SA 2012/2013-Ijazah Sarjana Muda(Penuh Masa), Diploma Kejururawatan dan MD USM-KLE (di Kampus Kesihatan)
	Pendaftaran & Program Siswa Lestari di Kampus Kesihatan, Kelantan
	[Keputusan peperiksaan rasmi [bergred] diumumkan.
	Semester Pertama, Sidang Akademik 2012 /2013 bermula.
	Program Orientasi di USM-KLE, Belgaum, India
	Upacara Konvokesyen Ke-46 di Dewan Tuanku Syed Putra.
Aktiviti penyerahan skrol ijazah/transkrip akademik graduan Ijazah Pertama dan Diploma.	
November	Pengedaran keputusan peperiksaan [SEMESTER GRED] Semester Kedua/ Kursus Semasa Cuti Panjang, Sidang Akademik 2011/2012 kepada semua pelajar d Pusat-pusat Pengajian [Kampus Induk/Kampus Kejuruteraan/ Kampus Kesihatan].
	Persediaan peperiksaan Semester Pertama, Sidang Akademik 2012/2013.
Disember	Pengeluaran draf jadual waktu peperiksaan Semester Pertama, Sidang Akademik 2012/2013. [Penuh Masa Rancangan Ijazah Tinggi/Program Usaha Sama Akademik/USM-KLE].
	Percetakan kertas soalan/dokumen peperiksaan bermula.
	Iklan permohonan antarabangsa Semester II ditutup
	Persediaan peperiksaan Semester Pertama, Sidang Akademik 2012/2013.

Bulan	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Januari	Pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA)
	Taklimat Penyediaan Kenyataan Gaji SBPA
	Taklimat SBPA oleh CEUPACS
	Bengkel Pemantapan Kriteria Kenaikan Pangkat Akademik
	Taklimat KPI – Pejabat Transformasi
	Bengkel Perancangan KPI dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi
Mac	Lawatan Kerja daripada USIM
	Semakan Task Force Aktiviti Sumber Manusia - Kenaikan Pangkat
	Bengkel Plan Strategik Sumber Manusia
April	Penyerahan Aktiviti Perhubungan Staf kepada BPSM
	Penyediaan Bajet BPSM
	Lawatan Kerja daripada Majlis Universiti Islam Malaysia (MUIM)
	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)
Mei	Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia dengan Jadual Gaji Minimum Maksimum
	Majlis Anugerah Sanjungan Budi
Jun	Lawatan daripada JPA-HRMIS
	Bengkel Pra-Persaraan
	Lawatan Kerja daripada Universiti Malaya
Julai	Perjumpaan TPK BPSM bersama Pegawai Tadbir Kampus Kesihatan
	Kursus Kaedah Penyelidikan kepada Felo RLKA dan Staf RPTKA
	Bengkel Seminar Sumber Manusia di Kampus Kejuruteraan
November	Bengkel KPI Sumber Manusia
	Perpindahan BPSM dari Bangunan E42 ke Aras 4, Bangunan Canselori
Disember	Lawatan Kerja daripada Universiti Putra Malaysia
	Majlis Jasamu Dikenang
	Wacana Ilmu Perdana
	Bengkel Fail Meja

Bulan	Bahagian Perkhidmatan Pusat Teknologi Maklumat
Julai	Lawatan kerja pakaian seragam dan pakaian akademik ke Universiti Islam Antarabangsa, Selangor.
	Taklimat kewangan Jabatan Pendaftar yang melibatkan kampus Pulau Pinang, Kejuruteraan dan Kesihatan.

# LAPORAN JABATAN PENDAFTAR

## Pengambilan Pelajar

Tahun 2012 merupakan tahun keempat USM terus diberi mandat dan kepercayaan untuk menjalankan autonomi pengambilan pelajar peringkat ijazah pertama kecuali bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang masih diselaraskan oleh BPKP, Kementerian Pengajian Tinggi. Semua calon yang memohon di USM (kecuali program pendidikan), perlu menduduki Penilaian Penetapan Khas Malaysian University Selection Inventory (MUnSyl) sebagai salah satu syarat kemasukan. Ujian MUnSyl dijalankan pada 7 April 2012 di 125 pusat di seluruh negara dengan kerjasama Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Pengambilan pelajar ke program ijazah pertama bagi tahun 2012 merangkumi tujuh (7) saluran pengambilan iaitu :


- i. Saluran Perdana (lepasan STPM, Matrikulasi/Asasi dan Diploma/Setaraf)
- ii. Saluran Alternatif :
  - a. Kemasukan Khas
  - b. Saluran Kedua
  - c. Pendidikan Sepanjang Hayat (Warga Emas, Warga Sukan dan Warga Budaya)
- iii. Program Pengajian Jarak Jauh (PPJJ)
- iv. Pengambilan pelajar Luar Negara
- v. Pengambilan Khas Antarabangsa Doktor Perubatan USM-KLE
- vi. Pengambilan usahasama dengan rakan kongsi (kolej swasta)
- vii. Diploma Kejururawatan (lepasan SPM)
- viii. Program Cemerlang Pra-Universiti, USM

USM juga buat julung-julung kalinya telah menguruskan pengambilan bagi Program Cemerlang Pra-Universiti USM dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA). Program pantas selama 8 bulan ini diadakan di Kolej MARA Kulim sebagai feeder kepada program Ijazah Pertama di USM dan MARA akan memberi tajaan kepada pelajar berkenaan sehingga ke peringkat PHD. Kumpulan pertama seramai 31 pelajar telah mendaftar pada 26 Disember 2012. Statistik pengambilan pelajar ke 76 program pengajian peringkat ijazah pertama dan satu program Diploma serta Program Pra-universiti bagi semua saluran seperti di Jadual 1 .

Bil.	Saluran Kemasukan	Tempoh Permohonan		Unjuran	Jumlah Permohonan	Daftar
		Buka	Tutup			
1.	Saluran Perdana	9 Jan. 2012	26 Mac 2012	3,493	14,223	3,592
2.	I.S.M. Pendidikan (UPU)	9 Jan. 2012	26 Mac 2012	150	UPU	151
3.	Saluran Alternatif	16 Jan. 2012	26 Mac 2012	209	279	55
4	Program Pendidikan Jarak Jauh (PPJJ)	21 Nov 2011	29 Feb. 2012	2,280	3,430	2001
5	Luar Negara	16 Jan 2012	1 Jun 2012	441	255	52
6	Program Antarabangsa Doktor Perubatan USM-KLE	19 Mac 2012	25 Mei 2012	100	297	56
7	Diploma Kejururawatan	19 Mac 2012	6 Apr. 2012	100	1622	93
Jumlah				6,773	20,106	6,000

Jadual 1: Statistik Keseluruhan Permohonan, Unjuran dan Daftar

Perbandingan Statistik Daftar Bagi Semua Saluran Pengambilan Sidang Akademik 2008/2009, 2009/2010, 2010/2011, 2011/2012 dan 2012/2013:



■ DAFTAR

**Aktiviti Promosi dan Pemasaran**

Seksyen Pengambilan Pelajar telah merangka strategi dan melaksanakan pelbagai aktiviti promosi dan publisiti di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2012 dengan tujuan memperkenalkan USM sebagai Destinasi Pilihan. Seksyen Pengambilan Pelajar juga telah menjemput semua Guru Kaunseling dan Penyelaras Tingkatan Enam seluruh P.Pinang, Kaunselor Matrikulasi seluruh negara dan Politeknik dari daerah utara untuk ke program Forum Hala Tuju dan Peluang Kemasukan ke USM : USM DestinasiKu buat kali kedua yang diadakan di Kompleks EUREKA. Seksyen ini juga telah mengadakan Hari Terbuka USM (Jerayawara pohon@ USM) selama 3 hari berturut di USM untuk memberikan pendedahan tentang program dan peluang pengajian di USM serta kaunter perkhidmatan permohonan dalam talian (online application) pada 16 – 18 Mac 2012. Penglibatan Pensyarah dari Pusat-pusat Pengajian bagi sesi taklimat dan pameran turut memeriahkan lagi Hari Terbuka USM.

Jenis Pameran	Bilangan
Karnival Jom Masuk U	11 Zon
Kolej Matrikulasi / Pusat Asasi	15
MARA / Sekolah / Agensi	19

## Peperiksaan dan Pengijazahan

### Pemeriksa Luar

Pada tahun 2012, seramai 26 Pemeriksa Luar dari 26 bidang pengajian telah dijemput untuk menilai program-program akademik yang ditawarkan oleh USM seperti berikut:

Bil.	Pusat pengajian	Jumlah
1.	Sains Pergigian	3
2.	Sains Perubatan	9
3.	Sains Kesihatan	2
4.	Kejuruteraan Aeroangkasa	1
5.	Kejuruteraan Awam	1
6.	Kejuruteraan Mekanik	1
7.	Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral	1
8.	Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	1
9.	Kejuruteraan Kimia	1
10.	Sains Farmasi	1
11.	Teknologi Industri	1
12.	Pendidikan Jarak Jauh	2
13.	Sains Fizik	1
14.	Sains Matematik	1
<b>JUMLAH</b>		<b>26</b>

### Pengijazahan

Seramai 5695 graduan USM telah berijazah dalam Upacara Konvokesyen Ke-45 dan Ke-46 yang telah diadakan pada 21 April dan 19 hingga 23 September 2012.

### Penganugerahan Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus

USM telah menganugerahkan Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus kepada beberapa tokoh semasa Upacara Konvokesyen Ke-45 seperti berikut:

Upacara Konvokesyen Ke-45	
Anugerah	Nama Tokoh
Doktor Pendidikan	Tan Sri Dato' Profesor Emeritus Gajaraj Dhanarajan
Profesor Emeritus	Profesor Fun Hoong Kun

### Pengendalian Peperiksaan bagi Sidang Akademik 2011/2012

Semester	Jumlah Kursus [Kampus Induk/Kejuruteraan/ Kesihatan]
Pertama	987
Kedua/Peperiksaan Akhir RPJJ	1121
Kursus Semasa Cuti Panjang	205



## Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah diterajui oleh kepimpinan baharu, Puan Siti Zubaidah A. Hamid sebagai Timbalan Pendaftar Kanan. BPSM juga menerima kedatangan Ketua-ketua seksyen baharu iaitu Tuan Haji Ramli Osman (Seksyen Pengambilan dan Pembangunan Staf) dan Encik Nazru Haji Ismail (Seksyen Perkhidmatan dan Saraan).

Perancangan dan aktiviti BPSM adalah berteraskan kepada Perutusan Naib Canselor; 'Bersama Untuk Kecemerlangan Universiti 2012' (BUKU 2012) melalui beberapa sasaran tumpuan yang telah disarankan oleh Naib Canselor. Antara tumpuan yang terlibat secara langsung dengan BPSM adalah :

- a. Tumpuan 1 :Meningkatkan Prestasi Universiti Penyelidikan  
Peranan BPSM :Menyediakan bakat melalui pelantikan Staf Akademik, Felo Pasca Doktoral dan Pegawai Penyelidik.
- b. Tumpuan 5 :Pengstrukturkan Semula Struktur Dan Sistem Pentadbiran Universiti  
Peranan BPSM :Penempatan semula pegawai dan staf di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- c. Tumpuan 8 :Proses Pengukuhan Dalaman USM  
Peranan BPSM :i) Memantapkan pelaksanaan aktiviti transformasi sumber manusia ke PTJ.  
ii) Memantapkan kriteria kenaikan pangkat staf.

Peranan utama Bahagian ini merangkumi:

1. perjawatan
2. pelantikan staf;
3. pembangunan staf;
4. kenaikan pangkat;
5. cuti sabbatical dan cuti belajar staf pentadbiran;
6. penamatan perkhidmatan dan pinjaman staf; dan
7. perhubungan staf

### Perjawatan

Setiap tahun, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) melaksanakan urusan pemeriksaan keperluan perjawatan di bawah Anggaran Belanja Mengurus (ABM) bagi tiga (3) Kementerian iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Mulai tahun 2012, hasrat Kerajaan adalah untuk memastikan saiz perkhidmatan awam terus terkawal dan mempunyai saiz yang bersesuaian dengan tugas dan fungsi selaras dengan objektif penubuhannya. Selaras dengan langkah Kerajaan untuk mengamalkan perbelanjaan berhemat, kaedah penempatan semula (redeployment) dan tukar ganti (trade-off) perjawatan sedia ada terus dilaksanakan bagi mengurangkan beban kewangan Kerajaan.

# LAPORAN JABATAN PENDAFTAR

Sehubungan itu, Universiti Sains Malaysia telah memohon beberapa jawatan baru melalui kaedah pemansuhan jawatan sedia ada. Butiran penuh perakuan melalui Surat Kelulusan Perjawatan Bil. S72 Tahun 2012 adalah seperti jadual berikut :

Jadual 1 : Kelulusan Perjawatan 2012

Pusat Tanggungjawab	Skim	Bil Jawatan Diluluskan	Bil Jawatan Dimansuhkan
Institut Perubatan & Pergigian Termaju	Pensyarah Universiti, Gred DS45, DS51/52, DS53/54, Khas C, Khas B, Khas A	2	0
Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan	Pensyarah Universiti, Gred DS45, DS51/52, DS53/54, Khas C, Khas B, Khas A	2	0
Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam	Pensyarah Universiti, Gred DS45, DS51/52, DS53/54, Khas C, Khas B, Khas A	1	0
Canselori - Pejabat Perundangan Universiti	Pegawai Undang-undang, Gred L52	1	0
Canselori - Pejabat Perundangan Universiti	Pegawai Undang-undang, Gred L44	1	0
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan	Pegawai Perancang Bahasa, Gred S41	0	1
Pusat Pengajian Pengurusan	Guru Bahasa, Gred DG41	0	1
Pusat Pengajian Sains Fizik	Guru Bahasa, Gred DG41	0	3
Perpustakaan Hamzah Sendut	Pembantu Am Pejabat, Gred N1/ N4 (KUP 15 TAHUN)	0	2
<b>Jumlah</b>		<b>7</b>	<b>7</b>

JPA juga telah menambahbaik prosedur permohonan perjawatan di bawah ABM Tahunan KKM, KPM dan KPT dengan menggunakan pendekatan sepertimana permohonan perjawatan di luar ABM supaya kajian dan pertimbangan dapat dilaksanakan dengan lebih tepat dan terperinci mengikut keperluan.

Bagi mengatasi masalah kekurangan perjawatan, USM sedang mengkaji semula isu perjawatan di setiap PTJ supaya dapat menukar ganti (trade-off) perjawatan sedia ada dengan menggunakan beberapa pendekatan seperti berikut :

- Permohonan dibuat secara terperinci meliputi agihan keperluan sehingga entiti terkecil mengikut setiap fasiliti (berdasarkan PTJ);
- Justifikasi yang kukuh bagi mewajarkan pewujudan atau pertambahan jawatan di fasiliti berdasarkan beban dan kompleksiti tugas;
- Analisis kedudukan perjawatan sedia ada berbanding beban tugas bagi skop tugas yang

- mempunyai norma bagi menentukan kekurangan atau lebih jawatan;
- d. Permohonan perlu disertakan carta organisasi dan fungsi (fasiliti berkenaan) yang dikemaskini; dan
- e. Pengesahan keupayaan kedudukan kewangan bagi menampung permohonan perjawatan.

### Pelantikan

Sepanjang tahun 2012, secara keseluruhannya seramai 468 orang telah dilantik. Pelantikan adalah berdasarkan kepada kekosongan waran perjawatan (OS 11000) melalui lantikan kontrak atau tetap. Bagi pengisian yang disandarkan kepada OS 29000, pelantikan adalah secara kontrak dan sambilan. Pelaksanaan pelantikan pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti berikut :

BIL	PERKARA	AKADEMIK	P&P	SOKONGAN	JUMLAH
1	Pelantikan Staf Sambilan (Bukan Akademik)	0	33	129	162
2	Pelantikan Staf Sementara (Bukan Akademik)	0	1	20	21
3	Pelantikan Staf Kontrak (Warga)	14	29	19	62
4	Pelantikan Staf Kontrak (Bukan Warga)	17	4	0	21
5	Pelantikan Staf Tetap	94	12	48	154
6	Pelantikan Kunjungan	30	1	0	31
7	Felo Pasca Doktorat	24	0	0	17
<b>Jumlah</b>		<b>179</b>	<b>80</b>	<b>216</b>	<b>475</b>

Statistik Pelantikan Staf Tahun 2012

### Pembangunan Staf

Untuk memastikan keperluan Universiti dari segi ilmiah dan pendidikan dipenuhi dan sentiasa diperbaharui, USM telah menghantar seramai sembilan puluh (90) orang felo untuk mengikuti latihan di bawah Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) dan dua puluh tiga (23) orang staf di bawah Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA). Sementara jumlah yang telah menamatkan pengajian pada Peringkat Ijazah Kedoktoran ialah seramai lapan puluh satu (81) orang di bawah Skim RLKA dan lapan (8) orang di bawah Skim RPTKA. Status keseluruhan felo di bawah Skim RLKA dan RPTKA (perbandingan tahun 2011 dan 2012) ialah seperti yang berikut :

# LAPORAN JABATAN PENDAFTAR

BIL.	PERKARA	PERINGKAT	2011	2012
1	Felo Aktif	Ijazah Sarjana	171	107
		Ijazah Kedoktoran	436	404
2	Felo Mula Pengajian	Ijazah Sarjana	32	19
		Ijazah Kedoktoran	71	71
3	Pelanjutan Felo	Ijazah Sarjana	45	23
		Ijazah Kedoktoran	143	147
4	Sandaran Felo	Ijazah Kedoktoran	62	32
5	Penamatan Pengajian Felo	Ijazah Kedoktoran	40	81

Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA)

BIL.	PERKARA	PERINGKAT	2011	2012
1	Staf Sedang Melanjutkan Pengajian	Ijazah Sarjana	2	52
		Sarjana Kepakaran	1	24
		Ijazah kedoktoran	12	64
2	Staf Mula Pengajian	Ijazah Sarjana	8	9
		Ijazah kedoktoran	16	14
3	Staf Tamat Pengajian	Sarjana Kepakaran	9	3
			6	5

Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA)

## Kenaikan Pangkat

Jadual di bawah menunjukkan statistik kenaikan pangkat bagi Staf Akademik dan Staf Bukan Akademik pada tahun 2012. Staf Akademik yang telah dinaikkan pangkat ialah seramai 76 orang manakala Staf Bukan Akademik yang telah dinaikkan pangkat pada tahun 2012 ialah seramai 117 orang.

PERKARA	2011	2012
Pensyarah DS/DU/DUG Gred Khas A (VK5) - Profesor	0	0
Pensyarah DS/DU/DUG Gred Khas B (VK6) - Profesor	5	0
Pensyarah DS/DU/DUG Gred Khas C(VK7) - Profesor	49	22
Profesor Madya DS/DU/DUG Gred 54	50	52
Pensyarah Kanan DS/DU/DUG Gred 52	37	2
<b>JUMLAH</b>	<b>141</b>	<b>76</b>

Kenaikan Pangkat Staf Akademik – Biasa & Laluan Kerjaya

PERKARA	2011	2012
Pengurusan Tertinggi Utama	0	0
Pengurusan & Profesional	25	19
Pelaksana	34	98
<b>JUMLAH</b>	<b>59</b>	<b>117</b>

Kenaikan Pangkat Staf Bukan Akademik – Biasa & KUP

## Cuti Sabatikal Dan Cuti Belajar Pentadbiran

Pada tahun 2012 sejumlah seratus empat belas (114) staf akademik direkodkan telah mengambil cuti sabatikal. Perincian mengikut kampus ialah seperti Jadual di bawah.

Kampus	2011	2012
Induk	37	75
Kejuruteraan	20	28
Kesihatan	6	11
<b>JUMLAH</b>	<b>63</b>	<b>114</b>

Cuti Sabatikal Pada Tahun 2011 dan 2012

# LAPORAN JABATAN PENDAFTAR

Kampus	Doktor Falsafah		Sarjana		Sarjana Muda		Sijil/ Diploma		Jumlah	
	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012
Induk	0	1	5	6	1	3	1	1	7	11
Kejuruteraan	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1
Kesihatan	0	2	5	5	1	3	6	27	12	37
<b>Jumlah</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>10</b>	<b>12</b>	<b>2</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>28</b>	<b>19</b>	<b>49</b>

Cuti Belajar (Pentadbiran) Mula Pengajian Pada Tahun 2011 dan 2012

Jenis Cuti	Kampus						Jumlah	
	Induk		Kejuruteraan		Kesihatan		2011	2012
	2011	2012	2011	2012	2011	2012		
Cuti Belajar Bergaji Penuh (Dengan Biasiswa)	1	1	0	0	0	0	1	1
Cuti Belajar Bergaji Penuh (Tanpa Biasiswa)	6	8	0	1	12	37	18	46
Cuti Belajar Tanpa Gaji (Tanpa Biasiswa)	0	2	0	0	0	0	0	2
<b>Jumlah</b>	<b>7</b>	<b>11</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>12</b>	<b>37</b>	<b>19</b>	<b>49</b>

Jenis Cuti Belajar (Pentadbiran) Mula Pengajian Pada Tahun 2011 dan 2012

## Penamatan Perkhidmatan

Seramai dua ratus tujuh puluh lapan (278) telah tamat perkhidmatan sepanjang tahun 2012. Perincian kategori tamat perkhidmatan terdapat di Jadual

Jenis Tamat	Pulau Pinang	Kejuruteraan	Kesihatan	Jumlah
Bersara (Wajib)	31	3	14	48
Bersara (Pilihan)	15	2	18	35
Bersara (Kesihatan)	1		2	3
Kematian	5		6	11
Khidmat Ditamatkan	15	3	10	28
Kontrak Ditamatkan	11	2	7	20
Letak Jawatan	76	6	41	123
Pelepasan Dengan Izin	2	1	7	10
<b>JUMLAH</b>	<b>156</b>	<b>17</b>	<b>105</b>	<b>278</b>

Statistik Staf Yang Meninggalkan Perkhidmatan Tahun 2012

## Perhubungan Staf

Aktiviti perhubungan staf telah diserahkan kepada BPSM pada Mac 2012. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah Majlis Dermasiswa Pendidikan. Majlis ini bertujuan untuk menyerahkan sumbangan kepada anak-anak staf yang berjaya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Insentif awal ini adalah untuk memotivasikan mereka dan melancarkan proses kemasukan ke institusi pengajian tinggi. Seramai 160 penerima telah menerima sumbangan bagi kemasukan ke peringkat Diploma dan 167 penerima untuk kemasukan ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam dua majlis berasingan di Kampus Induk dan Kampus Kesihatan.

## HRMIS

Pada tahun 2012, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengambil langkah-langkah penambahbaikan berterusan bagi memastikan HRMIS akan terus relevan digunakan bagi pengurusan sumber manusia. Antara langkah yang diambil adalah mewujudkan tambahan talian url untuk capaian HRMIS iaitu:

- [www.hrmisone.eghrmis.gov.my](http://www.hrmisone.eghrmis.gov.my) dan
- [www.hrmis2.eghrmis.gov.my](http://www.hrmis2.eghrmis.gov.my)

Kedua-dua capaian ini boleh digunakan melalui internet dan boleh diakses secara lebih luas dari mana-mana tempat. Perkembangan yang baik ini membolehkan projek pengemaskinian profil peribadi dan perkhidmatan staf dibuat dengan lebih lancar. Berikut adalah pencapaian USM bagi modul rekod peribadi dan profil perkhidmatan bagi tahun 2012:

Modul	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Okt	Nov	Dis
Rekod Peribadi	98.96%	98.96%	99.03%	99.11%	99.13%	99.01%	99.13%	99.37%	99.37%
Profil Perkhidmatan	99.53%	99.55%	99.55%	99.57%	99.59%	99.66%	99.61%	99.71%	99.71%

Projek akhir bagi tahun 2012 adalah pengemaskinian data perjawatan mengikut waran perjawatan baru yang dinamakan 'zerobased' yang diperolehi daripada Kementerian Kewangan pada tahun 2011. Pengemaskinian ini melibatkan keseluruhan perjawatan di ketiga-tiga kampus; iaitu sebanyak 7,177 jawatan. Sehingga November 2012, USM berjaya mengemaskini 99% data perjawatan. Projek ini akan lengkap sepenuhnya pada tahun 2013.

# LAPORAN JABATAN PENDAFTAR

Kementerian Pengajian Tinggi	REKOD HRMIS	MyPOST JPA	BEZA	%
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	356	351	5	101.42%
Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)	3064	3010	54	101.79%
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	497	489	8	101.64%
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)	3640	3641	-1	99.97%
Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)	4759	4957	-198	96.01%
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	6055	5905	150	102.54%
Universiti Malaya (UM)	5878	5315	563	110.59%
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	564	486	78	116.05%
Universiti Malaysia Pahang (UMP)	1617	1502	115	107.66%
Universiti Malaysia Perlis (UniMaP)	1363	1274	89	106.99%
Universiti Malaysia Sabah (UMS)	2254	2194	60	102.73%
Universiti Malaysia Sarawak (UniMaS)	3117	2234	883	139.53%
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	1407	1305	102	107.82%
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	1791	1789	2	100.11%
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	652	654	-2	99.69%
Universiti Putra Malaysia (UPM)	5677	5632	45	100.80%
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	1146	1156	-10	99.13%
<b>Universiti Sains Malaysia (USM)</b>	<b>7105</b>	<b>7177</b>	<b>-72</b>	<b>99.00%</b>
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa)	1261	1246	15	101.20%
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	1824	1824	0	100.00%
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	5325	5301	24	100.45%
Universiti Teknologi Mara (UiTM)	18263	18256	7	100.04%
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	2101	2101	0	100.00%
Universiti Utara Malaysia (UUM)	2882	2756	126	104.57%
<b>Jumlah</b>	<b>82598</b>	<b>80555</b>	<b>2043</b>	<b>102.54%</b>

\*Data HRMIS sehingga 22 November 2012



## Aktiviti-aktiviti Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM)

### **Perpindahan Ke Ruang Pejabat Baru BPSM**

Sejak tahun 1991, pengubahsuaian ruang pejabat secara menyeluruh tidak pernah dilakukan. Keperluan ruang untuk menampung peningkatan staf serta ruang kerja tambahan perlu ditangani segera kerana ia berkait rapat dengan isu Pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001: 2008. Elemen persekitaran adalah merupakan satu syarat penting dalam klausa 6.4 Work Environment"- Persekitaran Kerja, yang merupakan syarat persijilan kualiti BPSM. Selaras dengan hasrat ini, pihak Universiti telah meluluskan cadangan pengubahsuaian BPSM dan kerja pengubahsuaian telah bermula pada bulan Oktober 2011 dan siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2012.

Sehubungan dengan itu, proses perpindahan ke ruang pejabat baru yang telah diubahsuai bermula dari 2 Oktober 2012 dan operasi perpindahan selesai sepenuhnya pada 15 Oktober 2012.

### **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.**

Sebagai menghargai staf yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada Universiti sepanjang tahun 2011 ke arah kemajuan dan kecemerlangan, beberapa bentuk penghargaan telah dianugerahkan kepada staf yang telah dicalonkan. Antara anugerah yang diberikan ialah peluang menghadiri kursus/latihan dan juga lawatan secara berkumpulan yang telah diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Pejabat Transformasi. Seramai 62 orang

staf seluruh kampus USM telah dibiayai sepenuhnya untuk lawatan sambil belajar ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan INTI International University pada 2 Oktober hingga 5 Oktober 2012.

Program ini telah memberikan impak yang baik kepada staf melalui perkongsian 'best practice' yang diamalkan oleh staf di tempat yang dilawati selain mewujudkan jaringan hubungan dalam kalangan staf dengan agensi luar.

### **Bimbingan Staf**

#### **Kursus Kaedah Penyelidikan**

USM berusaha untuk membantu Felo di bawah Skim Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) dan Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA) menyediakan serta menghasilkan tesis yang berkualiti dengan mengadakan Kursus Kaedah Penyelidikan pada 25 Julai 2012 sehingga 29 Julai 2012. Objektif kursus ini diadakan bagi membantu penyediaan cadangan penyelidikan Felo USM. Sehubungan dengan ini, melalui kursus ini Felo akan diberi garis panduan untuk menjalankan penyelidikan. Melalui garis panduan tersebut, Universiti berharap agar Felo USM dapat menghasilkan penulisan tesis yang diiktiraf serta penemuan baru dan berpotensi untuk dikomersilkan selaras dengan aspirasi APEX, USM, di samping pengkayaan Modal Insan.

#### **Program Pemantapan Modal Insan USM**

Dalam usaha membangunkan modal insan USM yang terbaik dan memenuhi

aspirasi universiti, BPSM telah meneruskan inisiatif di bawah Program Pemantapan Modal Insan USM iaitu Kelas Bimbingan Peperiksaan. Seksyen Pembangunan Organisasi telah mewujudkan Kelas Bimbingan Peperiksaan Staf kepada warga USM yang bakal menduduki Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL). Tajuk yang difokuskan dalam kelas bimbingan ini meliputi bidang subjek umum seperti Perintah Am, Perlembagaan Universiti, Tatacara Pengurusan Kewangan, Peraturan Akademik dan urusan pentadbiran USM secara am. Kelas bimbingan yang diadakan pada 17 hingga 18 Julai 2012 telah dihadiri oleh 120 orang staf.

## **Program Wacana Ilmu Perdana BPSM**

BPSM, Pejabat Pendaftar telah mewujudkan wadah informasi kepada warga staf seiring dengan matlamat universiti dalam mewujudkan modal insan yang berpengetahuan [k-worker] dan pemupukan elemen BUKU 2012.


Objektif siri Wacana Ilmu Perdana ialah untuk mewujudkan ruang perkongsian ilmu dan kepakaran bagi warga BPSM dalam urusan pentadbiran dan pengurusan sumber manusia. Wacana Ilmu bertajuk 'Mengantarabangsakan Organisasi' telah disampaikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Datuk Mustafa Mansur (Ahli Lembaga Gabenor USM) pada 12 Disember 2012 di Kompleks Cahaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

## **Rumusan**

Secara keseluruhan, Jabatan Pendaftar komited dalam menzahirkan pencapaian BUKU 2012 selaras dengan kemajuan dan pembangunan universiti ke arah pentadbiran yang lebih dinamik dan efisien. Transformasi pentadbiran memberi impak yang memperlihatkan fungsi dan tanggungjawab pentadbiran dengan lebih kreatif dan inovatif bagi memperkasakan tadbir urus Universiti demi kelangsungan penyampaian perkhidmatan yang unggul.







# LAPORAN

▶ **PERPUSTAKAAN**



## Pengenalan

*Seiring* dengan penganugerahan USM sebagai Universiti Penyelidikan dan Universiti APEX, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah merangka pelan strategik dan melaksanakan transformasi bagi membantu USM untuk mencapai matlamat menjadi antara 100 universiti terbaik di dunia menjelang tahun 2013 dan menjadi antara 50 universiti terbaik di dunia menjelang tahun 2020.

Rangkaian Perpustakaan USM terdiri daripada Perpustakaan Hamzah Sendut (2010 – Perpustakaan Digital), Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Perpustakaan Hamzah Sendut 2 (1994), Perpustakaan Perubatan di Kubang Kerian (1979), Kelantan, Perpustakaan Kejuruteraan (1986) di Nibong Tebal dan Pusat Ilmu Transnasional dan Maklumat di Bertam (2002). Pada 3 Mac 2011, bangunan baharu empat tingkat telah dirasmikan oleh Naib Canselor USM, Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak. Bangunan ini adalah merupakan sebuah perpustakaan digital, di mana kemudahan untuk mengakses bahan elektronik disediakan sepenuhnya.

## Aktiviti yang dijalankan Pada Tahun 2012

### Jaringan Dengan Masyarakat

Perpustakaan sentiasa berusaha meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan dengan mengadakan berbagai aktiviti bersama masyarakat.

Sepanjang tahun 2012 sebanyak 21 program bersama pelanggan dan 8 program bersama masyarakat telah diadakan di rangkaian Perpustakaan seperti berikut:-

Program	Rangkaian Perpustakaan			
	PHS	PHT	PK	IPPT
Program Bersama Pelanggan	10	3	6	2
Program Bersama Masyarakat	1	6	1	-

### Penganjuran Seminar/Bengkel

Sebanyak 28 program telah dianjurkan oleh Perpustakaan dan juga anjuran bersama Unit Latihan Jabatan Pendaftar pada tahun ini seperti di bawah:

Rangkaian Perpustakaan			
PHS	PHT	PK	IPPT
7	8	4	1

### Latihan Staf

Berasaskan kepada keperluan pelanggan, pemacuan matlamat APEX dan perkembangan ICT, pelbagai latihan berkaitan telah dijalankan untuk staf dalam usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan staf pada semua peringkat. Sejumlah 2,062 penyertaan daripada staf telah direkod untuk 229 sesi latihan yang dihadiri sepanjang tahun 2012 seperti berikut:

Perkara	Bilangan Kursus/Latihan/dsb.					Bilangan Peserta				
	PHS	PHT	PK	PITM	Jumlah	PHS	PHT	PK	PITM	Jumlah
Kursus/Bengkel	26	31	16	6	75	376	118	94	18	606
Seminar/ Persidangan	19	20	8	2	47	68	255	57	4	384
ICT	18	6	5	3	33	41	28	12	5	86
Demo/Latihan Pangkalan Data	4	12	3	-	24	98	146	124	-	368
Taklimat/ Ceramah/Forum	14	19	1	3	40	254	209	25	17	505
Lain-lain	2	8	3	-	13	17	78	18	-	113
<b>Jumlah</b>	<b>83</b>	<b>96</b>	<b>36</b>	<b>14</b>	<b>229</b>	<b>854</b>	<b>834</b>	<b>330</b>	<b>44</b>	<b>2,062</b>

## Aktiviti Pameran

Sebanyak 18 pameran telah diadakan sepanjang tahun 2012, iaitu 6 pameran di Perpustakaan Hamzah Sendut dan 12 pameran di Perpustakaan Hamdan Tahir.

## Aktiviti Kualiti dan ISO 9001 : 2008

Pada tahun ini Perpustakaan telah mengadakan 32 siri penerangan untuk ISO 9001: 2008. Penerangan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua staf Perpustakaan berkaitan versi terkini dan pecahan sesi penerangan di rangkaian perpustakaan adalah seperti berikut:-

Rangkaian Perpustakaan			
PHS	PHT	PK	IPPT
5	21	6	-

## Aktiviti Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2012 peringkat Kebangsaan 2012 telah diadakan pada 18 - 19 September 2012 di Hotel Permai Inn, Kuala Terengganu. Sebanyak 17 kumpulan terdiri dari Perpustakaan Awam dan Akademik telah menyertai konvensyen tersebut.

Kumpulan 'C-Far' Perpustakaan Kejuruteraan melalui pembentangan bertajuk "Mengurangkan Kadar Kerosakan Buku di Perpustakaan Kejuruteraan" telah berjaya memenangi tempat ke-3 bagi kategori Teknikal.


## Pencapaian Tahun 2012

### Perkhidmatan Dan Kemudahan

Perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada pengguna diteruskan dengan pemantapan berterusan sistem bersepadu dalam talian dari ILMU Perdana untuk seluruh rangkaian Perpustakaan USM dan sistem keselamatan Perpustakaan (menggunakan RFID).

Laman web Perpustakaan ([www.lib.usm.my](http://www.lib.usm.my)), ([www.kck.usm.my/pustaka](http://www.kck.usm.my/pustaka)), (<http://library.eng.usm.my/englib>), ([kic.amdi.usm.edu.my](http://kic.amdi.usm.edu.my)) mencatatkan sejumlah 476,405 pengguna (berbanding 392,276 pada tahun 2011) dengan peningkatan sebanyak 21.4%. Statistik emel 'contact us' ([adminlib@usm.my](mailto:adminlib@usm.my)) 2012 mencatatkan bilangan sebanyak 1388 berbanding sebanyak 3321 pada tahun 2011.





Ranking eprints@USM di Ranking Web of World Repositories(July2012)([http://repositories.webometrics.info/toprep\\_inst.asp](http://repositories.webometrics.info/toprep_inst.asp)) pada kedudukan nombor 65 daripada 1438 repositori institusi di dunia. Sementara Ranking webometrics universiti di Malaysia meletakkan Universiti Sains Malaysia (USM) pada kedudukan 437 (sumber: <http://www.webometrics.info/en/Asia/Malaysia>).

### **Pembentangan Kertas kerja**

Seramai 22 orang Pustakawan telah membentangkan kertas kerja di empat Persidangan Kebangsaan dan dua Persidangan Antarabangsa.

### **Pensijilan ISO 9001 : 2008**

Perpustakaan berjaya mengekalkan Pensijilan ISO 9001:2008 sekali lagi setelah Audit Pematuhan (Surveillance Audit) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang dilaksanakan pada 30 November 2012.

## **Pengantarabangsaan**

### **Perpustakaan Hamzah Sendut**

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia sekali lagi telah diberi kepercayaan menjadi Sekretariat AUNILO untuk tempoh 2014 - 2018.

## **Impak yang Dihasilkan Tahun 2012**

### **Keahlian**

Ahli berdaftar Perpustakaan USM pada tahun 2012 ialah seramai 45,899 orang. Keahlian Perpustakaan terdiri daripada pelajar, staf akademik/pentadbiran, dan publik yang terdiri daripada pekerja sektor korporat, pekerja sektor awam serta pekerja industri dan perdagangan. Perpustakaan telah merekodkan 457,140 kunjungan pengguna (fizikal) sementara perkhidmatan sirkulasi telah melibatkan pinjaman sejumlah 321,284 buah buku.

Perpustakaan telah meningkatkan usaha dalam kerja pendigitan di mana sebanyak 25,228 (eprints.usm.my) bahan telah didigit, terdiri daripada Buletin MIDAS, bahan rujukan, Bahan Peperiksaan Tahap Kecekapan, keratan akhbar, kertas soalan peperiksaan, abstrak tesis, Koleksi Artikel Naib Canselor, Koleksi Sasterawan Negara dan lain-lain.

# LAPORAN PERPUSTAKAAN USM

## Statistik Perkhidmatan

Kampus	Keahlian	Kunjungan	Pinjaman
Perpustakaan Hamzah Sendut 1 & 2	29,989	224,825	223,942
Perpustakaan Hamdan Tahir	10,869	185,504	47,087
Perpustakaan Kejuruteraan	4,179	44,811	48,990
Perpustakaan IPPT	862	2,000	2,862
<b>Jumlah</b>	<b>45,899</b>	<b>457,140</b>	<b>321,284</b>

## Penjanaan Kewangan

Sepanjang tahun 2012, penjanaan kewangan oleh Perpustakaan berjumlah RM300,231.30 meningkat sebanyak RM11,961.30 berbanding tahun 2010. Maklumat terperinci adalah seperti yang tercatat di bawah :

### Jumlah Pendapatan Bagi Tahun 2012

Sumber	PHS RM	PHT RM	PK RM	PITM, IPPT RM	JUMLAH RM
Denda	89,341.00	30,039.20	7,573.70	-	126,953.90
Keahlian	11,450.00	600.00	200.00	-	12,250.00
Sewaan (Bangunan dll)	78,000.00	7,200.00	-	-	85,200.00
Sewaan (Loker, Bilik Karel dll.)	17,586.60	130.00	320.00	-	18,036.60
Muat turun Artikel	1,700.00	-	-	-	1,700.00
Persidangan	-	-	-	14,900.00	14,900.00
Perkhidmatan faks	308.00	-	528.00	-	836.00
<b>Jumlah</b>	<b>198,185.90</b>	<b>37,969.20</b>	<b>8621.70</b>	<b>14,900.00</b>	<b>259,876.50</b>

## Penggunaan Perkhidmatan Elektronik

Perkhidmatan maklumat elektronik terus meningkat dengan pengekalan/pembaharuan langganan kepada pangkalan data yang penting dan sesuai untuk pengguna. Penggunaan sepanjang tahun 2012 bagi Pangkalan Data ialah sebanyak 2,784,014 berbanding 2,010,908 pada tahun 2011 dan buku elektronik sejumlah 170,269 berbanding 164,805 penggunaan pada tahun 2011 yang telah dicatatkan oleh pengguna Perpustakaan.

## Pelawat-pelawat

Rangkaian Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah menerima ramai pelawat dari dalam dan luar seperti pecahan berikut:-

Rangkaian Perpustakaan			
PHS	PHT	PK	IPPT
114	11	4	-

## Cabaran Tahun 2012

Cabaran getir yang dihadapi oleh Perpustakaan ialah dalam menilai semula penggunaan pangkalan data yang dilanggan. Hasil daripada penilaian ini, beberapa langganan pangkalan data telah dibatalkan kerana pulangan pelaburannya rendah.





# LAPORAN

## ▶ JABATAN PEMBANGUNAN



## Pengenalan

### *Jabatan*

Pembangunan pada permulaannya diwujudkan sebagai Unit Perkhidmatan Teknikal di bawah Pejabat Bendahari pada tahun 1971. Ekoran perkembangan dan pembangunan fizikal yang pesat, unit ini dinaiktaraf ke Jabatan pada tahun 1971 dan diketuai oleh Ketua Jurutera. Pada tahun 1983 gelaran Ketua Jurutera ditukar kepada Pengarah. Keluasan keseluruhan kampus Induk ialah 253.98 hektar.

Jabatan Pembangunan Cawangan Kampus Kubang Kerian, Kelantan ditubuhkan pada tahun 1982, bagi mengambil alih Bangunan Hospital Kubang Kerian daripada Jabatan Kerja Raya dan mengawasi serta menyelia kerja pembinaan Kampus Pusat Pengajian Sains Perubatan. Keluasan kampus ini ialah 87.62 hektar.

Pada Tahun 1986, satu lagi cawangan kampus telah diwujudkan di Perak. Cawangan Jabatan Pembangunan, Kampus Perak pada awalnya dipertanggungjawab mengambil alih dan mengubahsuai bangunan lama Majlis Perbandaran Ipoh untuk dijadikan kampus sementara Kampus Kejuruteraan yang masa itu dalam pembinaan kampus tetapnya di Bandar Sri Iskandar.

Pada tahun 2001, Kampus Cawangan Perak telah berpindah ke kawasan baharu iaitu Transkrian. Kampus Cawangan ini terletak bersempadanan tiga buah negeri iaitu Pulau Pinang, Perak dan Kedah. Kampus ini dikenali sebagai Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia. Keluasannya ialah 139.14 hektar.

## Aktiviti Yang Dijalankan Pada Tahun 2012

Membangunkan, menambahbaik dan memperkayakan sistem ICT pengurusan bersepadu JPMIS dengan pelancaran SISPrO, memperkaya DV's DASHBOARD, sistem kualiti, pengurusan pelanggan, komuniti ICT jabatan dan rangkaian sosial. Di antara sistem ICT yang terdapat ialah:

- Sistem ASET iaitu sistem awal dan mudah merekod aset dan inventori Jabatan Pembangunan.
- Sistem pengiraan penarafan kos kredit setara untuk CMMS.BEAM dan SIPER V2.
- Sistem pengurusan projek SiSPRO Fasa 1.
- Sistem takwim 'planner' untuk sistem pengangkutan Fleet Beta.
- Parameter dan indikator Dv Dashboard, ECC, penarafan pelanggan, e-penyata, CMMS-BEAM V2.
- Projek Go Mobile dimulakan dengan latihan dan perolehan peralatan.
- Laman web Jabatan Pembangunan terus menjadi pusat rujukan perkhidmatan interaktif melalui sistem-sistem yang ditumpukan serta pusat maklumat terkini pembangunan fizikal kampus dan pengurusan perkhidmatan serta fasiliti.
- Laman sosial Facebook telah mengeratkan lagi hubungan rangkaian sosial Jabatan Pembangunan ketiga-tiga kampus

Inisiatif Strategik Penyelesaian Pengurusan Fasiliti Komprehensif berasaskan Pelanggan dengan pelaksanaan 'Preventive Maintenance' melalui sistem sepadu dan terancang, iaitu satu Sistem Penyenggaraan Terancang/Pencegahan diperkenalkan secara sistematik dan menjadi model manual bagi servis berjadual sistem Mekanikal.

Inisiatif Strategik Pelan Pembangunan Kampus Bersepadu iaitu dengan pelaksanaan Inisiatif Utama Pengurusan Tenaga Pusat Kawalan Tenaga Penetapan, penyelesaian praktikal pencahayaan, pemasangan sumber tenaga alternatif, projek laluan lestari, teroka laluan ekologi, pemetaan, taman floria dan mesra alam seperti berikut:

- Pengurus Kecekapan Tenaga telah mengkaji kecekapan tenaga kampus serta memberikan syor untuk pelaksanaan.
- Pengurusan Tenaga kampus memenuhi peraturan statutori ditetapkan Suruhanjaya Tenaga.
- EEI keseluruhan 96.38 (tidak termasuk desasiswa kerana EEI terlalu kecil)
- Pemantauan Penggunaan dan Kecekapan Tenaga berasaskan 100 KWh/meter persegi/setahun yang dinamakan ECC - Energy Control Centre yang dipamerkan pada DV's Dashboard Jabatan Pembangunan.
- Pengiraan tetap dan berterusan penggunaan tenaga elektrik kampus dan PTJ.
- EEI bangunan PPKT (yang dikenalpasti sebagai ruang EEI yang tidak efisien tenaga) menurun daripada 250 kepada 139. EEI adalah indeks kecekapan tenaga.
- Percubaan penggunaan Cold 20 sebagai alternatif kepada R22 telah dijalankan dan memerlukan kajian lanjutan.
- Pengurusan tenaga secara talian sistem berkaitan BAS (e DART) sedang dipantau keberkesanan serta ketepatannya.

# LAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN

Inisiatif Strategik Persekitaran Kerja Kondusif iaitu sokongan penarafan dan akreditasi, menaiktaraf kondisi bangunan dan fasiliti, penyelesaian penyenggaraan tertanggung 'resolving deferred maintenance issues', khidmat rekabentuk, lukisan, dokumentasi dan perolehan serta berkualiti, inisiatif pengindahan dan alam sekitar. Inisiatif ini dijangka akan dapat mencapai penyelesaian penyenggaraan keperluan ruang & infrastruktur.

- Mengekalkan piawai kualiti bangunan dan persekitaran.
- Mengekalkan 80% tahap penyelesaian penyenggaraan pada keutamaan K1 (penyelesaian dalam 1 hari) dan K2 (3 hari).
- Telah menyokong dan melengkapkan semua keperluan ruang, perkhidmatan, prasarana dan infrastruktur bagi peralatan baru dan program baru 2012.
- Projek Pemasangan sistem nyahkelembapan tanpa pemanas iaitu menyelesaikan masalah kelembapan di Perpustakaan supaya lebih kondusif untuk menelaah.
- Sistem LPG di dua PTJ telah dinaiktaraf untuk kelulusan pelesenan Suruhanjaya Tenaga. PTJ –PTJ lain dirancang untuk dinaiktaraf pada 2013.

Inisiatif Strategik Rekayasa Bakat iaitu khidmat dan keupayaan rentas disiplin dan kepelbagaian. Ini berkaitan dengan transformasi kaedah dan pelaksanaan kerja, komunikasi pantas dan berupaya sendiri (self-managing personnel and teams), kemampuan berteknologi tinggi seperti berikut:

- Melaksanakan projek OMD yang mengupayakan dan memberdayakan staf bagi menghasilkan sendiri projek Dewan Pembangunan Profesional sehingga siap digunakan secara pasukan padu dan merentas disiplin.

- Mengekalkan pengurus projek secara multitasking dan merentas disiplin.
- Mengekalkan pentadbir-pentadbir sistem sekaligus penyelia kerja efektif serta berpengupayaan diri.
- Staf R1 hingga R4 sebahagiannya melaksanakan kerja-kerja pertukangan.
- Mengekalkan kewujudan dan prestasi tinggi pasukan M&E yang berpengupayaan diri.

Inisiatif Strategik Bisnes dan Enterprise dengan pengenalan penarafan kredit (credit rating) untuk perkhidmatan Jabatan Pembangunan supaya ada nilai dan apresiasi kelestarian produk serta khidmat contohnya trip, km, jam kerja, nilai kerja, alat ganti dan lain-lain.

- Pengenalan penarafan kredit atau kos setara bagi mengukur dan menilai kepadanan kos perkhidmatan dengan penyampaian dimulakan pada kos setara perkhidmatan penyenggaraan korektif CMMS-BEAM. Pemurnian perlu dibuat supaya pengiraan lebih tepat dan diselaraskan pada 2013.
- Kos setara berasaskan caj Universiti semasa perkhidmatan perabot sementara bagi 809 tempahan = RM 79,756.70. Pemurnian perlu dibuat supaya pengiraan lebih tepat sesuai dengan kadar upah "in house" dan diselaraskan pada 2013.
- Kos berasaskan caj tetap 50 sen sekilometer bagi 1394 tempahan dengan 248,854.000 km jarak trip = RM 124,427.00
- Kos setara akan memastikan kepadanan kos, output produktiviti, perancangan sumber serta justifikasi kerja

## Pencapaian Tahun 2012

Pengurusan Penyenggaraan Berjadual telah mencapai pelaksanaan lebih daripada 80% seperti yang disasarkan, terutama sekali dalam bidang Kebersihan dan Cucian Bangunan, Kebersihan Halaman dan



Kawasan, Penyelenggaraan Landskap dan Taman, Khidmat Pengangkutan Sampah/ Sisa Pepejal, Servis Sistem Penghawa Dingin, Servis Sistem Pencegahan Kebakaran, Servis Sistem Lif (bagi PTJ berkaitan), Servis Perangkap Lemak, Penyelenggaraan Sistem Pam, Servis Gen Set, Servis sistem automasi bangunan dan Penyelenggaraan sistem pili hydrant bomba.

Pengurusan Penyelenggaraan Korektif juga mencapai 80% sasaran di mana penyelesaian permohonan kerja, perkhidmatan dan aduan penyelenggaraan korektif telah mencapai KPI. Maklumat ini boleh dicapai dan disemak pada DV's Dashboard Pembangunan melalui sistem JPMIS.

Sistem maklumbalas pelanggan menunjukkan sasaran kepuasan pelanggan tercapai. Penilaian maklumbalas pelanggan ini boleh dicapai dan disemak pada DV's Dashboard Pembangunan melalui sistem JPMIS. Di Kampus Kejuruteraan perkhidmatan penyelenggaraan pencegahan dan servis berjadual bulanan mencapai 85.81% penarafan baik, pengurusan projek kerja kecil, naiktaraf & ubahsuaian mencapai 83.33 %, penyelenggaraan korektif capai 82.3 %, pengurusan pengangkutan capai 98.25 %.

Dalam memastikan prestasi tinggi fasiliti dan kelancaran operasi fizikal kampus, gangguan bekalan elektrik adalah di tahap minimum. Gangguan bekalan air berlaku akibat gendala di pihak Pihak Berkuasa Air dan dapat ditangani, manakala keadaan tekanan rendah berlaku apabila ada pembaikan atau gangguan pada sistem rangkaian pihak pembekal. Selain daripada itu, keselamatan dan kesihatan serta sekuriti dari aspek pengurusan fizikal kampus dalam keadaan terkawal.

Pengurusan Perbelanjaan Tahunan Mencapai sasaran 90% perbelanjaan

berimbang. Jumlah peruntukan untuk Jabatan Pembangunan Pusat RM43,241,000.00 telah digunakan secara berhemah.

## Projek Pembangunan

### Senarai Projek Tahun 2012

Sejumlah 17 projek kerja-kerja ubahsuaian dan naik taraf di kampus Induk telah dijalankan dan siap sepenuhnya sepanjang tahun 2012. Kerja-kerja ini melibatkan kos berjumlah RM4,062,722.00.

Manakala di Kampus Kejuruteraan 62 kerja-kerja ubahsuaian telah dijalankan dan berjaya disiapkan dalam tahun 2012. Kerja-kerja ini melibatkan kos berjumlah RM1,335,642.00.

## Cabaran

Keperluan semasa merupakan cabaran utama dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan yang tidak berjadual. Disamping itu usia Universiti yang telah melebihi 40 tahun menyebabkan pasarana yang sedia ada harus diselenggara dengan lebih kerap.





# LAPORAN

▶ **PUSAT  
SEJAHTERA  
(KESIHATAN  
DAN PERGIGIAN)**

# LAPORAN PUSAT SEJAHTERA (KESIHATAN & PERGIGIAN)



## Pengenalan

*Sejak* ditubuhkan pada tahun 1969, Pusat Kesihatan & Pergigian telah melalui proses penjenamaan semula kepada Pusat Sejahtera pada tahun 2008, demi untuk memastikan peranannya kekal relevan. Selaras dengan visi dan misi USM, Pusat Sejahtera berhasrat mewujudkan warga kampus yang sejahtera atau sihat dari aspek fizikal, mental, sosial dan rohaniah. Bagi memartabatkan kesejahteraan hidup warga kampus, ia menawarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti serta pelbagai program pendidikan kesihatan seperti aktiviti promosi kesihatan, saringan kesihatan, latihan yang berkaitan dan juga mengadakan senaman melalui Jalan Sejahtera dan juga Tai Chi, bagi tujuan mempertingkatkan amalan cara hidup sihat dalam kalangan warga kampus.

Dari aspek kelestarian, pihak pengurusan Pusat Sejahtera sentiasa mendokong pelbagai usaha yang berkaitan, seperti penggunaan tenaga secara efisien dan perbelanjaan berhemah yang diberi keutamaan. Aktiviti kitar semula kertas dan pemberhentian membekalkan beg plastik kepada pesakit telah dilakukan secara berterusan. Secara tidak langsung, amalan ini telah berjaya mendidik ramai para pesakit tentang amalan kitar semula, yang turut menjadi amalan hari mereka.

Pusat Sejahtera memerlukan dorongan, sokongan dan juga penglibatan setiap warga kampus, dari pelbagai peringkat untuk membawa USM ke arah kecemerlangan sebagai Universiti APEX. Jadi semua pihak perlu memberi fokus yang utama dalam penjagaan kesihatan diri dan yakin bahawa kesihatan adalah tanggungjawab setiap individu selaras dengan kata-kata mutiara "KELESTARIAN KUNCI KESEJAHTERAAN".

## Objektif


Pusat Sejahtera berhasrat untuk memperkukuhkan aktiviti perubatan, kesihatan dan pergigian yang sedia ada dengan rawatan dan khidmat pencegahan dan kaunseling yang cekap dan berkesan. Ini disokong dengan usaha mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan dan memperluaskan pengetahuan tentang perubatan asas untuk pencegahan penyakit kronik dan penyakit berjangkit yang membahayakan melalui pendidikan perubatan, kesihatan dan pergigian secara berterusan kepada seluruh warga kampus.

## Pengukuhan Asas

- Selaras dengan penjenamaan semula Pusat Kesihatan menjadi Pusat Sejahtera, pelbagai aktiviti pencegahan (preventive) diadakan seperti saringan kesihatan, medical surveillance, pameran dan juga ceramah kesihatan dalam usaha untuk mensejahterakan warga kampus USM.
- Memantapkan lagi program penjagaan kesihatan sedia ada iaitu Klinik Berhenti Merokok, Klinik Pengurusan Berat Badan, Klinik Wanita Sejahtera dan Klinik Diabetes.
- Menggunakan pendekatan holistik dalam proses perawatan pesakit dengan membuat pemeriksaan tekanan darah untuk mengenalpasti baseline blood pressure dan body mass index semua pesakit. Pesakit sentiasa diberi nasihat tentang penjagaan kesihatan yang baik.
- Mendokong hasrat universiti untuk membantu golongan terkebahawah – mengadakan Program Khidmat Masyarakat dan juga bekerjasama dengan PTJ lain yang menganjurkan program libatsama industri dan masyarakat (BJIM). Ini secara tidak langsung dapat melatih staf Pusat Sejahtera untuk sentiasa sedia berkorban demi kesejahteraan insan yang memerlukan.
- Mengadakan lebih banyak kempen derma darah di Pusat Sejahtera bagi membantu mengisi bekalan tabung darah Hospital Pulau Pinang serta melatih warga USM meyemai sifat prihatin dan penyayang terhadap masyarakat.
- Mewujudkan suasana yang lebih selesa di ruang menunggu dan mesra pesakit dan juga menyediakan sudut kanak-kanak. Terbaru Pusat Sejahtera telah akhirnya dapat menyediakan rawatan dan khidmat seorang pegawai fisioterapi.

# LAPORAN PUSAT SEJAHTERA (KESIHATAN & PERGIGIAN)

## Carta Organisasi Pusat Sejahtera



## Aktiviti Pusat Sejahtera Sepanjang Tahun 2012

Sepanjang tahun 2012, bilangan warga kampus yang menerima rawatan perkhidmatan perubatan dan pergigian adalah seperti berikut:

Statistik Pelajar dan Tanggungan Untuk Rawatan Perkhidmatan Perubatan Pada Tahun 2011 & 2012

Tahun	Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
	Kategori													
2011	Pelajar	2144	1797	2281	1672	837	757	1066	1233	5059	4888	3457	5388	30579
	Tanggungan Pelajar	114	99	143	117	79	97	3	146	392	146	120	246	1702
	Kes Susulan	569	285	596	437	224	203	188	278	534	403	299	188	4204
	<b>Jumlah</b>	<b>2827</b>	<b>2181</b>	<b>3020</b>	<b>2226</b>	<b>1140</b>	<b>1057</b>	<b>1257</b>	<b>1657</b>	<b>5985</b>	<b>5437</b>	<b>3876</b>	<b>5822</b>	<b>36485</b>
2012	Pelajar	1267	1307	2218	1809	4357	3146	1898	1213	4875	4999	5058	5476	37632
	Tanggungan Pelajar	98	86	83	99	328	265	291	257	285	278	375	344	2789
	Kes Susulan	193	267	412	274	271	184	155	237	658	442	346	276	3715
	<b>Jumlah</b>	<b>1567</b>	<b>1660</b>	<b>2713</b>	<b>2182</b>	<b>4956</b>	<b>3595</b>	<b>2344</b>	<b>1707</b>	<b>5818</b>	<b>5719</b>	<b>5779</b>	<b>6096</b>	<b>44136</b>

Statistik Staf, Pesara dan Tanggungannya Untuk Rawatan Perkhidmatan Perubatan Pada Tahun 2011 & 2012

Tahun	Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
	Kategori													
2011	Kakitangan	966	744	929	888	889	1113	1740	1971	2384	1930	1727	2607	17888
	Tanggungan Kakitangan	332	279	305	330	298	354	333	635	710	564	614	945	5699
	Pesara	245	210	284	253	225	266	125	422	598	410	451	633	4122
	Tanggungan Pesara	78	61	91	73	73	88	24	139	170	132	134	204	1267
	Kes Susulan	317	288	455	395	423	517	510	243	380	384	341	376	4629
	<b>Jumlah</b>	<b>1938</b>	<b>1582</b>	<b>2064</b>	<b>1939</b>	<b>1908</b>	<b>2338</b>	<b>2732</b>	<b>3410</b>	<b>4242</b>	<b>3420</b>	<b>3267</b>	<b>4765</b>	<b>33605</b>
2012	Kakitangan	887	918	893	876	2036	1914	2609	1785	1935	2221	2360	2915	21349
	Tanggungan Kakitangan	313	279	289	332	727	673	925	650	777	646	902	611	7124
	Pesara	217	195	226	211	491	585	624	483	558	523	704	862	5679
	Tanggungan Pesara	54	62	59	76	174	130	149	133	144	171	193	193	1538
	Kes Susulan	326	428	435	368	507	516	493	351	413	615	454	465	5371
	<b>Jumlah</b>	<b>1797</b>	<b>1882</b>	<b>1902</b>	<b>1863</b>	<b>3935</b>	<b>3818</b>	<b>4800</b>	<b>3402</b>	<b>3827</b>	<b>4176</b>	<b>4613</b>	<b>5046</b>	<b>41061</b>

Statistik Pelajar Untuk Rawatan Perkhidmatan Pergigian Pada Tahun 2011 & 2012

Tahun	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
<b>2011</b>	734	508	820	795	417	350	307	172	664	873	644	616	<b>6900</b>
<b>2012</b>	431	350	783	560	690	598	420	158	624	832	533	524	<b>6503</b>

# LAPORAN PUSAT SEJAHTERA (KESIHATAN & PERGIGIAN)

Forum, ceramah, bengkel dan kempen yang mempunyai impak terhadap kepentingan penjagaan kesihatan telah diadakan, bagi melahirkan warga kampus yang sentiasa mementingkan amalan cara hidup sihat. Antara ceramah yang telah dianjurkan adalah seperti berikut:

- **“Kenali Ubat Anda”** oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azmi bin Ahmad Hassali dari Pusat Pengajian Sains Farmasi.
- **“Aduh, Sakitnya”** oleh Puan Yew Su Fen dari Jabatan Fisioterapi, Hospital Pulau Pinang.
- **‘Wellness Management’** oleh Prof. Madya Dr. Azizah Omar, Pusat Pengajian Pengurusan.
- **“Kurangkan Lemak, Jantung Sejahtera”** oleh Dr. Safari Elis dari KPJ, Pulau Pinang.
- **“Tidur Berirama”** oleh Dr. Muhamad Yusri Musa, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju.
- **“Tua Sebelum Usia”** oleh Dr. Saadiah Sahabudin dari Institut Perubatan dan Pergigian Termaju.
- **“Tewas Sebelum Berjuang?”** oleh Prof. Syed Azhar Syed Sulaiman dari Pusat Pengajian Sains Farmasi.
- **“Ayu atau Layu?”** oleh Puan Che Nin bt Man, Pusat Racun Negara, USM.
- **‘Living with Diabetes’** anjuran bersama dengan Novo Nordisk Pharma.
- Forum Kanser Wanita **‘Antara Ikhtiar dan Takdir’** anjuran bersama dengan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Pusat Islam, Persatuan Setiausaha USM dan Pusat Sejahtera dengan kerjasama GlaxoSmith Kline Malaysia.



Ceramah



Refleksologi




Cara Menyediakan Makanan Yang Sihat



**Aktiviti Saringan Kesihatan** yang bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesihatan warga kampus telah dilakukan sepanjang tahun lepas. Sebanyak 11 PTJ yang telah mengambil Bahagian dan seramai 419 staf telah melalui ujian saringan, termasuk ujian darah. PTJ yang terlibat dalam aktiviti saringan kesihatan adalah seperti dalam carta


### PTJ Yang Terlibat Dalam Saringan Kesihatan



Aktiviti Saringan di PTJ

# LAPORAN PUSAT SEJAHTERA (KESIHATAN & PERGIGIAN)

Sebagai satu pusat yang prihatin tentang kesejahteraan warga universiti, maka Perkhidmatan Rawatan Pemulihan atau Fisioterapi telah dimulakan sejak awal tahun 2012. Ini adalah khas untuk membantu mereka yang menghadapi masalah psikomotor, untuk mengembalikan gerak dan fungsi fizikal ke tahap tertinggi yang mampu dicapainya. Rawatan seperti tunjuk ajar serta nasihat secara individu yang membolehkan aktiviti dilakukan di rumah dapat membantu pesakit mempercepatkan proses pemulihan. Seramai 599 pesakit telah mendapatkan rawatan fisioterapi yang berbeza – beza, menurut keperluan, seperti berikut:



Bilangan Warga USM dan Tanggungan Yang Menerima Rawatan Pemulihan Mengikut Bulan

Pusat Sejahtera tidak mahu ketinggalan dalam Aktiviti Khidmat Masyarakat atau Libatsama Komuniti, maka pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun lepas, antaranya ialah :

- Program *Outreach* bagi 400 kanak dari Tadika Islah Educare Taman Pekaka, Pulau Pinang, Tadika Koperasi Minden, USM dan Tadika Islam USM di mana pemeriksaan mulut dan gigi telah dilakukan, dan juga penerangan tentang kepentingan menjaga kesihatan gigi serta gusi untuk mengelakkan kehilangan gigi pada usia muda telah diberi.
- '*Home Visit*' dan rawatan perubatan untuk Encik Ahmad Tajuddin Abd. Rashid dari Jabatan Pembangunan oleh 14 orang staf paramedik secara giliran sejak 20 November 2012 sehingga beliau meninggal dunia pada 27 Mac 2013.

Kempen Derma Darah telah dijalankan dua kali iaitu pada 12 April 2012 dan 6 November 2012 dengan kerjasama organisasi awam/swasta dan PTJ lain, bertujuan membantu Tabung Darah Hospital Pulau Pinang mengisi keperluan darah di hospital serta memberi kesedaran kepada warga universiti tentang kepentingan menderma darah bagi menyelamatkan nyawa semasa kecemasan. Seramai 121 warga universiti layak menderma darah dalam kempen ini.




Kursus Asas Pertolongan Cemas yang dianjurkan bersama Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Pusat Inovasi & Produktiviti Pentadbiran Awam (PiPPA) dan Pusat Sejahtera telah diadakan untuk staf pentadbiran, sokongan dan akademik selama 2 hari pada 17 hingga 18 Oktober 2012 dengan bertujuan untuk melengkapkan warga kampus dengan prinsip asas pertolongan cemas serta memberi kesedaran tentang pentingnya tindakan awal/segera yang tepat bagi menyelamatkan nyawa melalui amali/praktikal (hands-on). Aktiviti ini juga meningkatkan keyakinan para peserta untuk memberi bantuan sekiranya berlaku sebarang kecemasan di mana dan pada bila-bila masa saja.

# LAPORAN PUSAT SEJAHTERA (KESIHATAN & PERGIGIAN)


Klinik/Program Perkhidmatan dan Promosi Kesihatan juga dijalankan sepanjang masa untuk membantu, meningkatkan kesedaran dan memotivasi warga USM dan tanggungan tentang bagaimana menjaga kesihatan diri, mencegah komplikasi penyakit dan juga lebih penting lagi, pencegahan penyakit menerusi amalan cara hidup sihat melalui aktiviti berikut:

- **Klinik Pengurusan Berat Badan** yang beroperasi sejak tahun 2003 untuk membantu individu yang mempunyai berat badan berlebihan, melalui kaunseling tentang amalan pemakanan sihat dan betul, mengurangkan berat badan mereka, bagi mencegah penyakit kronik yang berkaitan seperti penyakit darah tinggi, penyakit koronari jantung dan lain-lain penyakit seperti berikut:




Perangkaan Penglibatan Warga Kampus Dalam Klinik pengurusan Berar Badan Pada Tahun 2011 dan 2012

- **Klinik Kesihatan Wanita** memberi ruang kepada para wanita untuk menjalankan ujian 'pap smear' dan pemeriksaan payudara, sebagai langkah awal mengesan kanser pangkal rahim dan payudara. Seramai 152 warga kampus USM telah mengambil kesempatan untuk mendapat khidmat Klinik Kesihatan Wanita seperti dalam carta di sebelah:



Perangkaan Penglibatan Warga Kampus Dalam Klinik Kesihatan Wanita Pada Tahun 2011 dan 2012


- **Klinik Berhenti Merokok** berperanan untuk membantu dan memotivasikan staf dan pelajar yang merokok untuk berhenti merokok dengan menyediakan rawatan kaunseling individu dan berkumpulan serta terapi gantikan nikotin selaras dengan impian USM untuk menjadi Kampus Bebas Tembakau. Bilangan pelajar dan staf yang terlibat adalah seperti berikut:



Perangkaan Staf dan Pelajar Yang Terlibat Dalam Klinik Berhenti Merokok Bag Tahun 2011 dan 2012


# LAPORAN PUSAT SEJAHTERA (KESIHATAN & PERGIGIAN)

Pusat Sejahtera juga mengambil langkah positif untuk menggalakkan warga kampus mengamalkan aktiviti sihat iaitu Jalan Sejahtera, pada setiap hari Rabu petang. Kini bilangan individu yang berjalan jelas kelihatan hampir setiap petang, kerana ianya mudah dilakukan dan juga dapat mengeratkan hubungan antara Jabatan. Sepanjang tahun, seramai 430 staf dan pelajar telah terlibat diri dalam aktiviti ini.



Bilangan Peserta Yang Terlibat Dalam Jalan Sejahtera Mengikut Bulanan

Pusat Sejahtera juga berkomited sekali untuk menyediakan perkhidmatan Medical Standby bagi aktiviti yang dijalankan di kampus USM oleh PTJ dan kelab pelajar serta agensi luar supaya aktiviti dapat dijalankan dengan lancar dan selamat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti sukan, peperiksaan, konvokesyen, mesyuarat penting dan lain-lain. Sila rujuk rajah di bawah:



Jenis dan Bilangan Aktiviti Perkhidmatan Medical Standby

Untuk mengukuhkan perjalanan pentadbiran supaya dapat bergerak dengan lancar dan cekap, Program 'Team Building' diadakan pada 24 hingga 25 November 2012 di Sedim Eco-Resort, Kulim, Kedah, bertujuan untuk mengeratkan hubungan kerja antara staf lama dan baru yang mempunyai pelbagai latarbelakang, kemahiran, nilai dan bakat tentang kepentingan bekerja sebagai pasukan dan juga mewujudkan kesedaran bahawa mengamalkan kerja berpasukan, akan menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang. Dalam program ini, aktiviti *outdoor* dan *indoor* berkaitan dengan IQ, EQ dan SQ dilakukan, untuk menguji tahap mental dan sikap staf telah dikendalikan.



Permainan 'Lanun Lanun'



Abseiling



*I'm blindfolded – See what I draw*

# LAPORAN PUSAT SEJAHTERA (KESIHATAN & PERGIGIAN)

## Cabaran/Kekangan

- Ramai staf paramedik terlibat dengan aktiviti standby untuk program yang dianjurkan oleh pelajar dan juga program universiti. Juga kerap kali terdapat pertindihan aktiviti, yang memerlukan staf bertugas.
- Pesakit kes kronik yang tidak mematuhi/ingkar terhadap temujanji yang diberi.
- Peningkatan bilangan pesakit penyakit kronik yang memerlukan penambahan pembekalan ubat-ubatan.

## Rumusan

Secara keseluruhannya, Pusat Sejahtera telah berjaya melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan program penjagaan kesihatan kepada warga kampus. Sasaran tahun 2012 telah dapat dicapai dengan kerjasama dan penglibatan semua staf Pusat Sejahtera dan juga dengan sokongan dari pihak Pengurusan Universiti serta warga kampus amnya. Pihak Pengurusan Pentadbiran Pusat Sejahtera sentiasa mengadakan perbincangan, baik dengan pihak dalaman mahupun luar, bagi mengenalpasti langkah penambahbaikan mutu perkhidmatan Pusat Sejahtera, demi kesejahteraan seluruh warga kampus.

Harapan kami agar semua warga kampus akan menghargai dan menjaga anugerah yang paling penting pada diri setiap insan, iaitu kesihatan / kesejahteraan diri, bertetapan dengan kata - kata keramat: *Health is Wealth.*







FACULTY OF DENTISTRY AND ADVANCED ORAL HEALTH



# LAPORAN

▶ KEWANGAN

# LAPORAN KEWANGAN

## Pengenalan

Pendapatan mengurus Universiti Sains Malaysia pada tahun 2012 adalah sebanyak RM1,179,552,037 iaitu 12.4% lebih tinggi daripada pendapatan mengurus tahun 2011, yang berjumlah RM1,049,068,221. Pemberian daripada kerajaan berjumlah RM1,090,200,000 atau 92.4% daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Manakala yuran pelajar pula berjumlah RM64,224,305 atau 5.5%. Pendapatan lain berjumlah RM25,127,732 atau 2.1%. Jadual 1 meringkaskan pendapatan mengurus untuk tempoh 2 tahun.

	Tahun 2012		Tahun 2011	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Pemberian Kerajaan	1,090.2	92.4	983.7	93.8
Yuran Pelajar	64.2	5.5	42.3	4.0
Pendapatan Lain	25.1	2.1	23.0	2.2
<b>Jumlah</b>	<b>1,179.5</b>	<b>100</b>	<b>1,049.0</b>	<b>100</b>

Jadual 1: Pendapatan Mengurus

## Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Universiti Sains Malaysia pada tahun 2012 adalah berjumlah RM1,146,506,302 iaitu 9.9% lebih tinggi daripada perbelanjaan mengurus tahun 2011 berjumlah RM1,042,429,566. Sebahagian besar daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan iaitu sebanyak RM646,823,216 atau 56.4% adalah untuk pembayaran emolumen. Perbelanjaan emolumen telah meningkat sebanyak 16.5% berbanding dengan perbelanjaan emolumen tahun 2011. Manakala baki 43.6% atau RM499,683,086 adalah untuk perbelanjaan bukan emolumen. Perbelanjaan bukan emolumen telah meningkat sebanyak 2.4 % iaitu daripada RM487,591,911 pada tahun 2011 kepada RM499,683,086 pada tahun 2012. Jadual 2 meringkaskan perbelanjaan mengurus untuk tempoh 2 tahun.

	Tahun 2012		Tahun 2011	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Emolumen	646.8	56.4	554.8	53.2
Perkhidmatan dan Bekalan	278.1	24.2	255.5	24.5
Pembelian Harta Modal	20.6	1.8	32.9	3.2
Pemberian dan Kenaan Tetap	185.3	16.2	189.2	18.1
Perbelanjaan Lain	15.7	1.4	10.0	1.0
<b>Jumlah</b>	<b>1,146.5</b>	<b>100</b>	<b>1,042.4</b>	<b>100</b>

Jadual 2: Pecahan Perbelanjaan Mengurus

Secara keseluruhan, lebih pendapatan atas perbelanjaan mengurus Universiti adalah berjumlah RM33,045,735 iaitu (397.7%) lebih tinggi daripada kelebihan pada tahun 2011 sebanyak RM6,638,655. Sehubungan dengan ini, jumlah baki lebih terkumpul perbelanjaan mengurus tahun 2012 telah meningkat sebanyak RM82,468,266 atau 66.8% berbanding lebih RM49,429,030 pada tahun 2011.

	<b>Tahun 2012 RM Juta</b>	<b>Tahun 2011 RM Juta</b>
Pendapatan	1,179.5	1,049.0
Tolak : Perbelanjaan	1,146.5	1,042.4
	-----	-----
Lebihan untuk tahun	33.0	6.6
Lebihan terkumpul awal tahun	49.4	42.8
	-----	-----
<b>Lebihan terkumpul akhir tahun</b>	<b>82.4</b>	<b>49.4</b>
	=====	=====

Jadual 3: Lebihan Perbelanjaan Mengurus

### **Pendapatan Pembangunan**

Pendapatan pembangunan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2012 adalah berjumlah RM44,336,653 iaitu 85.3% lebih rendah daripada pendapatan pembangunan tahun 2011 berjumlah RM301,623,088.

### **Perbelanjaan Pembangunan**

Perbelanjaan pembangunan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2012 adalah berjumlah RM145,934.760 ( termasuk RM44,624,224 - IDB dan RM20,490,222 - FRGS ) iaitu (33.6%) lebih rendah daripada perbelanjaan pembangunan tahun 2011 berjumlah RM219,862,597 ( termasuk RM71,544,146 - IDB dan RM9,707,592 - FRGS ). Perbelanjaan pembangunan dapat diringkaskan kepada perbelanjaan untuk tanah, bangunan dan kemudahan, alat kelengkapan serta bekalan dan perkhidmatan lain. Perbelanjaan untuk tanah, bangunan dan infrastruktur bagi tujuan pembangunan pada tahun 2012 berjumlah RM65,227,984 iaitu (47.1%) lebih rendah daripada perbelanjaan pada tahun 2011 berjumlah RM123,373,821 Jadual 4 menunjukkan secara terperinci perbandingan pecahan perbelanjaan pembangunan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011 dan 2012.

# LAPORAN KEWANGAN

	Tahun 2012		Tahun 2011	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Tanah, Bangunan dan Kemudahan	65.2	44.7	123.4	56.1
Alat Kelengkapan	62.2	42.6	86.5	39.4
Bekalan dan Perkhidmatan Lain	18.5	12.7	9.9	4.5
<b>Jumlah</b>	<b>145.9</b>	<b>100</b>	<b>219.8</b>	<b>100</b>

Jadual 4: Perbelanjaan Pembangunan

Terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan pembangunan pada tahun 2012 berjumlah RM101,598,107 ( termasuk RM23,846,431 - FRGS ) berbanding dengan lebih pendapatan atas perbelanjaan pada tahun 2011 berjumlah RM81,760,491 ( termasuk RM25,292,996 - FRGS ) menurun sebanyak RM183,358,598 atau 224.26%. Lebih pendapatan terkumpul sebanyak RM177,169,075 ( termasuk RM54,578,645 - FRGS ) telah menurun berbanding lebih terkumpul pembangunan daripada RM234,249,858 ( termasuk RM30,839,114 -FRGS ) pada tahun 2011 kepada RM177,169,075 ( termasuk RM54,578,645 - FRGS ) pada tahun 2012 seperti tertera di Jadual 5.

	Tahun 2012 RM Juta	Tahun 2011 RM Juta
Pendapatan	44.3	301.6
Tolak : Perbelanjaan	145.9	219.8
Lebihan / (Kurangan) untuk tahun	(101.6)	81.8
Pelarasan IDB	44.6	71.5
Lebihan terkumpul awal tahun	234.2	80.9
Lebihan terkumpul akhir tahun	177.2	234.2

Jadual 5: Lebihan Perbelanjaan Pembangunan

## Pendapatan Penyelidikan E-Science

Pendapatan penyelidikan E-Science Universiti Sains Malaysia pada tahun 2012 adalah berjumlah RM3,912,184 iaitu (243.5%) lebih tinggi berbanding pada tahun 2011 berjumlah RM1,138,817 daripada kerajaan. Pemberian wang ini merupakan peruntukan untuk membiayai projek-projek penyelidikan jangka pendek.

## Perbelanjaan Penyelidikan E-Science

Perbelanjaan penyelidikan E-Science Universiti Sains Malaysia pada tahun 2012 adalah berjumlah RM1,762,237 iaitu (10.0%) lebih tinggi berbanding pada tahun 2011 berjumlah RM1,601,177. Daripada jumlah ini, 20.5% ialah perbelanjaan untuk alat kelengkapan dan baki sebanyak 79.5% ialah perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lain. Perbelanjaan ke atas alat kelengkapan telah meningkat sebanyak 43.3% dalam tahun 2012 berbanding tahun 2011. Manakala bagi perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan lain pula meningkat sebanyak 3.8% dalam tahun 2012 berbanding tahun 2011. Ini dapat dilihat dengan jelas di dalam Jadual 6.


	Tahun 2012		Tahun 2011	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Alat Kelengkapan dan Buku	0.3	20.5	0.3	15.8
Bekalan dan Perkhidmatan Lain	1.4	79.5	1.3	84.2
<b>Jumlah</b>	<b>1.7</b>	<b>100</b>	<b>1.6</b>	<b>100</b>

Jadual 6: Perbelanjaan Penyelidikan E-Science




# LAPORAN KEWANGAN

## PENDAPATAN 2012



■ MENGURUS ■ PEMBANGUNAN ■ AM ■ ENTERPRISE ■ UNIVERSITI PENYELIDIKAN ■ APEX


## PENDAPATAN 2011



■ MENGURUS ■ PEMBANGUNAN ■ AM ■ ENTERPRISE ■ UNIVERSITI PENYELIDIKAN ■ APEX




## PERBELANJAAN 2012



■ MENGURUS ■ PEMBANGUNAN ■ AM ■ ENTERPRISE ■ UNIVERSITI PENYELIDIKAN ■ APEX


## PERBELANJAAN 2011




■ MENGURUS ■ PEMBANGUNAN ■ PEMBANGUNAN UNIVERSITI ■ AM ■ ENTERPRISE ■ UNIVERSITI PENYELIDIKAN ■ APEX

# LAPORAN KEWANGAN

## Pendapatan Kumpulan Wang




## Pecahan Pendapatan




# LAPORAN KEWANGAN


## Perbelanjaan Kumpulan Wang




## Pecahan Perbelanjaan




## Peruntukan, Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus



## Peruntukan Belanja Mengurus



## Harta Bersih Universiti









# PENYATA KEWANGAN

Penyata Lembaga Gabenor Universiti	186
Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Universiti Sain Malaysia	187
Lembaran Imbangan	188-189
Penyata Pendapatan	190
Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang	191
Penyata Aliran Tunai	192-193
Lembaran Imbangan Kumpulan Wang Mengurus	194
Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus	195
Nota Kepada Penyata Kewangan	196-225

PERKHIDMATAN PELAJAR  
KEWANGAN PELAJAR - JABATAN BENDAHARI

Selamat Datang PER  
PELAJAR-PELAJAR KE  
SEKSYEN HASIL DAN  
KEWANGAN PELAJAR

PER  
PELAJAR-PELAJAR KE  
SEKSYEN HASIL DAN  
KEWANGAN PELAJAR

# PENYATA KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2012, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

**(DATUK HJ. ANWARI BIN SURI)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
22 JULAI 2013



# PENYATA KEWANGAN

i

## UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

### PENYATA Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Gabenor Universiti (AKAUN KUMPULAN)

Kami, **TAN SRI DATUK DR. ZULKEFLI A. HASSAN** dan **PROFESOR DATO' OMAR OSMAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Gabenor **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Gabenor, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** pada 31 Disember, 2012 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Gabenor,



-----  
**TAN SRI DATUK DR. ZULKEFLI A. HASSAN**  
Pengerusi Lembaga Gabenor

Tempat : Pulau Pinang

Tarikh : 19.7.2013



-----  
**PROFESOR DATO' OMAR OSMAN**  
Ahli Lembaga Gabenor

Tempat : Pulau Pinang

Tarikh : 19.7.2013 .

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Saya, **SALMIAH CHE PUTEH** ( No K/P : 550919-07-5224 ) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Airan Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas  
di Pulau Pinang  
pada 27 April 2012



SALMIAH CHE PUTEH



Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH

No. 16, Sokok Bukit Jambul,  
Bukit Jambul, 11800 Bayan Lepas,  
Pulau Pinang.

# PENYATA KEWANGAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
LEMBARAN IMBANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2012

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>	<b>4</b>	1,124,193,609	906,226,992	1,122,112,924	904,423,554
<b>KERJA DALAM KEMAJUAN</b>	<b>5</b>	187,637,446	397,012,813	187,637,446	397,012,813
<b>PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI</b>	<b>6</b>	-	-	5,000,002	5,000,002
<b>PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN</b>	<b>7</b>	3,956,372	4,745,021	-	-
<b>PELABURAN SYARIKAT USAHASAMA</b>	<b>8</b>	527,448	257,622	-	-
<b>PELABURAN JANGKA PANJANG</b>	<b>9</b>	1,155,000	6,180,000	1,155,000	6,180,000
		<b>1,317,469,875</b>	<b>1,314,422,448</b>	<b>1,315,905,372</b>	<b>1,312,616,369</b>
<b>ASET SEMASA</b>					
Inventori	<b>10</b>	469,881	444,821	462,274	440,231
Pelaburan Jangka Pendek	<b>11</b>	13,395,468	12,752,414	13,083,911	11,990,818
Penghutang Pinjaman	<b>12</b>	9,555,098	10,155,372	9,555,098	10,155,372
Penghutang Perniagaan dan Pelbagai	<b>13</b>	125,904,766	41,234,698	122,109,179	36,768,491
Hutang dari Syarikat Subsidiari	<b>14</b>	-	-	7,809,923	8,382,144
Hutang dari Syarikat Sub - Subsidiari	<b>15</b>	-	-	1,092,168	1,136,058
Cagaran dan Prabayar	<b>16</b>	4,717,565	9,007,325	4,717,565	9,007,325
Simpanan Tetap	<b>17</b>	622,194,672	669,097,904	596,745,891	644,622,178
Wang Di Tangan dan Di Bank	<b>18</b>	110,942,764	100,832,956	103,639,742	92,886,682
		<b>887,180,214</b>	<b>843,525,490</b>	<b>859,215,751</b>	<b>815,389,299</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pemiutang Perniagaan dan Pelbagai	<b>19</b>	116,953,052	100,878,109	101,551,084	84,346,709
Cagaran	<b>20</b>	15,428,855	16,840,743	15,428,855	16,840,743
Biasiswa / Dermasiswa	<b>21</b>	7,451,829	7,512,151	7,451,829	7,512,151
Terhutang kepada Pengarah Syarikat Subsidiari	<b>22</b>	2	2	-	-
Geran Jangka Pendek	<b>23</b>	304,602	1,090,402	-	-
Cukai		379,420	147,870	-	-
		<b>140,517,760</b>	<b>126,469,277</b>	<b>124,431,768</b>	<b>108,699,603</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>746,662,454</b>	<b>717,056,213</b>	<b>734,783,983</b>	<b>706,689,696</b>
		<b>2,064,132,329</b>	<b>2,031,478,661</b>	<b>2,050,689,355</b>	<b>2,019,306,065</b>

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM
<b>DIBIYAI OLEH:</b>					
KUMPULAN WANG MENGURUS	24	164,607,171	149,084,863	164,607,171	149,084,863
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN UNIVERSITI	25	129,855,218	138,903,345	129,855,218	138,903,345
KUMPULAN WANG AM	26	294,046,623	292,726,923	294,046,623	292,726,923
KUMPULAN WANG ENTERPRISE	27	189,160,289	180,099,596	190,050,634	180,614,941
KUMPULAN WANG UNIVERSITI PENYELIDIKAN	28	45,619,894	39,907,614	45,619,894	39,907,614
KUMPULAN WANG APEX	29	101,300,039	71,763,779	101,300,039	71,763,779
KEUNTUNGAN TERSIMPAN SYARIKAT SUBSIDIARI		14,149,545	12,510,826	-	-
		<b>938,738,779</b>	<b>884,996,946</b>	<b>925,479,579</b>	<b>873,001,465</b>
REZAB MODAL	30	474,592	474,592	362,821	362,821
GERAN PEMBANGUNAN KERAJAAN	31	1,085,587,224	1,112,867,195	1,085,587,224	1,112,867,195
CUKAI TERTUNDA	32	72,003	65,344	-	-
MANFAAT PEKERJA		39,259,731	33,074,584	39,259,731	33,074,584
		<b>2,064,132,329</b>	<b>2,031,478,661</b>	<b>2,050,689,355</b>	<b>2,019,306,065</b>

# PENYATA KEWANGAN

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM
<b>PENDAPATAN</b>					
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus		1,090,200,000	983,700,000	1,090,200,000	983,700,000
Pemberian Kerajaan - E-Science		3,912,184	1,138,817	3,912,184	1,138,817
Yuran Pengajian		92,219,179	66,400,924	92,219,179	66,400,924
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan		115,633,948	97,824,213	115,633,948	97,824,213
Sewa		9,288,145	9,016,830	7,956,624	7,408,443
Dividen		791,895	887,883	1,166,895	1,052,883
Faedah		20,060,906	16,319,169	19,262,040	15,642,171
Perkhidmatan Hospital		10,310,710	10,545,774	9,387,680	9,540,329
Sumbangan	<b>33</b>	61,680,879	43,614,157	61,680,879	43,614,157
Pendapatan Lain	<b>34</b>	53,281,533	52,270,105	27,821,169	23,279,395
		<b>1,457,379,379</b>	<b>1,281,717,872</b>	<b>1,429,240,598</b>	<b>1,249,601,332</b>
<b>PERBELANJAAN</b>					
Emolumen		683,905,726	588,655,128	676,871,993	582,849,874
Perkhidmatan dan Bekalan		444,096,450	425,313,336	427,714,203	409,924,846
Pembelian Harta Modal		17,708,175	37,270,167	17,708,175	37,270,167
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		51,597,840	52,920,390	51,597,840	52,920,390
Elaun Untuk Hutang Ragu		7,375,572	2,652,025	7,375,572	2,652,025
Kerugian Akibat Kejatuhan Nilai Pelaburan					
- Pelaburan Jangka Pendek		-	321,624	-	321,624
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		115,818	850,505	85,825	850,505
Susutnilai		186,142,152	167,779,792	185,423,565	164,459,868
Perbelanjaan Lain		10,850,140	11,451,962	9,851,597	9,643,945
		<b>1,401,791,873</b>	<b>1,287,214,929</b>	<b>1,376,628,770</b>	<b>1,260,893,244</b>
Lebih / ( Kurangan ) Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		55,587,506	(5,497,057)	52,611,828	(11,291,912)
Bahagian keuntungan Syarikat Usahsama		-	149,166	-	-
		55,587,506	(5,347,891)	52,611,828	(11,291,912)
Cukai	<b>35</b>	(1,144,652)	(1,045,915)	(133,714)	(146,289)
Lebih / ( Kurangan ) Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		<b>54,442,854</b>	<b>(6,393,806)</b>	<b>52,478,114</b>	<b>(11,438,201)</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.



**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG PADA 31 DISEMBER 2012**

KUMPULAN	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	Kumpulan Wang Apex	Keuntungan Tersimpan Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2011	149,858,190	154,568,444	309,477,538	170,498,871	47,087,687	52,808,591	7,091,431	891,390,752
Kelebihan / ( Kekurangan ) Bersih Bagi Tahun	(766,827)	(15,665,099)	(21,683,070)	9,646,564	(2,299,957)	18,955,188	5,419,395	(6,393,806)
Pindahan	(6,500)	-	4,932,455	(45,839)	(4,880,116)	-	-	-
	(773,327)	(15,665,099)	(16,750,615)	9,600,725	(7,180,073)	18,955,188	5,419,395	(6,393,806)
Pada 31 Disember 2011	149,084,863	138,903,345	292,726,923	180,099,596	39,907,614	71,763,779	12,510,826	884,996,946
Kelebihan / ( Kekurangan ) Bersih Bagi Tahun	15,528,808	(9,048,127)	1,193,200	9,180,693	5,712,280	29,536,260	2,339,740	54,442,854
Pelarasan Tahun Lalu	-	-	-	-	-	-	(701,021)	(701,021)
Pindahan	(6,500)	-	126,500	(120,000)	-	-	-	-
	15,522,308	(9,048,127)	1,319,700	9,060,693	5,712,280	29,536,260	1,638,719	53,741,833
Pada 31 Disember 2012	<b>164,607,171</b>	<b>129,855,218</b>	<b>294,046,623</b>	<b>189,160,289</b>	<b>45,619,894</b>	<b>101,300,039</b>	<b>14,149,545</b>	<b>938,738,779</b>

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG UNIVERSITI PADA 31 DISEMBER 2012**

UNIVERSITI	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	Kumpulan Wang Apex	Keuntungan Tersimpan Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2011	149,858,190	154,568,444	309,477,538	170,639,216	47,087,687	52,808,591	-	884,439,666
Kelebihan / ( Kekurangan ) Bersih Bagi Tahun	(766,827)	(15,665,099)	(21,683,070)	10,021,564	(2,299,957)	18,955,188	-	(11,438,201)
Pindahan	(6,500)	-	4,932,455	(45,839)	(4,880,116)	-	-	-
	(773,327)	(15,665,099)	(16,750,615)	9,975,725	(7,180,073)	18,955,188	-	(11,438,201)
Pada 31 Disember 2011	149,084,863	138,903,345	292,726,923	180,614,941	39,907,614	71,763,779	-	873,001,465
Kelebihan / ( Kekurangan ) Bersih Bagi Tahun	15,528,808	(9,048,127)	1,193,200	9,555,693	5,712,280	29,536,260	-	52,478,114
Pindahan	(6,500)	-	126,500	(120,000)	-	-	-	-
	15,522,308	(9,048,127)	1,319,700	9,435,693	5,712,280	29,536,260	-	52,478,114
Pada 31 Disember 2012	<b>164,607,171</b>	<b>129,855,218</b>	<b>294,046,623</b>	<b>190,050,634</b>	<b>45,619,894</b>	<b>101,300,039</b>	<b>-</b>	<b>925,479,579</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# PENYATA KEWANGAN

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>				
Lebihan / ( Kurangan ) pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai	55,587,506	(5,347,891)	52,611,828	(11,291,912)
Pelarasan untuk:				
Susutnilai	186,142,154	168,003,470	185,423,565	164,459,868
Pendapatan dividen	(791,895)	(677,883)	(1,166,895)	(1,052,883)
Faedah diterima	(19,381,055)	(16,346,733)	(19,262,039)	(15,642,171)
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	(115,633,948)	(97,824,213)	(115,633,948)	(97,824,213)
Keuntungan pelupusan hartanah,loji dan peralatan	-	(53,782)	-	-
Hapuskira hutang lapuk	-	1,760	-	-
Pelunasan geran aset	(250,196)	(3,118,393)	-	-
Pelunasan geran perbelanjaan	(662,392)	(7,756,631)	-	-
Rosotnilai saham	225,039	351,252	25,000	351,252
Kerugian akibat kejatuhan nilai pelaburan tidak lagi diperlukan	(439,706)	(206,907)	(439,706)	(121,628)
Pelupusan hartanah,loji dan peralatan	115,818	8,810,011	85,825	8,275,997
Elaun untuk hutang ragu	7,375,572	2,449,704	7,375,572	2,449,704
Elaun untuk hutang ragu tidak lagi diperlukan	(1,964,375)	(2,197,191)	(1,877,653)	(2,179,672)
Keuntungan Syarikat Usahasama	(269,826)	(149,166)	-	-
Keuntungan pelupusan pelaburan jangka pendek	-	(140,729)	-	-
Manfaat Pekerja	6,185,147	11,039,253	6,185,147	11,039,253
<b>Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja</b>	<b>116,237,843</b>	<b>56,835,931</b>	<b>113,326,696</b>	<b>58,463,595</b>
Inventori	(25,060)	(75,002)	(22,043)	(79,340)
Penghutang	(87,020,748)	17,481,415	(85,332,462)	15,530,085
Pemiutang	16,053,783	(42,795,418)	15,732,165	(41,723,473)
<b>Tunai dijanakan daripada aktiviti operasi</b>	<b>45,245,818</b>	<b>31,446,926</b>	<b>43,704,356</b>	<b>32,190,867</b>
Pembayaran Cukai	(985,101)	(1,090,043)	(133,714)	(146,289)
<b>Tunai bersih dari / ( digunakan dalam ) aktiviti operasi</b>	<b>44,260,717</b>	<b>30,356,883</b>	<b>43,570,642</b>	<b>32,044,578</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN**

Perolehan hartanah, loji dan peralatan	<b>Nota A</b>	(113,459,868)	(136,281,703)	(113,116,482)	(135,328,180)
Tambahan kerja dalam kemajuan		(81,301,726)	(144,414,489)	(80,706,911)	(144,414,489)
Penjualan pelaburan jangka panjang		5,250,000	-	5,000,000	-
Pendahuluan		-	(716,066)	-	-
Modal saham		-	(2)	-	(2)
Pembelian pelaburan jangka pendek		(653,387)	(476,594)	(653,387)	(476,594)
Keuntungan pelupusan hartanah, loji dan peralatan		-	75,000	-	-
Keuntungan pelupusan pelaburan jangka pendek		-	435,229	-	-
Dividen diterima		791,895	677,883	1,166,895	1,052,883
Faedah diterima		19,381,055	16,241,344	19,262,039	15,642,171
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>		<b>(169,992,031)</b>	<b>(264,459,398)</b>	<b>(169,047,846)</b>	<b>(263,524,211)</b>

**ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN**

Geran Pembangunan Kerajaan		43,729,753	301,373,088	43,729,753	301,373,088
Pembiayaan IDB		44,624,224	71,544,146	44,624,224	71,544,146
Geran diterima		126,788	4,488,357	-	-
Pembayaran Dividen		-	-	-	-
<b>Tunai bersih dari aktiviti pembiayaan</b>		<b>88,480,765</b>	<b>377,405,591</b>	<b>88,353,977</b>	<b>372,917,234</b>
Kelebihan / ( Kekurangan ) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		(37,250,549)	143,303,076	(37,123,227)	141,437,601
Tunai dan tunai setara pada 1 Januari		768,046,496	624,492,629	737,508,860	596,071,259
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember</b>		<b>730,795,947</b>	<b>767,795,705</b>	<b>700,385,633</b>	<b>737,508,860</b>
Simpanan Jangka Pendek		620,607,407	667,162,749	596,745,891	644,622,178
Wang tunai dan baki di bank		110,188,540	100,632,956	103,639,742	92,886,682
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember</b>		<b>730,795,947</b>	<b>767,795,705</b>	<b>700,385,633</b>	<b>737,508,860</b>

**NOTA A :**

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM
Jumlah perolehan hartanah, loji dan peralatan	(403,542,146)	(218,375,702)	(403,198,760)	(217,422,179)
Campur: Penambahan hartanah, loji dan peralatan yang tidak melibatkan transaksi tunai:				
Pindahan daripada kerja dalam kemajuan	290,082,278	82,093,999	290,082,278	82,093,999
	<b>(113,459,868)</b>	<b>(136,281,703)</b>	<b>(113,116,482)</b>	<b>(135,328,180)</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# PENYATA KEWANGAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
LEMBARAN IMBANGAN KUMPULAN WANG MENGURUS  
PADA 31 DISEMBER 2012

	NOTA	2012 RM	2011 RM
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>	<b>4</b>	<b>69,316,496</b>	<b>89,316,366</b>
<b>KERJA DALAM KEMAJUAN</b>	<b>5</b>	<b>12,822,410</b>	<b>10,339,467</b>
<b>ASET SEMASA</b>			
Penghutang Perniagaan dan Pelbagai	13	106,534,334	25,448,138
Hutang dari Syarikat Subsidiari	14	(208,805)	(278,836)
Cagaran dan Prabayar	16	4,324,435	8,434,414
Simpanan Tetap	17	340,283,842	296,116,629
Wang Di Tangan dan Di Bank	18	(231,828,342)	(179,406,249)
		<b>219,105,464</b>	<b>150,314,096</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pemiutang Perniagaan dan Pelbagai	19	77,978,968	48,668,509
Cagaran	20	12,307,247	11,938,972
Biasiswa / Dermasiswa	21	7,451,829	7,512,151
		<b>97,738,044</b>	<b>68,119,632</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>121,367,420</b>	<b>82,194,464</b>
		<b>203,506,326</b>	<b>181,850,297</b>
<b>DIBIYAI OLEH:</b>			
<b>KUMPULAN WANG MENGURUS</b>	<b>24</b>	<b>164,607,171</b>	<b>149,084,863</b>
<b>MANFAAT PEKERJA</b>		<b>38,899,155</b>	<b>32,765,434</b>
		<b>203,506,326</b>	<b>181,850,297</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN WANG MENGURUS**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

	<b>2012</b>	<b>2011</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>PENDAPATAN</b>		
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus	1,090,200,000	983,700,000
Yuran Pengajian	64,224,305	42,309,303
Faedah	8,094,587	11,141,228
Perkhidmatan Hospital	4,836,558	4,686,322
Sewa	720,018	915,805
Pendapatan Lain	11,476,569	6,315,563
	<b>1,179,552,037</b>	<b>1,049,068,221</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
Emolumen	646,823,216	554,837,655
Perkhidmatan dan Bekalan	278,138,656	255,485,921
Pembelian Harta Modal	8,338,329	8,191,321
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	185,246,849	189,225,404
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	26,111	33,411
Elaun Untuk Hutang Ragu	7,375,572	2,652,025
Susutnilai	29,746,708	32,084,329
Perbelanjaan Lain	8,327,788	7,324,982
	<b>1,164,023,229</b>	<b>1,049,835,048</b>
Lebih / ( Kurangan ) Pendapatan Atas Perbelanjaan	<b>15,528,808</b>	<b>(766,827)</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# PENYATA KEWANGAN

## UNIVERSITI SAINS MALAYSIA NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

### 1 MAKLUMAT AM

#### (i) KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Universiti sepanjang tahun kewangan adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan dalam usaha untuk melahirkan siswazah yang cemerlang demi memenuhi keperluan gunatenaga negara dan menjadi pusat kecemerlangan di bidang penyelidikan dengan penumpuan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Kegiatan utama Syarikat Subsidiari sepanjang tahun kewangan adalah menyediakan perkhidmatan makmal dan perundingan, kontrak penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan pengurusan, sewa kecil ruang pejabat dan peralatan serta perdagangan.

#### (ii) LOKASI KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Universiti dijalankan di lokasi - lokasi berikut:

- (a) Kampus Induk di Minden, Pulau Pinang
- (b) Institut Perubatan dan Pergigian Termaju di Kepala Batas, Pulau Pinang
- (c) Kampus Kesihatan di Kubang Kerian, Kelantan
- (d) Hospital Universiti di Kubang Kerian, Kelantan
- (e) Kampus Kejuruteraan di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang

#### (iii) TARIKH PENYATA KEWANGAN DILULUSKAN

Penyata Kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Gabenor Universiti dalam mesyuarat Lembaga yang bersidang pada 19 Julai 2013.

### 2 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING

Kesemua dasar-dasar perakaunan penting sepertimana yang dinyatakan di bawah adalah konsisten sepertimana yang diamalkan di dalam tahun-tahun yang lalu.

#### 2.1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Universiti disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah, kecuali disebut sebaliknya di dalam pernyataan dasar perakaunan sepertimana dinyatakan di bawah. Penyata kewangan Universiti juga disediakan selaras dengan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti ( pindaan ) 1996 dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

#### 2.2 PENYATUAN

Penyata kewangan kumpulan meliputi semua kumpulan wang Universiti dan Syarikat Subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Penyata kewangan Syarikat Subsidiari diambilkira dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh kawalan bermula secara efektif sehingga ke tarikh kawalan tamat. Kaedah untuk menyatukan akaun Universiti dengan akaun Syarikat Subsidiari ialah dengan menggunakan kaedah pengambilalihan.

Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset Syarikat Subsidiari pada tarikh pengambilalihan akan dilunaskan kepada akaun pendapatan dan perbelanjaan pada tahun pengambilalihan.

### 2.3 PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

Sebuah Syarikat Subsidiari adalah syarikat di mana Universiti mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang melebihi 50%. Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan akan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara. Penurunan nilai pelaburan tersebut dikenakan kepada penyata pendapatan .

### 2.4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul kecuali bagi tanah milik bebas.

Tanah yang diberi oleh kerajaan diambilkira pada nilai RM1.00 setiap lot.

Bangunan yang diberi oleh kerajaan dipermodalkan pada nilai nominal sebanyak RM100.00 setiap bangunan.

Aset tetap yang berharga RM3,000.00 dan ke atas bagi setiap unit dipermodalkan.

Pembaikan bangunan yang kosnya melebihi RM300,000.00 akan dipermodalkan.

Susutnilai atas hartanah, loji dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Tanah milik bebas tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajakan dilunaskan samarata di sepanjang baki tempoh pajakan.

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan untuk hartanah, loji dan peralatan lain adalah seperti berikut:

Infrastruktur dan Kemudahan	5%
Bangunan atas tanah milik bebas	5%
Bangunan atas tanah pajakan	5%
Pengubahsuaian	10%
Perabot dan Kelengkapan	12% - 33 1/3%
Kenderaan	20%
Alatan	20%
Tanah Pajakan	Tempoh Pajakan

Susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan dikenakan kepada Kumpulan Wang masing - masing.

Apabila petunjuk penurunan nilai wujud, maka nilai dibawa aset ditaksir dan diturunkan dengan serta merta kepada jumlah yang boleh dikutip semula.

### 2.5 KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja dalam kemajuan meliputi bangunan yang sedang didirikan dan aset lain yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam kemajuan.

# PENYATA KEWANGAN

## 2.6 PELABURAN JANGKA PANJANG

Pelaburan Jangka Panjang dinyatakan pada kos, pelaburan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara dan penurunan nilai pelaburan dikenakan kepada penyata pendapatan.

## 2.7 PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN

Pelaburan dalam hartanah pajakan terdiri daripada tanah dan bangunan pajakan yang dipegang bertujuan untuk potensi pelaburan semula atau penyewaan. Pelaburan hartanah dinyatakan pada kos dan di pegang untuk tujuan pelaburan jangka panjang.

## 2.8 PELABURAN JANGKA PENDEK

Pelaburan Jangka Pendek dinyatakan pada kos. Pelaburan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara dan penurunan nilai tersebut dikenakan kepada penyata pendapatan. Saham Bonus yang diterima akan diambilkira pada RM1.00 seunit.

## 2.9 INVENTORI

Inventori ubat-ubatan, alat guna habis dan bahan kimia dinyatakan pada kos. Kos ditentukan secara kaedah purata wajar.

Inventori kad elektronik dinyatakan pada nilai terendah diantara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Kos ditentukan secara kaedah masuk - dahulu - keluar - dahulu (FIFO). Kos Inventori termasuk kos pembelian asal dan kos lain yang boleh dikenalpasti untuk membawa inventori ke lokasi dan dalam keadaan semasanya.

## 2.10 PENGHUTANG

Penghutang dibawa ke dalam akaun adalah pada jangkaan nilai yang boleh direalisasikan. Hutang yang dikenalpasti sebagai lapuk akan dilupuskan. Elaun untuk hutang ragu akan dibuat untuk hutang yang telah dikenalpasti sebagai ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas hutang lama yang berusia melebihi 1 tahun dan belum dapat dipungut.

Bagi hutang pinjaman pelajar, elaun hutang ragu akan dibuat untuk baki pinjaman yang masih tertunggak pada tahun kedua selepas peminjam menjadi graduan.

Bagi Syarikat Subsidiari, elaun hutang ragu spesifik dibuat untuk hutang yang telah dipertimbangkan dan dijangka tidak akan dipungut.

Jumlah yang kemudiannya dapat dipungut balik akan dikira sebagai pendapatan.

## 2.11 PERJANJIAN SEWA BELI

Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi di bawah perjanjian sewa beli dipermodalkan pada kos pembelian dan disusutnilaikan mengikut asas yang sama seperti dinyatakan di Nota 2.4. Tanggungan tertunggak berkaitannya yang perlu dibayar di bawah sewa beli selepas pengurangan caj pembiayaan dimasukkan sebagai tanggungan dalam penyata kewangan. Caj pembiayaan diperuntukkan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh perjanjian.



## 2.12 PENCUKAIAN TERTUNDA

Pencukaian tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaian tertunda tersebut akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan. Faedah pencukaian tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkakan realisasi yang munasabah pada masa depan yang terdekat.

## 2.13 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

- (i) Pemberian kerajaan diakaunkan atas asas akruan selaras dengan kandungan perjanjian pemberian geran kerajaan untuk Belanja Mengurus dan diambilkira dalam Penyata Pendapatan.
- (ii) Pemberian untuk projek - projek penyelidikan E-Science diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Penyelidikan E-Science.
- (iii) Pemberian untuk Belanja Pembangunan yang diterima untuk membiayai kos projek modal pembangunan dikreditkan kepada akaun Geran Pembangunan Kerajaan. Amaun dalam akaun ini diagihkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan secara purata lurus ke atas jangka masa projek berkenaan.
- (iv) Yuran Universiti diiktiraf berasaskan asas akruan.
- (v) Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan selesai disempurnakan.
- (vi) Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila barangan selesai dihantar.
- (vii) Pendapatan daripada kontrak penyelidikan dan pembangunan diiktiraf mengikut kaedah peratusan penyediaan. Sebarang kerugian yang dijangka akan diiktiraf sejauh mana yang boleh ditentukan.
- (viii) Keuntungan atas simpanan secara Islam diiktiraf berdasarkan asas tunai.
- (ix) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pendapatan tersebut diperolehi.

Pendapatan dividen:

- (a) Pendapatan dikreditkan ke Kumpulan Wang yang berkenaan sekiranya pelaburan dan simpanan tetap diperuntukkan khas untuk Kumpulan Wang tertentu.
- (b) Pendapatan diambilkira sebagai pendapatan Universiti bagi pelaburan dan simpanan tetap yang tidak dikhaskan untuk Kumpulan Wang tertentu.
- (x) Sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan selaras dengan perjanjian yang telah dipersetujui di antara pihak Universiti dan penyewa.
- (xi) Sumbangan diiktiraf apabila pendapatan itu diterima.
- (xii) Tuntutan bayaran balik mungkir perjanjian diiktiraf apabila surat tuntutan dikeluarkan.

# PENYATA KEWANGAN

## 2.14 LIABILITI CUKAI PENDAPATAN

Universiti Sains Malaysia adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadul 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

## 2.15 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada simpanan tetap, baki wang di bank dan tunai dalam tangan.

## 2.16 INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan termasuk simpanan tetap di bank - bank berlesen, baki dalam tunai dan di bank, penghutang dan pemiutang. Kaedah pengiktirafan yang digunakan telah dinyatakan di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan dengan setiap item yang terlibat.

## 2.17 MANFAAT PEKERJA

### ( i ) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diambilkira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Universiti juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek.

### ( ii ) Pelan Caruman Tetap

Universiti membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi staf yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Pencen ( KWAP ) bagi staf yang memilih skim pencen. Caruman tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

### ( iii ) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, Universiti telah menerima pakai Standard Perakaunan Malaysia 29 (MASB 29 - Employee Benefits) yang memerlukan bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja yang telah mencapai umur 45 hingga 58 tahun pada tahun kewangan. Pengiraan amaun manfaat pekerja ini adalah berdasarkan bilangan cuti terkumpul sebenar dan kadar gaji serta elaun yang layak pada tahun kewangan.

## 3 POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

	MENGURUS 2012	PEMBANGUNAN 2012	MENGURUS 2011	PEMBANGUNAN 2011
<b>Penerimaan</b>				
Pemberian Kerajaan	1,090,200,000	43,836,653	983,700,000	301,373,088
Hasil Universiti dan Sumber Lain	89,352,037	500,000	65,368,221	250,000
	<b>1,179,552,037</b>	<b>44,336,653</b>	<b>1,049,068,221</b>	<b>301,623,088</b>
<b>Perbelanjaan</b>				
Emolumen	646,823,216	2,881,546	554,837,655	1,465,230
Bekalan	278,138,656	8,662,207	255,485,921	4,563,005
Bekalan Bayaran Tetap	185,246,849	6,926,325	189,225,404	2,768,600
Belanja Lain	15,729,471	9,510	9,977,007	1,137,689
Pembelian Aset	20,568,110	127,455,172	32,903,579	209,928,073
<b>Jumlah Perbelanjaan ( Asas Tunai )</b>	<b>1,146,506,302</b>	<b>145,934,760</b>	<b>1,042,429,566</b>	<b>219,862,597</b>
<b>Lebihan / ( Kurangan ) pendapatan atas perbelanjaan untuk tahun seperti di Penvata Kewangan</b>	<b>33,045,735</b>	<b>(101,598,107)</b>	<b>6,638,655</b>	<b>81,760,491</b>
Pembiayaan IDB	-	44,624,224	-	71,544,146
Pindahan ke Kumpulan Wang	(6,500)	(106,900)	(6,500)	-
Baki kumpulan wang awal tahun ( Asas Tunai )	49,429,030	234,249,858	42,796,875	80,945,221
<b>Baki Kumpulan Wang Akhir Tahun ( Asas Tunai )</b>	<b>82,468,265</b>	<b>177,169,075</b>	<b>49,429,030</b>	<b>234,249,858</b>
<b>NOTA PENYESUAIAN</b>				
Lebihan / ( Kurangan ) tahun semasa seperti di atas	33,045,735	-	6,638,655	-
Tambahan aset bersih dan pelarasan	(17,516,927)	-	(7,405,482)	-
<b>Lebihan / ( Kurangan ) pendapatan atas perbelanjaan untuk tahun seperti di Penyata Kewangan</b>	<b>15,528,808</b>	<b>-</b>	<b>(766,827)</b>	<b>-</b>
Baki kumpulan wang seperti di atas	82,468,265	177,169,075	49,429,030	234,249,858
Aset belum selesai disusutnilai	82,138,906	908,418,149	99,655,833	878,617,337
<b>Baki kumpulan wang seperti di Penyata Kewangan</b>	<b>164,607,171</b>	<b>1,085,587,224</b>	<b>149,084,863</b>	<b>1,112,867,195</b>

Penyata ini bukan sebahagian daripada Penyata Kewangan Berkanun.



# LAPORAN

▶ LAIN - LAIN  
JABATAN

# LAPORAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSTITUSI

## Pengenalan

**Bahagian Pembangunan Institusi** dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat (BPLK). Bahagian ini telah ditubuhkan pada bulan Februari 2000 yang bertanggung jawab terhadap tiga fungsi utama iaitu Perancangan Strategik, Jaminan Kualiti dan Perkhidmatan Maklumat Eksekutif (EIS).

Bahagian Pembangunan Institusi telah ditubuhkan juga untuk menyediakan rangka kerja bagi menetapkan dasar, piawaian dan garis panduan serta memantau pelaksanaan aktiviti yang akan memacu daya saing Universiti dalam dua aktiviti utama: pendidikan dan penyelidikan.

### Aktiviti Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2012

No	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1	Audit Pusat Biologi Kimia	2-3 Februari 2012	Pusat Biologi Kimia
2	Penyaluran data Staf dan maklumat umum universiti bagi Semester II, Sidang Akademik 2011/2012 ke Sistem MyMoheS	23 Februari 2012	Pangkalan data e-anjung, KPT
3	Penyaluran data SETARA'11	19 Mac 2012	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
4	Bengkel Neurosains	15 Mac 2012	Bilik CCR, Canselori
5	Bengkel Pembentangan KPI/KIP PTJ	29-30 Mac 2012	Pusat Penyelidikan Perubatan Molekul
6	Penyaluran data Pelajar bagi Semester II, Sidang Akademik 2011/2012 ke Sistem MyMoheS	9 April 2012	Pangkalan data e-anjung, KPT
7	Lawatan Naziran	12-13 April 2012	Bilik Mesyuarat PRO
8	Taklimat Pengurusan KPI – MyRA II	24 Mei 2012	Dewan Pembangunan Siswazah, HEPP
9	Lawatan UMP Pengurusan Data MyRA	21 Jun 2012	Bilik CCR, Canselori
10	Lawatan KPT berkaitan Generic APEX	27 Jun 2012	Institut Pengajian Siswazah
11	Sesi Latihan dan kemasukan data USM ke dalam Sistem Badan-badan Berkanun Persekutuan dibawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.	9 Julai 2012	Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah, Alor Star, Kedah.

No	Aktiviti	Tarikh	Tempat
12	Bengkel Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara	15 Julai 2012	Bilik CCR, Canselor
13	Bengkel Penjanaan Kewangan	28 Julai 2012	Hotel Eastin, Pulau Pinang
14	Penyaluran data Staf dan maklumat umum universiti bagi Semester I, Sidang Akademik 2012/2013 ke Sistem MyMoheS	16 Ogos 2012	Pangkalan data e-anjung, KPT
15	Penyaluran Data MyRA bagi tahun 2011	14 September 2012	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM)
16	Penilaian Peningkatan Taraf Pusat Kawalan Doping kepada Pusat Kecemerlangan Servis Universiti Sains Malaysia	2-4 Oktober 2012	Pusat Kawalan Doping
17	Penyaluran data Pelajar bagi Semester I, Sidang Akademik 2012/2013 ke Sistem MyMoheS	7 November 2012	Pangkalan data e-anjung, KPT
18	Bengkel Penyediaan Belanjawan PTJ 2013 (OBB)	15 Disember 2012	Dewan Persidangan Universiti

Jadual 1: Senarai Aktiviti Utama Yang Dilaksanakan oleh BPI Pada Tahun 2012

## Output Daripada Aktiviti Tahun 2012 (Pencapaian)

### Penyelarasan Pelan Strategik

#### a. Pembentangan Budget dan SKT PTJ 2012

Pada tahun 2012, BPI dengan kerjasama Jabatan Bendahari dan Pejabat Transformasi telah menyelaraskan Pembentangan Budget dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) PTJ. Pembentangan Budget diselarakan dengan SKT PTJ (Pentadbiran dan Akademik) bagi memastikan perancangan PTJ adalah sehaluan dengan halatuju Pelan Strategik dan agenda Universiti. Pembentangan tersebut telah dinilai oleh panel yang terdiri daripada pihak Pengurusan tertinggi Universiti.

#### b. Kos Rasionalisasi

Usaha pementapan dan pengukuhan pentadbiran USM telah diperkasakan melalui penubuhan Jawatankuasa Kos Rasionalisasi USM bagi menilai dan memberi pandangan untuk memastikan kesinambungan kecemerlangan secara berterusan dalam penyampaian perkhidmatan PTJ. Pada tahun 2012, sebanyak lapan PTJ telah berjaya dinilai iaitu:

# LAPORAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSTITUSI

- Pejabat Pengurusan Kreativiti Penyelidikan,
- Perpustakaan USM
- Institut Penyelidikan Pergigian Termaju,
- Pusat Kawalan Doping
- Institut Pengajian Siswazah
- Hospital USM
- Pusat Biologi Kimia
- Pusat Pengetahuan & Kemudahan Teknologi.

- MyMOHES
- MyRA
- SETARA
- CAPs PSPTN
- CAPs APEX
- Lawatan Naziran
- Sistem Badan-badan Berkanun Persekutuan

Sebanyak 95 permintaan pelbagai maklumat secara 'ad hoc' daripada agensi dalam dan luar USM telah diterima dan selesai dilaksanakan.

## c. Bengkel Penjanaan Kewangan USM

Penjanaan Kewangan kepada Universiti merupakan elemen penting bagi Pengurusan Universiti. Bagi merangka strategi penjanaan kewangan secara menyeluruh, BPI telah menyelaraskan satu bengkel yang merangkumi perkara berikut :

- Penjimatan Kos dan Rasionalisasi
- Penjanaan Kewangan: Program Akademik
- Penjanaan Kewangan: Penyelidikan, Inovasi & Harta Intelek
- Endowmen
- Polisi, Prosedur, Tadbir Urus (*Governance*) & Pengurusan Risiko

## Perkhidmatan Maklumat Eksekutif

Pada tahun 2012, Unit Perkhidmatan Maklumat Eksekutif telah berjaya menyelaras dan mengumpul beberapa keperluan data bagi tujuan penyediaan petunjuk prestasi universiti dan 42 pusat tanggungjawab berasaskan kepada kriteria universiti penyelidikan di samping penyediaan data dan maklumat untuk aktiviti-aktiviti penarafan dan pengauditan universiti oleh pihak luar seperti berikut:

## Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) / Dokumen Setaraf

Bahagian Pembangunan Institusi juga memainkan peranan yang penting sebagai titik tengah dan pusat pengurusan MoU/MoA di USM. Pihak BPI telah bekerjasama dengan Pejabat Perundangan USM dan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan bagi meneliti aspek undang-undang dan bahasa dalam penyediaan MoU dan MoA dengan pihak luar.

Bagi tahun 2012, BPI telah berjaya menguruskan sebanyak 184 MoU/MoA/NDA yang baharu mengikut pecahan berikut:

No	Perkara	Bilangan
1	MoU	106
2	MoA	39
3	NDA	39
	<b>Jumlah</b>	<b>184</b>

Jadual 2: Pecahan MoU/MoA/NDA Baharu Yang Diuruskan oleh BPI Bagi Tahun 2012



## **Sekretariat USM untuk Petunjuk Prestasi Utama (KPI)**

Beberapa aktiviti telah berjaya dilaksanakan oleh BPI sebagai sekretariat USM untuk Petunjuk Prestasi Utama (KPI):

### **a. Pembentangan Prestasi KPI & KIP PTJ bagi tahun 2011**

Pembentangan Prestasi KPI & KIP oleh 42 PTJ yang diadakan pada 29 – 30 Mac 2012 memfokuskan kepada pencapaian prestasi setiap PTJ seperti yang dijanjikan oleh PTJ pada tahun sebelumnya dan perancangan strategik PTJ bagi tahun seterusnya. Rumusan isu-isu yang dibangkitkan oleh semua PTJ telah dikumpulkan untuk dibincangkan oleh Jawatankuasa KPI/KIP universiti bagi membantu PTJ mencapai sasaran yang ditetapkan.

### **b. Penyediaan Data MyRA USM bagi tahun 2011**

Data MyRA USM bagi tahun 2011 telah disediakan dan diserahkan kepada pihak KPT pada 14 September 2012 seperti yang diarahkan. Selepas diaudit oleh pihak KPT, USM telah mendapat penarafan 6 bintang.

### **c. Taklimat Pengurusan KPI – MyRA II**

Taklimat oleh Pengarah BPI telah diadakan pada 24 Mei 2012 kepada 42 PTJ yang diwakili oleh 4 peserta daripada setiap PTJ. Taklimat ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada semua PTJ tentang pengurusan penyediaan data KPI MyRA II setelah USM dikategorikan sebagai universiti penyelidikan matang oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi.

### **d. Pemantauan dan Pengauditan Dalam Prestasi Universiti/PTJ tahun 2012.**

Prestasi PTJ dan universiti dipantau sepanjang tahun melalui sistem KPI-MS (Key Performance Indicator Monitoring System) dan proses perolehan data KPI bagi 42 PTJ dilakukan untuk tempoh Jan-Ogos 2012 dan Jan-Disember 2012. Data PTJ dan data daripada Pentadbiran Pusat disatukan untuk menghasilkan data/maklumat KPI Universiti.

## **Outcome Yang Terhasil Pada Tahun 2012 (Impak)**

Sepanjang tahun 2012, proses perancangan dan pemantauan terhadap prestasi PTJ yang diselaraskan dengan agenda utama Universiti telah memberi kesedaran dan memupuk budaya positif dalam kalangan warga Universiti untuk terus bersama-sama memberikan komitmen menzahirkan pencapaian cemerlang untuk Universiti.

Pada tahun 2012, USM juga telah berjaya mendapat penarafan 'Tier 5' (Cemerlang) dalam SETARA'11 dan juga mendapat penarafan 6 bintang untuk pencapaian MyRA tahun 2011.

## **Cabaran / Kekangan 2012**

Perubahan terhadap sistem dan glosari dalam instrumen MyRA yang diperkasa kepada MyRA II dengan peningkatan "benchmark" menyebabkan pihak Universiti perlu menggandakan usaha bagi memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak KPT. Pada masa yang sama, pihak Universiti juga perlu menyeimbangkan dan menyelaraskan semua aktiviti supaya selari dengan agenda Universiti APEX.

## Pengenalan

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kerajaan telah menetapkan untuk mengukuhkan Sistem Inovasi Nasional dan mempergiatkan usaha-usaha pengkomersilan hasil projek R&D yang dibiayai oleh sektor awam. Selaras dengan hasrat ini, Pejabat Inovasi dan Pengkomersilan, Universiti Sains Malaysia (USM) telah mendokong hasrat Kerajaan Malaysia untuk membantu dan memperkukuhkan penglibatan USM di dalam mencapai matlamat tersebut melalui program-program inovasi dan pengkomersilan.

Antara objektif program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah untuk menyokong usaha-usaha ke arah peningkatan keupayaan inovasi penyelidik-penyelidik, meningkatkan kadar pengkomersilan aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk universiti.

Pejabat Inovasi dan Pengkomersilan juga bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas keurusetiaan pameran pertandingan inovasi dan hasil penyelidikan universiti melalui Jawatankuasa Penilaian serta menyelaraskan pelaksanaan pelan tindakan inovasi dan penyelidikan untuk dilaporkan kepada Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi. Antara program dan aktiviti penggalakkan dan pembangunan inovasi adalah seperti berikut: Merancang dan menyelaras program inovasi universiti selaras dengan Agenda Inovasi Nasional;

- Memberikan khidmat nasihat dalam aktiviti dan program inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- Menguruskan anugerah, persidangan, bengkel dan pameran inovasi dan perdagangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- Menguruskan kajian-kajian inovasi mengikut keperluan; dan
- Menjalinkan rangkaian strategik dan membantu menguruskan inisiatif kerjasama dalam bidang inovasi dengan agensi, institusi dan badan inovasi di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Menggubal Dasar Pengkomersilan Harta Intelek penyelidikan universiti;
- Memberi khidmat nasihat, membantu dan memudahcara penyelidik dan perekacipta mendapatkan perlindungan harta intelek;
- Membantu pengurusan aktiviti pengkomersilan harta intelek hasil penyelidikan universiti;
- Memantau Pelaksanaan Dasar Pengkomersilan Harta Intelek penyelidikan;
- Mengenalpasti dan membuat pepadanan projek-projek R&D berpotensi dikomersilkan dengan pihak industri; dan
- Bekerjasama dengan pembiaya dana dan syarikat modal teroka (MTDC, MAVCAP, CRADLE, MDV dan sebagainya) dalam aspek pembiayaan bagi meningkatkan aktiviti pengkomersilan;

## Aktiviti Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2012

### a) Pameran

Bil	Pameran	Tarikh	Tempat	Peringkat	Status Pameran
1	Malaysia Technology Expo (MTE 2012)	16 - 18 Februari 2012	PWTC Kuala Lumpur	Tempatan	Pertandingan
2	Majlis Pelancaran Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)	16 - 19 Februari 2012	Gopeng Perak	Tempatan	Penyertaan
3	The 9 <sup>th</sup> Malaysia International Halal Showcase	4 - 5 April 2012	KLCC Kuala Lumpur	Tempatan	Penyertaan
4	23rd International Invention, Innovation, (ITEX 2012)	17 - 19 Mei 2012	KLCC Kuala Lumpur	Tempatan	Penyertaan
5	Program Karnival Sains dan Inovasi Zon Utara 2012	30 Jun - 1 Julai 2012	UiTM Merbok Kedah	Tempatan	Penyertaan
6	International Exhibition Of Ideas Invention & Innovations Trade Fair (IENA 2012)	1 - 4 November 2012	Nuremberg Jerman	Antarabangsa	Pertandingan
7	National Innovation Conference and Exhibition (NICE) 2012	5 - 7 November 2012	KLCC Kuala Lumpur	Tempatan	Penyertaan

**INNOVATION AND COMMERCIALISATION OFFICE**

DIVISION OF RESEARCH AND INNOVATION  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



# LAPORAN PEJABAT INOVASI & PENGKOMERSILAN

## b) Taklimat Harta Intelek dan Pengkomersilan

Bil	Tarikh	Jabatan	Peserta	Jumlah
1	22 April 2012	Maktab Rendah Sains MARA Kubang Pasu	Guru/pelajar	400
2	23 Oktober 2012	Maktab Rendah Sains MARA Langkawi	Guru/pelajar	350
3	8 Ogos 2012	Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan	Kakitangan akademik/pelajar siswazah	30
4	2 Oktober 2012	Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan	Kakitangan akademik/pelajar siswazah	70
5	5 Oktober 2012	Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan	Kakitangan akademik/pelajar siswazah	25
6	18 Disember 2012	Pusat Pengajian Seni	Kakitangan akademik/pelajar siswazah	85

c) Kajiselidik Pasaran & Pengesahan Pasaran ke atas R&D Output/Produk Terpilih USM di Bawah Program Market Validation Fund (MVF).

d) "Malaysia 2012: Year of Science & Innovation Movement (MAKEWEEKEND)

e) Program Lab 2 Market (L2M)

### Output Daripada Aktiviti Tahun 2012 (Pencapaian)


- 18 pingat emas, 9 pingat perak, 5 pingat gangsa ( jumlah 32 pingat) dan 4 anugerah khas bagi pertandingan inovasi dan penyelidikan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Anugerah Inovasi Kementerian Pengajian Tinggi Tahun 2012.

### Outcome Yang Terhasil Pada Tahun 2012 (Impak)

- Penubuhan Syarikat SYMBIOSIS NCIA-MTDC-USM
- 27 Carian Paten
- 12 Pemfailan Paten
- 10 Penganugerahan Paten
- 2 Cap Dagang
- 7 Produk Dikomersilkan

## Cabaran / Kekangan 2012

- a. Kekurangan pendedahan dan kesedaran mengenai kepentingan pengkomersilan harta intelek bagi menjana pendapatan di kalangan penyelidik-penyelidik.
- b. Penumpuan kepada penerbitan kertas dan artikel jurnal oleh para penyelidik.
- c. Jurang antara penyelidik dan pihak industri untuk memasarkan produk berpotensi.
- d. Kos yang tinggi dan tempoh yang lama untuk mendapatkan paten bagi harta intelek.
- e. Budaya inovasi, perlindungan harta intelek serta pengkomersilan masih di kadar yang rendah di kalangan warga universiti.



## Pengenalan

Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) ialah sebuah institusi yang menjalankan penyelidikan dalam semua aspek pendidikan tinggi peringkat nasional dan antarabangsa. Ditubuhkan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) dan dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak di dalam satu majlis pelancaran pada 21 Ogos 1997 di USM. Profesor Baharudin Salleh, pensyarah USM telah dilantik sebagai Pengarah IPPTN yang pertama dan beroperasi dari USM Pulau Pinang. Kini Profesor Ahmad Nurulazam Md. Zain ialah Pengarah IPPTN yang ke enam.

Sebagai sebuah institusi penyelidikan pendidikan tinggi negara, IPPTN berusaha memperluaskan dan memperkukuhkan penyelidikan untuk memantapkan proses penggubalan dasar dan perancangan strategik untuk pemajuan dasar pendidikan tinggi negara. Untuk ini, IPPTN senantiasa memantau lanskap pendidikan tinggi samada di peringkat kebangsaan mahupun global.

IPPTN telah berkecimpung lebih daripada 15 tahun dalam penyelidikan dasar pendidikan tinggi dan berjaya membangunkan kepakaran dalam analisis aspek pembangunan kurikulum dan persediaan keperluan guna tenaga negara, governan IPTA, perubahan kerjaya akademia dan sistem pendidikan. Selain itu, IPPTN memainkan peranan yang aktif dalam aktiviti penyelidikan dan persidangan di peringkat antarabangsa.

## Aktiviti yang Dijalankan Pada Tahun 2012

Bil	Aktiviti	Output/ Pencapaian	Outcome/ Impak
1	Penganjuran Forum Antarabangsa: 2nd Muslim Universities Vice-Chancellors' Forum (MUVCF 2012) Berlangsung pada 3 - 4 Disember 2012 di The Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berjaya mengumpulkan seramai 74 cendekiawan daripada 17 negara.</li> <li>Ucaptive oleh Profesor Osama El Sayed Mahmoud Al-Azhari daripada Universiti Al-Azhar selaku pengucaptive telah menyampaikan ucapannya bertajuk 'Falsafah Pendidikan Tinggi dalam Islam'</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghasilkan sepuluh resolusi yang telah dipersetujui dan akan dicapai oleh negara-negara yang terlibat.</li> </ul>

Bil	Aktiviti	Output/ Pencapaian	Outcome/ Impak
2	Jaringan Kerjasama Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjasama penyelidikan dengan Korean National Commission for UNESCO</li> <li>• Kerjasama penyelidikan dengan Seoul National University</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keanggotaan dalam Global Higher Education Network (GHEN)</li> <li>• Pertukaran maklumat penyelidikan</li> </ul>
3	Persidangan yang dihadiri	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan: 4.</li> <li>2. Negara: Qatar, United Kingdom, Turki dan Indonesia.</li> <li>3. Pembentangan kertas kerja: 4.</li> <li>4. Nama persidangan: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. World Innovative Summit for Education, (WISE2012), Qatar</li> <li>ii. PMA 2012 Conference: from Strategy to Delivery, Fitzwilliam College, University of Cambridge, United Kingdom</li> <li>iii. International Conference on Social Sciences (ICSS-2012), Turki.</li> <li>iv. Global Policy Dialogue Organised by British Council, Jakarta, Indonesia</li> </ol> </li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkongsian kepakaran dalam bidang pendidikan tinggi</li> <li>• Meningkatkan imej IPPTN dan negara</li> <li>• Jaringan kerjasama</li> </ul>
4	Penerbitan: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Monograf: Volume 17/2012</li> <li>ii. Buletin of Higher Education:</li> <li>iii. No. 19 and 20</li> <li>iv. Global Updates: 25 isu</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Monograf Volume 17/2012: Higher Education and Human Capital Development between Malaysia and CLMV: Towards Strategic Partnerships and Alliances Editor: Rozinah Jamaludin, Melissa Ng Lee Yen Abdullah and Sarjit Kaur</li> <li>• Bulletin of Higher Education: No.20/2012 No.19/2012</li> <li>• 25 isu Global Updates diterbitkan.</li> </ul> <p>*Senarai tajuk Global Updates seperti Jadual 1.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujukan penyelidikan dan penggubal dasar.</li> </ul>

# LAPORAN INSTITUT PENYELIDIKAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

Bil	Aktiviti	Output/ Pencapaian	Outcome/ Impak
5	Penyelidikan yang dijalankan:  15 buah projek penyelidikan peringkat nasional dijalankan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sejumlah RM3.79 juta geran penyelidikan diperolehi .</li> <li>Sembilan projek dan laporan akhir berjaya dihasilkan.</li> </ul> *Senarai tajuk projek seperti Jadual 2.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penerbitan.</li> <li>Pembentangan kertas kerja.</li> <li>Diteliti dan diangkat oleh KPT dalam penggubalan polisi dan penambahbaikan dari segi kualiti kurikulum, pentadbiran, modal insan dan infrastruktur IPT negara.</li> </ul>

Bil	Tajuk Penerbitan Global Updates
1.	No.141 China: The start of university autonomy
2.	No.140 Gender issues in science research
3.	No.139 University leadership in the 21st century: Challenges and changes
4.	No.138 Equity and Equality in Higher Education
5.	No.137 Global Skills to Prepare Graduates for Job Market
6.	No.136 Financing Higher Education
7.	No.135 Higher Education Space in the Asia-Pacific
8.	No.135 Education for All: The Role of Higher Education Institutions (HEIs)
9.	No.133 Community-Based Research: Going Down To Ground Level
10.	No.132 Curbing Student Plagiarism at Higher Education Institutions
11.	No.131 Alternative Pathways to Success and Credibility through the Changing Perspectives on Higher Education
12.	No.129 Indian Higher Education Addressing Discrimination
13.	No.129 Higher Education in Equitable Development
14.	No.128 Academic Freedom, State Control and Internationalization – The Case of the World
15.	No.127 Quality Issues For Private Higher Education
16.	No.126 Australia: Targeting Low Socio-Economic Status Population
17.	No.125 University Reform: Whence and Whereto
18.	No.124 Revisiting the Role of the University
19.	No.123 Approach to Reducing Public Funding
20.	No.122 Branch Campus in China: Terms to Fulfil
21.	No.121 Brain Exchange: The Widening Of Inequality
22.	No.120 Obsession with Rankings: Reversed Effects
23.	No.119 The Changing Attributes of Universities
24.	No.118 Branch Campuses Flourishing
25.	No. 117 Involving Students to Diminish Market Dominance in Higher Education

Jadual 1. Senarai tajuk penerbitan *Global Updates*



Bil	Tajuk projek penyelidikan	Ketua Projek
1.	Governance Reforms in Malaysian Higher Education With Focus on Institutional Autonomy and Its Effect on University Governance and Management	Prof. Fauziah Md. Taib (IPPTN/USM)
2.	Strategic Positioning of Malaysian Higher Education Institution Branch Campus Abroad	Dr. Nur Anisah Abdullah (IPPTN/UIAM)
3.	An Exploratory Study on University-Community Engagement	Prof. Aida Suraya Md. Yunus (IPPTN/UPM)
4.	Graduate Citizenry: Higher Education, Patriotism and Nation Building in Malaysia	Dr. Hafiz Zakariya (IPPTN/UIAM)
5.	Transformation of Malaysia from an Education Hub to an Innovation Hub	Prof. Fauziah Md. Taib (IPPTN/USM)
6.	The Roles and Impacts of Liberal Education in The Context of Higher Education in Malaysia	Prof. Ibrahim Che Omar (IPPTN/UMK)
7.	Mobiliti Akademik IPTA: Memperkasa Ahli Akademik untuk Pembangunan Negara	Prof Madya Dato' Dr. Norzaini Azman (IPPTN/UKM)
8.	Participation In Higher Education: Issues And Challenges	Dr. Intan Hashimah Mohd Hashim (USM)
9.	Higher Education Institutions Lecturer's and Student's Innovation Orientation: Meeting Industry Demand	Prof. Ahmad Nurulazam Md. Zain (IPPTN/USM)
10.	The Efficiency and Effectiveness of Public Funding for Higher Education	Prof. Fauziah Md Taib (IPPTN/USM)
11.	Strategi dan Mekanisme dalam Pengurusan dan Pembangunan Bakat IPTA	Prof. Ibrahim Che Omar (IPPTN/UMK)
12.	Current Higher Education Scenario and Impacts to Malaysia	Prof. Madya Dr. Shukran Abdul Rahman (IPPTN/UIAM)
13.	A Critical Assessment of the Impact of PSPTN Phase 1 on Malaysian Higher Education Stakeholders	Dr. Nur Anisah Abdullah (IPPTN/UIAM)
14.	A Critical Assessment of PSPTN's Contribution to the Malaysian Economy	Dr. Nur Anisah Abdullah (IPPTN/UIAM)
15.	Public Private Equilibrium: Balancing Growth with Quality and Equity of Higher Education in Malaysia	Prof. Madya Dr. Vikneswaran Nair (IPPTN/Taylors'University)

Jadual 2. Senarai tajuk projek penyelidikan

# LAPORAN INSTITUT PENYELIDIKAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

## Cabaran / Kekangan 2012


Diharapkan kepakaran dan hasil penyelidikan IPPTN dapat memberikan manfaat kepada semua pemegang taruhnya di Malaysia untuk membolehkan formulasi dan perancangan pengajian tinggi yang lebih baik untuk Malaysia.

Namun, cabaran dan kekangan IPPTN ialah pada keunikan corak pentadbiran dan operasinya. Walaupun IPPTN menyumbangkan hasil penyelidikan untuk negara, namun pentadbiran dan pengurusan IPPTN terdiri daripada kakitangan USM. Felo Penyelidik Bersekutu IPPTN seramai 23 orang pula terdiri daripada staf akademik USM dan beberapa universiti awam dan swasta di Malaysia yang bukannya penyelidik sepenuh masa di IPPTN. Maka, output penyelidikan IPPTN bergantung kepada komitmen dan tumpuan masa yang disumbangkan oleh Felo Penyelidik Bersekutu.

Hasil penyelidikan IPPTN pula berorientasikan penyelidikan untuk penggubalan polisi, maka tidak semua laporan penyelidikan boleh diterbitkan.







## Pengenalan

Pejabat Ombudsman Universiti Sains Malaysia telah memulakan operasinya secara rasmi pada 1 November 2011 yang lalu dengan pelantikan secara menjalankan tugas Khairul Anuar bin Che Azmi sebagai Ombudsman Universiti Sains Malaysia mulai tarikh tersebut.

Pewujudan Pejabat Aduan Universiti atau lebih dikenali sebagai Pejabat Ombudsman di Universiti Sains Malaysia selaras dengan kehendak seksyen 15, Perlembagaan Universiti.

Pejabat Ombudsman menjadi salah satu elemen penting dalam meningkatkan lagi kecemerlangan urus tadbir, integriti dan governan Universiti. Diharap Pejabat Ombudsman akan membantu pengurusan tertinggi Universiti di dalam menangani segala hal penyelesaian, pertikaian dan aduan dalaman di dalam eko-sistem Universiti dengan mengamalkan prinsip integriti bebas, kerahsiaan, tidak berat sebelah dan proses tidak formal untuk semua warga Universiti. Pejabat Ombudsman hendaklah menjadi wadah dan tempat di mana warga Universiti boleh mendapatkan panduan dan penyelesaian mengenai sesuatu masalah, isu, konflik atau kebimbangan yang berkenaan di tempat kerja di dalam USM tanpa ragu-ragu.

Tujuan penubuhan Pejabat Ombudsman Universiti Sains Malaysia adalah untuk membantu pengurusan tertinggi Universiti di dalam menangani segala hal penyelesaian pertikaian dan aduan dalaman di dalam Universiti dengan mengamalkan prinsip bebas, kerahsiaan, tidak berat sebelah dan proses tidak formal untuk semua warga pekerja dan pelajar Universiti.

## Kes dan Aktiviti yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2012

Bil	Kategori Aduan	Jumlah Aduan 2012	Peratusan (%)
1.	Ugutan Terhadap Pekerja/Pelajar	8	8
2.	Kualiti Perkhidmatan/Pengajaran Yang Tidak Memuaskan	5	5
3.	Tidak Puas Hati terhadap PTJ/Jabatan	24	23
4.	Kelewatan/Tiada Tindakan	6	6
5.	Tindakan Tidak Adil	4	4
6.	Kegagalan Menjalankan Tugas/Kegagalan Penguatkuasaan	7	7
7.	Kekurangan Kemudahan	1	1
8.	Salah Laku Pekerja	3	3
9.	Salah Guna Kuasa/Penyelewengan	10	10
10.	Kepincangan Pelaksanaan Dasar dan Kelemahan Undang-Undang	4	4
11.	Pergaduhan Fizikal	2	2
12.	Gangguan Seksual	4	4
13.	Tatatertib dan Disiplin	9	9
14.	Kecuaian Perubatan	1	1
15.	Ketidakpuasan Kenaikan Pangkat	4	4
16.	Pelbagai Aduan	9	9
	<b>Jumlah</b>	<b>101</b>	<b>100</b>

## Statistik Aduan yang Diselesaikan Pejabat Ombudsman untuk Tahun 2012

\*\* Jumlah Aduan 2012 = 101 kes

\*\*\* Anggaran

Bil	Kategori	Jumlah Aduan	Peratusan (%)
1	Aduan Selesai dan Telah Diambil Tindakan	94	93
2	Aduan Masih Dalam Tindakan/Siasatan	7	7

## Statistik Kategori Aduan Berasas Dan Tidak Berasas

Bil	Kategori	Jumlah Aduan	Peratusan (%)
1.	Aduan Berasas	62	61
2.	Aduan Tidak Berasas	9	9
3.	Aduan Separa Berasas	30	30

## Output Daripada Aktiviti Tahun 2012

Pejabat Ombudsman Universiti Sains Malaysia membuat cadangan kepada pengurusan tertinggi Universiti untuk penyelesaian di dalam kes-kes yang dikendalikannya dan pihak Universiti berhak untuk menerima atau tidak menerima cadangan-cadangan untuk perubahan tersebut di dalam dasar dan amalan Universiti.

Pejabat Ombudsman sentiasa mengamalkan prinsip dan teras penting Ombudsman iaitu neutral, sulit, tidak formal dan bebas setakat mana yang bersesuaian berdasarkan kepada undang-undang Malaysia serta Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan Universiti.

Ombudsman menjadi tempat dan wadah alternatif di mana warga Universiti boleh mendapatkan panduan mengenai masalah, isu, konflik atau kebimbangan yang berkenaan di tempat kerja di dalam Universiti.

Ombudsman menerima aduan, masalah atau pertanyaan secara sulit dan rahsia dari warga Universiti yang mana, Ombudsman kemudiannya akan mengadakan inkuiri dan menawarkan opsyen penyelesaian kepada pengadu yang datang kepadanya. Ombudsman akan mendengar dan membuat siasatan tidak formal berkenaan maklumat yang disiasat dan menawarkan pilihan penyelesaian, membuat rujukan, dan menjadi pengantara pertikaian secara bebas dan adil di antara pengadu dan pihak yang diadu.

Ombudsman akan membantu pihak-pihak yang terlibat di dalam mencapai penyelesaian terbaik selaras dengan cita-cita dan objektif penubuhan Ombudsman itu sendiri.

Ombudsman juga boleh memberi maklum balas kepada Naib Canselor Universiti berkenaan mana-mana isu tanpa mengenal pasti identiti mana-mana pihak kepada permasalahan mereka. Di samping itu, Ombudsman boleh membuat syor kepada Naib Canselor Universiti untuk perubahan dasar, latihan yang diperlukan, atau prosedur lain yang boleh meningkatkan keharmonian, integriti dan keadaan sekitar kampus.

Ombudsman Universiti Sains Malaysia diberi mandat penuh untuk mengendalikan segala aduan yang berkaitan di dalam sistem ekologi Universiti secara berhemah berdasarkan prinsip dan piawaian Ombudsman antarabangsa dengan mengambil kira prinsip utama seperti

penjagaan kerahsiaan, neutral, bebas dan tidak formal untuk menyelesaikan segera masalah dan konflik kepada semua warga Universiti.

## Cabaran Tahun 2012

Ombudsman Universiti Sains Malaysia mengamalkan prinsip dan amalan antarabangsa seperti yang disyorkan oleh Persatuan Ombudsman Antarabangsa ("IOA") Piawaian Amalan dan Kod Etika Ombudsman.

Amalan ini memerlukan Ombudsman Universiti Sains Malaysia berfungsi dengan bebas, sulit dan neutral dan menghadkan skop perkhidmatan aduan dengan cara yang tidak formal bagi sesuatu penyelesaian pertikaian.

Ombudsman perlu sentiasa menjalani latihan di luar Negara bagi mendedahkan diri kepada pelbagai penyelesaian dan menimba pengalaman dari universiti luar negara lain di dalam menjalankan tugas Ombudsman.



# LAPORAN PEJABAT KOMUNIKASI STRATEGIK (SCOMM)

## Pengenalan

Pejabat Komunikasi Strategik (SCOMM) bertanggungjawab terhadap aktiviti Positioning USM sama ada melalui promosi dan pemasaran di dalam dan luar negara, acara strategik universiti, penerbitan, penjenamaan universiti, kolaborasi penyelidikan serta misi jaringan dan libatsama selaras dengan agenda memposisikan USM di tahap yang lebih tinggi. Lima unit utama di SCOMM ialah Unit Pemasaran dan Komunikasi, Pengurusan Acara, Kreativiti dan Penerbitan, Pusat NADI serta Produksi Digital.

## Aktiviti yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2012

Aktiviti	Tarikh	Delegasi	Lokasi
Pameran Pencapaian/Kejayaan Universiti Sempena Majlis Perutusan VC 2012	5, 6 & 9 Januari 2012	-	Ketiga-tiga kampus USM
Misi ke Arab Saudi	12 – 19 Februari 2012	Naib Canselor & SCOMM	Arab Saudi
21 <sup>st</sup> Education and Training Expo 2012	16 - 19 Feb 2012	IPS, PP Pengurusan & Pelantar	Jakarta, Indonesia
Mesyuarat Khas - PROJEK KHAS: APEX UNIVERSITY BEST PRACTICES	7 Mac 2012	-	Dewan Persidangan Universiti, USM
Bengkel Strategic Planning on Positioning of USM	26 – 27 Mac 2012	-	USM Induk
Thailand International Education Expo 2012	30 Mac - 1 Apr 2012	SCOMM, PPTI & IPS	Bangkok, Thailand
International Education Exhibition 2012	5 - 7 Apr 2012	SCOMM, IPS & BPA	Ho Chi Minh, Vietnam
Archaeology Week-Mini Exhibition	9 – 22 April 2012	-	Pusat NADI
International Exhibition & Conference on Higher Education	17 - 20 Apr 2012	IPS	Riyadh, Arab Saudi
Education Malaysia Exposition in Jeddah	21 - 24 Apr 2012	IPS	Jeddah, Arab Saudi
Pelancaran Buku - Universiti APEX Inisiatif-Inisiatif Terpilih	8 Mei 2012	SCOMM & USM	Hotel Pan Pacific KLIA
Education Malaysia Exposition	26 - 27 Mei 2012	SCOMM	Yangon, Myanmar
Majlis Pelancaran Buku - Knowledge Transfer Programme (KTP)	26 Jun 2012	-	Hotel Pan Pacific, KLIA
Malaysia Education Fair 2012	2 - 3 Jul 2012	Kejuruteraan & IPS	Abu Dhabi & Sharjah, UAE



<b>Aktiviti</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Delegasi</b>	<b>Lokasi</b>
<i>32<sup>nd</sup> International Education Exhibition</i>	8 - 12 Jul 2012	SCOMM, IPS & GSB	Karachi & Lahore, Pakistan
<i>Malaysia Education Exhibition &amp; Students Recruitment Drive</i>	2 - 9 Sept 2012	IPS	Amman, Jordan
<i>USM 2012 Ambassadors Summit</i>	14 - 15 September	-	Dewan Budaya, USM
<i>Education and Career Exhibition 2012</i>	20 - 22 Sept 2012	SCOMM	Baku, Azerbaijan
<i>a2 International Education Fairs</i>	23 -24 Sept 2012	SCOMM	Almaty, Kazakhstan
<i>USM Leaders Talk Series 1/2012</i>	8 Oktober 2012	-	Dewan Budaya, USM
<i>China Education Expo (CEE) 2012</i>	23 Okt 2012	Kesihatan	Xi'an, China
Lawatan Kerja Eksekutif Ke South Africa dan Tanzania	3 November 2012	PP Bahasa, IPS & Timb. Naib Canselor (Akademik)	South Africa & Tanzania
<i>China Education Expo (CEE) 2012</i>	3-Nov-12	PP Sains Kimia & GSB	Guangzhou, China
<i>International Education &amp; Training Expo 2012</i>	13 - 15 Nov 2012	SCOMM, BPA & PP Sains Kajihayat	Surabaya, Indonesia
<i>Study International Education Fair 2012</i>	16 - 21 Nov 2012	PP Seni & Kejuruteraan	Manila, Cebu, Davao, Filipina
<i>International Education &amp; Training Expo 2012</i>	20 - 22 Nov 2012	SCOMM, IPS & PP Komunikasi	Makassar, Indonesia
<i>USM EU Ambassadors Dialogue 2012</i>	21 November 2012	-	Dewan Persidangan Universiti, USM
Bengkel Penulisan Buku <i>The APEX University: The State of the Art</i>	23 – 27 November 2012	SCOMM & Penulis yang Terpilih	
<i>Malaysia Education Roadshow (Kuching)</i>	9 Disember 2012	SCOMM & PP Bahasa	Riverside Majestic Hotel, Kuching Sarawak
<i>Malaysia Education Roadshow (Kota Kinabalu)</i>	15 Disember 2012	SCOMM & PP Bahasa	Promenade Hotel, Kota Kinabalu Sabah
<i>25<sup>th</sup> The Star Education Fair 2012</i>	15 – 16 Disember 2012	SCOMM, IPS & BPA	KL Convention Centre

# LAPORAN PEJABAT KOMUNIKASI STRATEGIK (SCOMM)

## Penerbitan Tahun 2012

1. Advanced Research Initiatives Vol. 1 & 2 (ARIs)
2. Buku Inisiatif-Inisiatif Terpilih Universiti APEX
3. Buku Program Pemindahan Ilmu (KTP)
4. Prospektus Pemasaran

## Output Daripada Aktiviti Tahun 2012 (Pencapaian)

Peningkatan kuantiti dan kualiti pelajar siswazah USM di dalam dan luar negara serta perluasan dalam misi jaringan dan libatsama. Selain itu, aktiviti Positioning USM juga bertujuan untuk menonjolkan USM sebagai sebuah Universiti APEX dan Universiti Penyelidikan Terulung agar USM berada di mercu yang lebih tinggi dan lebih terbilang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

## Outcome Yang Terhasil Pada Tahun 2012 (Impak)

Positioning USM berada di mercu yang lebih tinggi dan lebih terbilang di peringkat nasional dan antarabangsa.

## Cabaran / Kekangan 2012

1. Bajet yang terhad untuk aktiviti promosi di IPTA berbanding IPTS.
2. Sukar untuk mengubah persepsi sesetengah negara terhadap kualiti pendidikan di Malaysia, contohnya negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand, Vietnam, Myanmar dan negara maju yang lain.





# LAPORAN PEJABAT PEMAJUAN DAN PERHUBUNGAN ALUMNI

## Pengenalan

Universiti Sains Malaysia telah melahirkan alumni melebihi 130,723 orang. Bilangan ini akan terus meningkat dari tahun ke tahun. Kesedaran serta kewujudan budaya alumni harus diinstitusikan supaya alumni menjadi nadi penggerak kemegahan USM.

Pembudayaan alumni dan keberkesanan aktiviti secara berterusan, dapat menanam semangat cintakan 'alma mater' serta memupuk semangat permuafakatan bagi mengekalkan jaringan yang kukuh antara alumni dan universiti. Perlaksanaan pelbagai aktiviti memerlukan kakitangan dan kewangan yang mencukupi untuk menggerak dan menjayakan aktiviti.

Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni dahulunya dikenali sebagai Pejabat Perhubungan Alumni, ditubuhkan pada 2001 bertujuan menghubungkan alumni dan 'alma mater', melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Pejabat ini turut membantu universiti dari segi penjana dana serta mengadakan aktiviti-aktiviti melibatkan alumni dan pelajar. Penerbitan *The Leader* berperanan sebagai medium perantara untuk menghubungkan dan mengeratkan jaringan sesama alumni, serta menghebahkan perkembangan terkini universiti kepada alumninya.

### Misi:

Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni USM akan memupuk serta memelihara jalinan persahabatan yang berkekalan dengan alumni dan sahabat handai; mewujudkan ketaatsetiaan dan menyediakan perkhidmatan kepada para graduan; dan meningkatkan sokongan kedermawanan bagi membantu memenuhi sasaran universiti untuk pertumbuhan, inovasi, dan sumbangan kepada masyarakat.

### Visi:

Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni USM beraspirasi menjadi daya usaha paling utama di rantau ini ke arah memperkembangkan perhubungan alumni dan penjana dana secara memaksimumkan interaksi dengan alumni serta sumbangan dari pihak korporat dan individu demi kepentingan Universiti.

## Aktiviti Yang Dijalankan Tahun 2012

### 1. Penstrukturan Pejabat

- a. Mengemaskinikan Fail Meja dan Terma Rujukan bagi pengelolaan pejabat, tugas-tugas hakiki staf dan Terma Rujukan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

### 2. Penjaringan Alumni

- a. Minum Petang Naib Canselor bersama Alumni di USM
- b. Perjumpaan Naib Canselor bersama Alumni di Kelantan
- c. Teh Tarik @ Anjung Budi: Perjumpaan Naib Canselor bersama Alumni di Pulau Pinang
- d. Komunikasi secara dalam talian melalui laman-laman sosial.
- e. Penerbitan Majalah *The Leader*

### 3. Kerja Luar

- a. Menjadi sekretariat bagi perancangan Kementerian Pengajian Tinggi dalam Projek Jangkauan Global Malaysia: My Alumni Consortium

#### Output Daripada Aktiviti Tahun 2012 (Pencapaian)

1. Fail Meja dan Terma Rujukan untuk beberapa aktiviti yang dijalankan dapat dilaksanakan dengan sempurna, sekaligus meningkatkan kecekapan staf untuk menjadi multi-tasking.
2. Aktiviti ramah mesra bersama Naib Canselor dapat diadakan secara santai untuk meningkatkan jaringan alumni bersama Universiti.
3. Komunikasi secara dalam talian melalui laman sosial dapat meningkatkan perhubungan alumni bersama PPPA hampir 10% daripada tahun 2011 di mana PPPA dapat mengemaskinikan data alumni, mendapatkan bahan berita dan perkongsian alumni dari dalam dan luar negara.
4. Menyumbang tenaga bersama Pejabat Alumni daripada Universiti di seluruh Malaysia untuk merancang penubuhan Malaysia Alumni di Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam.

#### Cabaran/Kekangan 2012

1. Aktiviti komunikasi dalam talian yang terhad seperti penggunaan email blasting yang terpaksa dilakukan secara berperingkat disebabkan masalah server dan kemudahan aplikasi.
2. Pangkalan data yang masih belum lengkap disebabkan kebebasan alumni menukar/menghapuskan data mereka secara dalam talian menyebabkan pihak PPPA kerugian daripada memperoleh maklumat lengkap para alumni.
3. Isu dalaman pejabat dalam mengemaskinikan laman sesawang menyebabkan banyak proses aplikasi dalam talian terganggu.



# LAPORAN PUSAT PENGETAHUAN, KOMUNIKASI & TEKNOLOGI

## Pengenalan

Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT) ditubuhkan pada bulan Disember 2002 hasil penggabungan empat perkhidmatan ICT Universiti. Misi utama PPKT adalah menyediakan perkhidmatan ICT yang kompeten dan berkesan untuk masyarakat kampus dan komuniti luar yang berkaitan.

PPKT bertanggungjawab untuk menyelaras perkhidmatan sokongan ICT di ketiga-tiga kampus, Kampus Induk di Pulau Pinang, Kampus Kesihatan di Kubang Krian, Kelantan dan Kampus Kejuruteraan di Nibong Tebal, Pulau Pinang. Perkhidmatan merangkumi:

1. Infrastruktur rangkaian komputer dan telekomunikasi
2. Aplikasi Pentadbiran universiti
3. Fasiliti pengkomputeran dan perkhidmatan sokongan ICT

PPKT adalah pemangkin dan rakan kerja kepada entiti pentadbiran, penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran di peringkat setempat dan serantau. Motto kami "*Enable and Innovate* (enovate)" menggambarkan kesungguhan kami untuk mencapai objektif PPKT.

## Laporan Aktiviti PPKT Sepanjang Tahun 2012

Aktiviti Sepanjang Tahun 2012	Output Daripada Aktiviti (Pencapaian)	Outcome Yang Terhasil (Impak)	Cabaran/Kekangan
1. Pembangunan laman sesawang ( <i>Website</i> )	Sebanyak 19 laman sesawang telah dibangunkan dan diperbaharui: <b>Ombudsman, Pusat Peng. Pengurusan, Desa Bakti, Mentor USM, CREST, eJournal, ICTWeek2012, Kokurikulum, P.P. Sains Fizik, Jasabudi, HEA, Kecekapan Tenaga, Regional Conference On Local Knowledge, Centre Of Engineering Excellence, SEACSN, BJIM, Pesta Hoki, Prog. Pendidikan Berterusan, Enovate</b>	Laman sesawang yang piawai (standard) dan dapat diselaraskan dari segi penyelenggaraan.	Mengurus perjalanan operasi ICT dengan sumber yang terbatas.


Aktiviti Sepanjang Tahun 2012	Output Daripada Aktiviti (Pencapaian)	Outcome Yang Terhasil (Impak)	Cabaran/Kekangan
2. Pembangunan Aplikasi	Sebanyak 25 aplikasi telah dibangunkan/ ditambah baik untuk digunakan bagi tujuan operasi, pentadbiran dan pengurusan	Tidak perlu outsource, dengan menggunakan kemahiran staf dalaman bagi membangunkan aplikasi. Dapat mempertingkatkan kemahiran staf dalam pembangunan aplikasi dan sistem dengan tidak melibatkan kos penyelenggaraan.	
3. Mengendalikan latihan ICT umum untuk staf USM dan khusus untuk skim 'F' (Teknologi Maklumat)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sebanyak 27 pelbagai tajuk untuk latihan ICT umum dengan jumlah 69 kelas dan melibatkan seramai 1,534 peserta di Kampus Induk dan Kejuruteraan.</li> <li>ii. Sebanyak 25 kelas yang melibatkan 525 bilangan peserta untuk latihan khusus ICT skim 'F' di ketiga-tiga kampus.</li> </ul>	Latihan ICT yang lebih fokus kepada keperluan Universiti bagi mempertingkatkan produktiviti staf dalam menjalankan kerja harian dan pendedahan kepada ancaman keselamatan ICT.	
4. Mengendalikan latihan teknikal dengan pensijilan yang diiktiraf ( <i>certified</i> ) bersama <i>Microsoft</i> dan <i>Prestariang Sytems Sdn. Bhd./ Kementerian Pengajian Tinggi</i> .	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Seramai 3 staf PPKT diiktiraf oleh <i>Microsoft (Exchange Server 2010 dan Web Application Understand+Built)</i></li> <li>ii. Seramai 16 staf teknikal USM diiktiraf oleh <i>EC-Council (Network Security Administrator-ENSA)</i></li> <li>iii. Seramai 13 staf PPKT berjaya memperolehi <i>certification</i> untuk <i>IT Infrastructure Library Foundation (ITIL)</i></li> </ul>	Menghasilkan lebih ramai staf yang kompeten dalam pelbagai bidang ICT	

# LAPORAN PUSAT PENGETAHUAN, KOMUNIKASI & TEKNOLOGI

Aktiviti Sepanjang Tahun 2012	Output Daripada Aktiviti (Pencapaian)	Outcome Yang Terhasil (Impak)	Cabaran/Kekangan
5. Mengendalikan sidang video bagi memudahkan komunikasi merentas ketiga-tiga kampus bagi tujuan pentadbiran, pembelajaran dan pengajaran.		i. Mempertingkatkan komunikasi antara kampus ii. Menjimatkan perbelanjaan kewangan Universiti bagi perbelanjaan penginapan dan pengangkutan.	

## Statistik Penggunaan Telesidang 2012

Bilangan Telesidang



Jadual 1: Jumlah bilangan telesidang

Penjimatan (RM)



Jadual 2: Jumlah penjimatan (RM)



\*\*Pengiraan adalah berdasarkan anggaran kos perjalanan seorang staf gred 41 dari Kampus Kesihatan untuk menghadiri mesyuarat di Induk bersamaan RM 1,000 bagi satu perjalanan. Nilai penjimatan juga akan berubah dengan perubahan gred jawatan.

1. Bilangan telesidang bagi tahun 2012 adalah **sebanyak 223 sesi**.
2. Jumlah Penjimatan bagi penggunaan telesidang bagi tahun 2012 adalah sebanyak **RM 1,635,960**.
3. Walaubagaimanapun jumlah sesi telesidang ini tidak termasuk sesi yang dikendalikan sendiri oleh PTJ dan juga sesi bagi pengajian jarak jauh bagi pusat pengajian jarak jauh. Data penjimatan diambil kira dari perkhidmatan telesidang yang melalui dan dikendalikan oleh PPKT.
4. Terdapat **66 lokasi telesidang termasuk pusat wilayah dan IPPT**.
5. Dianggarkan penjimatan adalah lebih besar jika diambil kira semua lokasi di dalam USM.



## Pengenalan

Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia (PTPM) merupakan sebuah entiti dalam Universiti Sains Malaysia yang menawarkan dua perkhidmatan utama, iaitu penawaran program akademik di peringkat sarjana dan doktor falsafah di dalam bidang teknologi pendidikan serta memberikan perkhidmatan teknikal termasuklah fotografi, video, siaran serta kemudahan untuk pengajaran dan pembelajaran bilik-bilik kuliah dan persidangan. Di samping aktiviti umum akademik seperti pengendalian kursus-kursus oleh para pensyarah dan aktiviti perkhidmatan teknikal oleh staf teknikal PTPM, beberapa aktiviti khusus berkaitan akademik, pengajian siswazah serta libatsama komuniti telah diadakan sepanjang tahun 2012.

## Aktiviti yang Dijalankan Pada Tahun 2012

### Aktiviti akademik secara umum

Terdapat pelbagai aktiviti berkaitan akademik dan pengajian siswazah yang telah dijalankan pada tahun 2012. Antaranya adalah

1. Mengadakan Seminar Kecemerlangan dalam Pengajaran dan Pembelajaran pada 21 Mei 2012. Prof. Abdul Karim Alias dari Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE) telah dijemput untuk membentangkan peranan CDAE serta bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan lagi di kalangan staf akademik USM dan PTPM.
2. Bengkel Penggunaan Moodle ver. 2.2.4 telah dijalankan pada 5 September 2012 untuk para pensyarah PTPM. Ia telah dikendalikan oleh Prof. Madya Irfan Naufal Umar yang juga merupakan fasilitator eLearn@USM.
3. Memorandum Persetujuan atau Memorandum of Agreement (MoA) antara USM dengan tujuh buah universiti dari negara-negara Asean telah dijalankan pada 20 Disember 2012. Antara lain, MoA ini bertujuan bagi (a) penukaran staf dan pelajar, (b) perkongsian penerbitan akademik, (c) mengenalpasti projek penyelidikan, kuliah, simposium, bengkel, seminar dan latihan berkaitan, (d) lain-lain projek yang lestari dan dikenalpasti kedua-dua pihak. Tujuh buah universiti yang terlibat : (i) Battambang University, Battambang, Cambodia, (ii) Chea Sim University of Kamchaymear, Cambodia, (iii) Ho Chi Minh City University of Education, Vietnam, (iv) SEAMEO Regional Training Centre, Vietnam, (v) National University of Laos, Lao PDR (vi) Bengkulu University, Bengkulu, Indonesia, dan (vii) Capitol University, Cagayan De Oro, Mindanao, Filipina

### Aktiviti Pengajian Siswazah

Memandangkan PTPM tidak menawarkan pengajian ijazah pertama, penumpuan yang penuh diberikan kepada program pengajian di peringkat siswazah. Secara umumnya, terdapat tiga program pengajian siswazah yang ditawarkan PTPM, iaitu (a) ijazah sarjana sastera (M.A.), (b) ijazah Sarjana Instruksi Multimedia (M.I.M. secara kerja kursus), dan (c) ijazah Doktor Falsafah.

Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:

- a. Persembahan pra-usul yang diadakan pada 29 Mac 2012 dan melibatkan 16 orang pelajar M.A. dan PhD.
- b. Persembahan Usul projek QIM 520 bagi program M.I.M. pada 25 – 26 Mei 2012 yang melibatkan 23 orang pelajar M.I.M.
- c. Seminar Penulisan / Penerbitan dalam Jurnal berwasit (Siri 1) pada 12 Oktober 2012 yang melibatkan 27 pelajar M.A. dan Ph.D.
- d. Bengkel Tricks and Tips of Applying for Fundamental Research Grant, (FRGS) yang diadakan pada 16 Oktober 2012 dan dihadiri seramai 21 pelajar M.A. dan Ph.D. Ia dikendalikan oleh Prof. Abdul Latif Ahmad.
- e. Seminar Penulisan / Penerbitan dalam Jurnal berwasit (Siri 2) pada 19-21 Okt. 2012 yang melibatkan 34 pelajar M.A. dan Ph.D.
- f. Seminar Graduating on Time (GOT) yang melibatkan 35 pelajar M.A. dan Ph.D. pada 24 November 2012

### **Aktiviti Jaringan Industri dan Masyarakat PTPM dalam tahun 2012**

Di samping aktiviti-aktiviti akademik dan pengajian siswazah, Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat BJIM PTPM turut aktif dalam melaksanakan beberapa aktiviti libatsama komuniti. Antara aktiviti tersebut adalah:

- a. Program ad hoc Libatsama Komuniti bertajuk 'Meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat orang asli melalui pemindahan ilmu dan kemahiran ICT' dengan masyarakat Orang Asli dari Perkampungan Orang Asli Sungai Rensak, Tapah, Perak pada 6-8 Julai 2012. Seramai 20 orang pelajar dan 20 belia orang asli telah terlibat. Antara pengisian program adalah teknik mengambil gambar produk, membina blog, dan membuka akaun Facebook. Program ini adalah di bawah kendalian PM Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya dengan kerjasama Kumpulan Siswa Siswi Darul Ridzuan (KUSISDARI).
- b. Program serupa telah diadakan pada 9-11 November 2012 di SK Sg Air Banun, Tasik Banding, Gerik, Perak yang melibatkan 20 pelajar dan 20 belia orang asli.
- c. Program Kemasyarakatan Building Bridges Across Generations yang melibatkan seramai 17 orang pelajar Al-Quran dewasa dari Pusat Islam USM dan dua orang dari Persatuan Nelayan telah diadakan pada 21-22 Mei 2012.
- d. Program Social Networking Workshop for Seniors melibatkan PM Zarina Samsudin sebagai tenaga pengajar dengan kerjasama PP Komunikasi telah diadakan pada 9-10 April dan 8-9 Mei 2012.

## Output Daripada Aktiviti Tahun 2012 (Pencapaian)

### Bilangan pelajar berijazah pada tahun 2012

Seramai lima orang pelajar Ph.D. telah bergraduasi pada tahun 2012. Mereka adalah:

1. Devadeson a/l Robert Peter (Penyelia: PM Toh Seong Chong)
2. Hosam Faiq al-Sammarraie (Penyelia: Prof. Merza Abbas)
3. Yousef Mufleeh Saleeme Jarrah (Penyelia: Prof. Merza Abbas)
4. Che Soh bin Said (Penyelia : PM Irfan Naufal Umar)
5. Goh Ying Soon (Penyelia: PM Irfan Naufal Umar)

Di samping itu, dua orang pelajar Sarjana mod penyelidikan telah berijazah pada tahun 2012. Mereka adalah:

1. Munira Hashim (Penyelia: PM. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya)
2. Nurullizam Jamiat (Penyelia: Prof. Merza Abbas)

Turut berijazah adalah seramai 22 orang pelajar Sarjana Instruksi Multimedia (M.I.M.) iaitu program sarjana mod kerja kursus.

### Anugerah yang diterima pada tahun 2012

PM Dr Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya dari PTPM bersama-sama dengan Dr Sobihatun Nur Abdul Salam dari UUM dan Dr Azillah Mohd Ali dari Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar telah memenangi pingat emas di Malaysian Technology Expo (MTE 2012) yang telah diadakan di PWTC, Kuala Lumpur pada 16-18 Februari 2012, iaitu bagi produk bertajuk Managing Children Dental Anxiety through Digital Persuader.

### Geran Penyelidikan yang diterima pada 2012

Sebanyak empat geran penyelidikan telah dianugerahkan kepada para pensyarah PTPM. Projek-projek penyelidikan tersebut adalah:

1. Geran Universiti Penyelidikan (Individu) bertajuk Improving Visual Interaction Design in e-learning through real-time Eye Tracking System berjumlah RM 249,878 yang diterima oleh PM Mona Masood.
2. Geran Jangka Pendek USM bertajuk Presentation of Multimedia Content for ePBL in Medical Contexts berjumlah RM38,646 yang diterima oleh Dr. Hosam I. Faiq.
3. Geran Libatsama Komuniti bertajuk Latihan semula Komuniti Siswa Tahun Akhir dengan Kemahiran dan Skil ICT/Multimedia berjumlah RM 15,000 yang diterima oleh PM Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya.
4. Geran Libatsama Komuniti bertajuk Creating a Collaborative Virtual Learning Community Among Students Within Their Local and International Community berjumlah RM12,00 yang diterima oleh PM Zarina Samsudin.

## Penerbitan dalam jurnal berwasit / bab dalam buku / kertas kerja persidangan

Sepanjang tahun 2012, staf akademik PTPM telah giat menulis dan menerbitkan sejumlah 70 manuskrip, bab dalam buku serta kertas kerja persidangan. Berikut adalah perincian tersebut:

1. Jumlah artikel berwasit dan berindeks : 26
2. Jumlah artikel dalam jurnal : 18
3. Jumlah bab dalam buku : 14
4. Jumlah kertas kerja persidangan : 12

## Cabaran / Kekangan 2012

Antara kekangan utama dalam menjalankan aktiviti-aktiviti di atas adalah kekurangan peruntukan hasil dari formula baru kiraan jumlah insentif KPI. Fokus utama PTPM semenjak beberapa tahun yang lalu adalah menambahkan bilangan penerbitan melalui pembiayaan dari tabung Insentif KPI. Masalah ini menjadi genting kerana PTPM mempunyai bilangan pelajar siswazah yang ramai dan kos-kos ini tidak dapat ditampung oleh geran-geran penyelidikan yang kecil yang dipegang oleh pensyarah.



# LAPORAN UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UNIVERSITI

## Pengenalan

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti (UKKPU) termasuk UKKP Kampus Kejuruteraan dan UKKP Kampus Kesihatan ditubuhkan secara rasmi pada 1 Oktober 2002 setelah diluluskan oleh mesyuarat JENC Naib Canselor (kini Jawatankuasa Pengurusan Universiti) pada 9 Julai 2002 dan Lembaga Pengarah Universiti (kini Lembaga Gabenor Universiti) pada 1 Oktober 2002.

Sehingga kini, bidang tugas UKKP merangkumi ketiga-tiga Kampus USM iaitu Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan untuk melaksanakan tanggungjawab keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di USM secara keseluruhannya. Objektif, Skop dan Fungsi UKKP adalah seperti berikut

### Objektif

- a. Mewujudkan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan Universiti yang berterusan dan teratur, termasuk di Kampus Kesihatan dan Kejuruteraan berdasarkan kehendak perundangan Negara, terutamanya kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.
- b. Bertindak sebagai sekretariat/urusetia kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti dan Jawatankuasa Perlindungan Sinaran Universiti bagi membolehkan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Universiti ini, termasuk di Kampus Kesihatan dan Kejuruteraan diurus dan ditadbir dengan berkesan berdasarkan kehendak-kehendak perundangan Negara, terutamanya kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.

### Skop dan Fungsi

- a. Mentakrif dan mentafsir undang-undang negara, kod-kod amalan, piawaian keselamatan seumpamanya dari masa ke masa bagi memastikan pemakaian dan pematuhan wajar di Universiti.
- b. Bertindak sebagai penasihat kepada Universiti menerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti dan lain-lain Jawatankuasa yang berkaitan amnya dan Jabatan-Jabatan serta individu-individu khususnya berkenaan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- c. Merancang aktiviti-aktiviti dan program-program keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berkaitan serta memastikan pelaksanaan dan keberkesanan dasar-dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti dan lain-lain Jawatankuasa yang berkaitan.
- d. Menjalankan audit, pemeriksaan dan pemantauan kawasan kerja dan penyiasatan ke atas kemalangan yang berlaku serta mengumpul, memelihara dan mengemaskini maklumat-maklumat dan data-data berkenaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

- e. Memberi khidmat/servis kepada Pusat Pengajian/Pusat bagi aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang perlu diurus dan dijalankan secara pusat seperti pengurusan/penyelarasan pelupusan sisa-sisa kimia, perlesenan sinaran mengion, pemantauan kawasan kerja dan seumpamanya atau sebagaimana yang diputuskan oleh Universiti dari masa ke masa.
- f. Menggalakkan suatu persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada masyarakat kampus, terutamanya kepada para-para pekerja dan pelajar-pelajar melalui program-program latihan, kursus, kempen-kempen kesedaran dan seumpamanya yang dirancang dari masa ke masa.
- g. Sebagai pusat rujukan dan maklumat berkenaan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada masyarakat kampus dan agensi-agensi luar.

## Aktiviti yang Dijalankan Pada Tahun 2012

Secara umumnya, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh UKKP sepanjang tahun 2012 boleh dikelompokkan seperti berikut;

- Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jawatankuasa Perlindungan Sinaran Universiti (JPS) dan lain-lain Jawatankuasa KKP yang dibentuk dari masa ke masa dan mengambil tindakan susulan.
- Menjalankan pemeriksaan/audit KKP dan mengambil tindakan susulan.
- Menjalankan penyiasatan kemalangan dan aduan KKP serta mengambil tindakan pembaikan.
- Merancang, mengurus dan menyelaras aspek-aspek perlindungan sinaran.
- Merancang, mengurus dan menyelaras pelupusan sisa-sisa 'hazard'/bahaya.
- Merancang, menganjurkan dan menyelaras latihan-latihan KKP.
- Merancang, mengurus dan menjalankan pemantauan KKP.
- Mengurus, menyedia dan mengemaskini sumber-sumber rujukan/maklumat KKP serta menyebarkan maklumat-maklumat KKP untuk masyarakat kampus dan agensi luar.

# LAPORAN UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UNIVERSITI

## Output Daripada Aktiviti Tahun 2012 (Pencapaian)

### Mesyuarat Jawatankuasa KKP

UKKP telah mengurussetiakan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa KKP Universiti dengan kekerapan seperti berikut;

#### Kampus Induk.

Mesyuarat	Kekerapan
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti	2
Jawatankuasa Perlindungan Sinaran Universiti	1
Jawatankuasa CCTV	3
Jawatankuasa Biokeselamatan USM	2
Jawatankuasa Mengkaji Pelaksanaan Sistem Kecemasan Kampus Kejuruteraan	1

#### Kampus Kejuruteraan

Mesyuarat	Kekerapan
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kampus Kejuruteraan	2

#### Kampus Kesihatan

Mesyuarat	Kekerapan
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kampus Kesihatan	2

### Pemeriksaan / Audit KKP

Pemeriksaan/ audit KKP telah dijalankan sekurang-kurangnya sekali di setiap PTJ. Pecahan audit adalah seperti berikut;

Audit/ Pemeriksaan	Bilangan PTJ		
	Kampus Induk	Kampus Kejuruteraan	Kampus Kesihatan
KKP di Makmal/ Bengkel	24	10	10
KKP Makmal Bengkel Selepas Waktu Pejabat	14	8	4
Keselamatan dan Perlindungan Sinaran	9	1	1
Peralatan Pencegahan Kebakaran dan Kecemasan (PCK)	79	34	13
Keselamatan Penggunaan Silinder Gas Memasak/ LPG	16	8	7
Keselamatan Lif	17	9	5
KKP Kontraktor Pencucian	18	4	12



## Penyiasatan Kemalangan dan Aduan KKP

Sebanyak 56 kes kemalangan dan aduan KKP telah disiasat dan dibentangkan kepada JKPP USM. Perincian statistik kemalangan adalah seperti berikut;

Kategori / Kampus	Kecederaan	Penyakit Pekerjaan	Kejadian Berbahaya/ Nyaris	Kebakaran	Aduan	Jumlah
Induk	10	0	7	11	1	29
Kejuruteraan	1	0	0	0	0	1
Kesihatan	14	0	1	4	7	26
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>0</b>	<b>8</b>	<b>15</b>	<b>8</b>	<b>56</b>

## Khidmat Perlindungan Sinaran

Sebanyak 23 unit radas sinaran, 90 punca radioaktif dan 64 staf PTJ telah dilesen/didaftar dengan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA). Diantara khidmat perlindungan sinaran yang diuruskan oleh UKKP bagi memenuhi kehendak LPTA adalah seperti berikut;

Khidmat/Ptj	Fizik	Kajihayat	Arkeologi	Bahan & Sumber Mineral	Teknologi Industri	Farmasi	UKKPU	Pusat Kimia Dan Biologi	Doping	Jumlah Keseluruhan	Kos (RM)
Tentukan Meter Tinjau (unit)	1	1	1	1	1	-	5	1	-	11	5,500.00
Bekalan dan Penilaian Lencana Filem (unit/bulan)	27	10	8		5	-	7	3	-	60	12,200.00
Selenggara Radas Sinaran (unit)	7	-	3	3	-	-	-	-	-	13	54,500.00
Ujian Kebocoran Punca Radioaktif (unit)	12	2	-	-	-	1	1	-	1	17	3,638.00
<b>Jumlah</b>											<b>75,838.00</b>

## Khidmat Pelupusan Sisa Hazard

Sebanyak 32.3 tan sisa kimia yang dihasilkan oleh PTJ di ketiga-tiga kampus telah diuruskan pelupusannya dengan syarikat yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Perincian seperti berikut;

Kategori / Kampus	Kuantiti			Jumlah Palle	Berat (Tan)	Kos (RM)
	Drum	Karboi	Jumbo Bag			
Induk	59	356	28	87	18.8	57,193.51
Kejuruteraan	51	127	9	0	11.1	22,518.70
Kesihatan	12	42	5	12	2.4	9,119.32
<b>Jumlah</b>	<b>122</b>	<b>525</b>	<b>42</b>	<b>99</b>	<b>32.3</b>	<b>88,831.53</b>

# LAPORAN UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UNIVERSITI

## Latihan KKP

### Kursus KKP Untuk Staf USM

Dengan peruntukan Unit Latihan, UKKP telah mengendalikan sebanyak 23 siri Kursus KKP (9 di Kampus Induk, 6 di Kampus Kejuruteraan dan 6 di Kampus Kesihatan) yang diikuti oleh seramai 701 staf PTJ di ketiga-tiga kampus. Perincian seperti berikut;

Kursus	Kehadiran		
	Kampus Induk	Kampus Kejuruteraan	Kampus Kesihatan
Kursus KKP Untuk Staf Pejabat	53	32	27
Kursus Keselamatan Sinaran	59	-	45
Kursus Asas Pertolongan Cemas	32	15	37
Kursus Asas Pencegahan Kebakaran (Teori & Praktikal)	24	22	-
Kursus 'Basic Boating'	20	-	-
Kursus KKP Untuk Pegawai UPPU/ Desasiswa USM	29	-	-
Kursus Asas Pertolongan Cemas	35	-	-
<b>Siri 2</b>			
Kursus Respon Kecemasan Untuk Anggota Jabatan Keselamatan	28	18	-
Kursus Asas Keselamatan Elektrik	-	38	-
Kursus Keselamatan Kimia	-	-	40
Kursus Asas Keselamatan Makmal/ Bengkel	-	-	35
Kursus KKP Untuk Staf Pejabat	53	32	27
<b>Jumlah</b>	<b>333</b>	<b>157</b>	<b>211</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>701</b>	

## Kursus KKP Untuk Pelajar USM

Seramai 2283 pelajar (Ijazah Lanjutan dan Tahun Pertama) telah mengikuti kursus-kursus KKP yang dianjurkan oleh UKKP, iaitu 5 siri di Kampus Induk dan masing-masing 3 siri di Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan. Perincian seperti berikut;

Kursus	Kehadiran		
	Kampus Induk	Kampus Kejuruteraan	Kampus Kesihatan
Kursus KKP Untuk Pelajar Lulusan Ijazah, Pegawai Penyelidik dan Pembantu Penyelidik	270	52	104
	96	-	-
Kursus KKP Untuk Pelajar Tahun Pertama	213	347	239
	260	116	366
	220	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>1059</b>	<b>515</b>	<b>709</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2283</b>	

## Program Bridging untuk Pembantu Makmal USM

UKKP telah diberi tanggungjawab oleh Universiti untuk membantu Unit Latihan dalam penawaran Modul KKP (17 jam kuliah) dan Pengurusan Makmal (19 jam kuliah) untuk Program Bridging. Seramai 89 orang Pembantu Makmal telah mengikuti program tersebut.

## Pemantauan Halaju Udara Kebuk Wasap

Sekurang-kurangnya sekali pemantauan telah dijalankan ke atas 496 unit kebuk wasap di ketiga-tiga kampus. Perincian seperti berikut;

Kampus	Jumlah Kebuk Wasap
Kampus Induk	361
Kampus Kejuruteraan	75
Kampus Kesihatan	60
<b>Jumlah</b>	<b>496</b>

## Kunjungan Organisasi Luar

UKKP Kampus Induk telah menerima kunjungan dari organisasi luar untuk perkongsian pengalaman UKKP dalam menguruskan aspek-aspek KKP.

Tarikh	Universiti	Bilangan Staf
13 April 2012	Staf Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia, UTM Skudai, Johor.	26

# LAPORAN UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UNIVERSITI

## Outcome Yang Terhasil Pada Tahun 2012 (Impak)


Berdasarkan kepada keberkesanan pengurusan dan aktiviti yang dijalankan oleh UKKP, iaitu melibatkan kepatuhan (audit/ penyiasatan kemalangan); pengurusetiaan Jawatankuasa KKP Universiti, kesedaran (latihan dan penasihat); perkhidmatan KKP (pengurusan sisa hazard, perlindungan sinaran) dan lain-lain, didapati masyarakat kampus secara keseluruhan berada di dalam keadaan yang selamat, sihat dan bebas daripada kemalangan KKP yang serius (kemalangan yang memautkan atau ilat.)

Di samping itu, kadar kemalangan (bilangan kes/1000 pekerja) di USM bagi ketiga-tiga kampus adalah jauh lebih rendah berbanding dengan sasaran kerajaan. Lanya juga adalah menurun bagi ketiga-tiga kampus berbanding tahun 2011 seperti gambarajah dibawah.





## KADAR KEMALANGAN



USM adalah keperluan untuk mendapatkan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak terutamanya PTJ, bagi melaksanakan aspek KKP secara sepenuhnya mengikut kehendak perundangan negara. Audit/ teguran KKP kerap tidak dipatuhi oleh PTJ.

Di samping itu, UKKP juga kekurangan staf bagi menampung perkembangan pesat aktiviti Universiti dan penambahan bangunan/ tempat kerja.

## Pengenalan

Kewujudan, keperluan dan punca pewujudan Pejabat Perundangan adalah berdasarkan Seksyen 2 dan Seksyen 15 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia yang mana pewujudan perjawatan Penasihat Undang-Undang Universiti memerlukan satu pejabat khusus untuk melihat hal-hal perundangan dan governan Universiti. Pejabat Perundangan telah diluluskan penubuhannya secara rasmi oleh Universiti pada 10 November 2010 dengan visi dan misinya seperti berikut:-

### Visi

Melindungi dan memelihara integriti dari segi undang-undang, etika dan tadbir urus governan Universiti Sains Malaysia.

### Misi

- Bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan dan penasihat undang-undang terbaik kepada Universiti.
- Memberi khidmat guaman yang telus, efisien, inovatif dan cemerlang dalam urusan perundangan.
- Menjadi sebuah pejabat yang boleh dipercayai dan adil dalam isu berkaitan undang-undang dan disiplin.
- Menjadi sebuah pejabat yang memberikan khidmat guaman dan gubalan secara professional dan komitmen yang tinggi kepada Universiti.

## Aktiviti Yang Dijalankan Pada Tahun 2012

Sepanjang tahun 2012 terdapat pelbagai aktiviti berkaitan perundangan yang telah dijalankan oleh Pejabat Perundangan. Antara aktiviti-aktiviti tersebut ialah:-

### Sistem E-Harta Untuk Pengisytiharan Harta

Pengisytiharan harta oleh Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana daripada Kampus Induk, Kejuruteraan, Kesihatan, IPPT dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) melalui sistem e-harta yang telah diproses/diluluskan sepanjang bulan Januari hingga Disember 2012 ialah sebanyak 653 kes.

## Statistik Staf yang Telah Isytihar Harta (25 Januari 2012 Hingga 11 Disember 2012) Bagi Kampus Induk, Kejuruteraan, Kesihatan, IPPT Dan HUSM

Kumpulan	Bil. Pekerja Yang Telah Membuat Perisytiharan Harta
Pengurusan T'tinggi Khas	4
Pengurusan & Profesional	258
Sokongan	373
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>653</b>

### Pengurusan Tatatertib Staf Tahun 2012

Lima mesyuarat tatatertib staf telah dijalankan sepanjang tahun 2012 dengan statistik tindakan tatatertib mengikut kategori staf seperti berikut:

Bil	Kategori	Bilangan Staf
1	Pengurusan Tertinggi	-
2	Pengurusan dan Profesional	1
3	Kumpulan Pelaksana	14

### Penyediaan dan Semakan Dokumen MoU dan MoA bagi Tahun 2012

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 237 kes keseluruhan dokumentasi MoU dan MoA telah dilaksanakan oleh Pejabat Perundangan. Ini termasuklah kerja merangka dan menderaf MoU dan MoA antara Universiti dengan pihak luar dan kerja menyemak serta meneliti MoU dan MoA yang disediakan oleh pihak luar bagi memastikan kepentingan Universiti terpelihara.

### Pengurusan Rayuan Tatatertib Pelajar Tahun 2012

Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 13 kes telah dibawa ke Mesyuarat Rayuan Tatatertib Pelajar. Pejabat Perundangan adalah urusetia bagi semua kes rayuan.

Bil	Kategori Kesalahan	Bilangan Pelajar
1	Rayuan Terhadap Hukuman Tatatertib Bagi kes-kes akademik	10
2	Rayuan terhadap Hukuman Tatatertib Bagi kes-kes am	3

Bilangan Pelajar Mengikut Kategori Kesalahan Yang Membuat Rayuan Terhadap Hukuman Tindakan Tatatertib Bagi Tahun 2012

## **Tuntutan Guaman di bawah Skim Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) Dan Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA)**

Bagi tahun 2012, sebanyak 168 kes pecah kontrak di bawah Skim Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) dan Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA) yang dikendalikan oleh Pejabat Perundangan.

## **Output dan Outcome Daripada Aktiviti Tahun 2012**

Aktiviti pengisytiharan harta melalui sistem e-harta secara atas talian yang mula diperkenalkan pada Januari 2012 telah dapat meningkatkan kes-kes laporan pengisytiharan harta jika dibandingkan dengan statistik pengisytiharan harta pada tahun 2010 yang hanya melibatkan 301 pengisytiharan dan 2011 yang hanya melibatkan 189 pengisytiharan harta. Kesedaran tentang perlunya pengisytiharan harta dibuat selaras dengan proses tadbir urus yang baik telah meningkat di kalangan staf Universiti.

Selanjutnya, aktiviti pengurusan tatatertib staf yang lebih efisien telah dapat mempercepatkan proses tindakan tatatertib terhadap staf yang terlibat. Seramai 15 staf telah dikenakan tindakan tatatertib sepanjang tahun 2012. Aktiviti pengurusan tatatertib staf ini telah memberi impak kepada Universiti dalam memastikan semua staf menjalankan kerja dengan penuh dedikasi dan amanah.


Sepanjang tahun 2012, sebanyak 237 kes dokumentasi Perundangan yang terdiri daripada MoU dan MoA telah disediakan dan disemak oleh Pejabat Perundangan. Penyediaan dokumentasi perundangan ini telah membantu Universiti dalam menjalankan kerjasama yang lebih objektif, tersusun dan teratur dengan pelbagai pihak di dalam dan luar negara. Ini secara tidak langsung memberi impak kepada Universiti sebagai Universiti berstatus APEX.

Bagi tahun 2012 juga, jumlah kutipan pembayaran balik RLKA/RPTKA yang berjaya dikutip telah meningkat melebihi 50 peratus di mana jumlah kutipan pembayaran balik bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM744,909.58, berbanding tahun 2011 iaitu sebanyak RM355,176.3. Peningkatan jumlah pembayaran balik menunjukkan tindakan perundangan yang lebih tegas yang dibuat oleh Pejabat Perundangan ke atas pemungkir-pemungkir berjaya dilaksanakan.

## **Cabaran/Kekangan 2012**

Dalam usaha membantu Universiti mengekalkan kecemerlangan, Pejabat Perundangan berhadapan dengan pelbagai cabaran/kekangan yang berjaya dihadapi dengan sebaik mungkin. Antara kekangan yang dihadapi ialah kekurangan sumber rujukan perundangan bagi memastikan setiap pandangan perundangan yang diberikan adalah berdasarkan undang-undang dan kes terkini yang diputuskan di Mahkamah-Mahkamah Tinggi di Malaysia. Pejabat Perundangan juga mempunyai kekangan kewangan untuk menghantar pegawai-pegawai perundangan mengikuti kursus atau latihan perundangan yang kebiasaannya melibatkan kos yang tinggi.





PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



# LAPORAN PEJABAT TRANSFORMASI

## Pengenalan

### Sekilas Penubuhan Pejabat Transformasi

Pejabat Transformasi ditubuhkan pada 1 Januari 2012 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) ke 20 Bil.17/2011 pada 28 Disember 2011. Pada peringkat awal penubuhan, Pejabat Transformasi menumpukan kepada isu-isu operasi Pejabat Transformasi, mengkaji semula isu operasi Unit Latihan, merancang projek-projek di bawah Pejabat Transformasi serta melihat kepada isu semasa dalam Universiti.

### Aktiviti yang Dijalankan

Projek	Pencapaian	Impak
Kajian Rasionalisasi Kos	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Mengenalpasti aktiviti yang membuat peruntukan dan perbelanjaan yang paling tinggi bagi Jabatan Pendaftar untuk meneliti dari aspek kos, proses dan aspek pulangan/ hasil yang diterima</li><li>ii. Lima aktiviti telah dikenalpasti menggunakan perbelanjaan terbesar iaitu Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA), Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA), staf sambilan dan kontrak, cuti sabatikal, cuti belajar.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Mendapatkan nilai pulangan yang sesuai kepada pelaburan (ROI) yang dilakukan oleh pihak Universiti.</li><li>ii. Memastikan kecekapan kos dan keupayaan dalam perbelanjaan yang dilakukannya oleh pihak Universiti.</li></ul>
Kajian dan Semakan Aktiviti Laporan Penilaian Prestasi Tahunan	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Penambahbaikan kaedah penilaian yang boleh dilaksanakan oleh penilai pertama dan penilai kedua dalam penilaian prestasi tahunan. Latihan kepada penilai juga turut dilaksanakan oleh Pejabat Transformasi dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia USM</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Mengenalpasti sumber sepunya masalah pengurusan sumber manusia dan bakat di USM yang mana ianya berkaitan dengan sistem penilaian prestasi.</li><li>ii. beberapa cadangan penambahbaikan untuk kelemahan yang telah dikenalpasti pada sistem penilaian prestasi USM dan telah mula diimplementasi dalam eksekusi penilaian 2012.</li></ul>

Projek	Pencapaian	Impak
Kajian Birokrasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pasukan ini telah melaksanakan beberapa siri lawatan untuk bertemu dengan PTJ-PTJ dan berbincang serta memahami permasalahan dan isu yang timbul berfokus kepada cara kerja sesuatu proses atau aktiviti dilaksanakan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengurangkan birokrasi governan.</li> <li>ii. Pemahaman terhadap proses kerja tidak difahami dengan jelas oleh pelanggan.</li> <li>iii. Mengenalpasti kekurangan sumber manusia dalam aktiviti-aktiviti tertentu.</li> </ul>
Kajian Perolehan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pasukan ini telah melaksanakan perjumpaan bersama PTJ-PTJ yang dilihat dapat membantu dalam pengkajian perolehan ini dan mendapat input utama daripada pihak Bendahari USM sendiri. Pasukan ini juga bertemu dengan Dekan, Penyelidik, Pegawai Tadbir, Pegawai Sains dan Pembantu Tadbir yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kewangan</li> <li>ii. Kajian yang dilaksanakan merangkumi isu perancangan bajet, perancangan perolehan dan proses perolehan sebenar yang dilaksanakan di PTJ.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyelesaikan isu jurang dalam kepenggunaan sumber di USM.</li> </ul>

# LAPORAN PEJABAT TRANSFORMASI

Projek	Pencapaian	Impak
Transformasi Latihan dan Pembangunan Kompetensi	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pihak Pejabat Transformasi telah mengadakan beberapa siri lawatan dan perbincangan dan juga menjalankan bengkel tertentu untuk membantu PTJ mendepani isu yang dihadapi. Antara PTJ yang terlibat adalah seperti IPPT, Pusat Sejahtera, Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Pusat Pengajian Pengurusan dan beberapa Pusat Kecemerlangan.</li> <li>ii. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh PTJ dari segi sumber manusia, infrastruktur, struktur organisasi dan juga proses kerja, pertindihan fungsi, jaringan hubungan dan juga kejelasan matlamat dan fungsi organisasi.</li> <li>iii. Pejabat Transformasi memulakan inisiatif mewujudkan kerangka latihan yang menekankan elemen penghayatan dan pengaplikasian ilmu ke tempat kerja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memahami permasalahan yang dihadapi oleh PTJ, memahamkan PTJ kepada langkah strategik sepunya USM, membantu membangunkan rangka kerja transformasi terhadap prosedur dan proses, serta memantau perubahan yang dilaksanakan</li> <li>ii. Melalui kerangka latihan ini, penyelia dapat mengenal-pasti kelemahan staf dan cuba mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi dengan bantuan latihan peningkatan kompetensi.</li> </ul>
Pemantapan Pelan Penggantian	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pejabat Transformasi menjalankannya melalui siri percambahan idea, bengkel dan juga taklimat hebahan kepada warga USM. Pejabat Transformasi dengan kerjasama daripada Pendaftar dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah berjaya memacu pelan penggantian akademik melalui pembangunan kriteria kepimpinan USM, pembangunan tatacara pemilihan Dekan dan Ketua Jabatan serta membantu menubuhkan jawatankuasa pemilih dan melaksanakan proses pencalonan dan pelantikan Dekan dan Ketua Jabatan.</li> <li>ii. Bagi tahun 2012 ini, Pejabat Transformasi telah mengadakan latihan fungsian kepada kumpulan pegawai pentadbiran iaitu Kursus Pendedahan dan Asas Kepada Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Akademik dan juga Pengurusan Kewangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memastikan kelestarian kepimpinan Universiti Sains Malaysia</li> <li>ii. Menyediakan pegawai-pegawai pentadbiran kepada proses pertukaran tempat bertugas yang memerlukan asas-asas yang dimaklumkan.</li> </ul>

## Cabaran Masa Hadapan

Pejabat Transformasi sentiasa bersedia membantu Universiti dalam menggerak dan melaksanakan agenda transformasi selaras dengan halatuju Universiti. Amalan baik dalam urus tadbir Universiti adalah perkara utama yang diberi penekanan. Untuk itu sokongan warga kampus pada masa kini dan masa hadapan amatlah diharapkan.



## Pengenalan

**SAINS@USM** atau Sciences and Arts Innovation Space Universiti Sains Malaysia adalah sebuah taman inovasi dan penyelidikan Universiti, yang berkonsepkan penekanan holistik kepada integrasi sains dan sastera. Taman ini telah dilancarkan pada 22 Jun 2008 oleh DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalulail, Canselor Universiti Sains Malaysia. Sejak pelancaran, pelbagai usaha telah diambil untuk membangunkan projek taman inovasi dan penyelidikan ini.

Pada awalnya syarikat milik penuh Universiti, Sanggar SAINS Sdn. Bhd. (SSSB) telah ditubuhkan dan dipertanggungjawabkan untuk mentadbir urus taman penyelidikan ini.

Selepas tiga tahun pentadbiran di bawah SSSB, pada 15 Mac 2012 Universiti membuat penstrukturan semula dan mengambil alih pentadbiran dan pengurusan SSSB. Sebuah Pusat Tanggungjawab baru iaitu Pejabat sains@usm telah ditubuhkan dan Profesor Dr. Abdul Rahman Mohamed telah dilantik sebagai Pengarah pertama sains@usm.

Secara dasarnya, PTJ Pejabat sains@usm bertanggungjawab dalam pembangunan dan pengurusan taman inovasi dan penyelidikan sains@usm untuk memastikan kesinambungan rantaian penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan Universiti.

Selain itu, sains@usm juga mempunyai ruang untuk dijadikan ruang pejabat, makmal penyelidikan serta inkubator untuk ditawarkan kepada mana-mana pihak yang berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi di Universiti.

Terdapat juga kemudahan gunasama seperti Auditorium, bilik-bilik seminar, bilik mesyuarat, bilik perbincangan dan lain-lain kemudahan yang dapat digunakan untuk menjalankan persidangan, seminar, latihan, mesyuarat dan lain-lain lagi.



**Penyewaan Ruang Pejabat dan Makmal**  
**Jadual 1 Senarai Penghuni sains@usm**

Bil	Penghuni	Status
i.	Pejabat sains@usm	PTJ USM
i.	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan (CEE)	PTJ USM
ii.	Pusat Pembangunan Perniagaan, Keusahawanan dan Pengurusan Risiko (CBER)	PTJ USM
iii.	Pusat Biologi Kimia (CCB)	PTJ USM
iv.	Pusat Standardisasi Herba (CHEST)	PTJ USM
v.	Pusat IPv6 Termaju Negara (Nav6)	PTJ USM
vi.	Institut Penyelidikan Pengajian Tinggi Negara (IPPTN)	Agensi Kerajaan
vii.	Collaborative Research in Engineering, Science and Technology Centre (CREST)	Swasta
viii.	Sentinext Therapeutics Sdn. Bhd.	Swasta
ix.	INTI International College	Swasta

**Penggunaan Kemudahan Gunasama**  
**Jadual 2 Senarai Aktiviti di sains@usm Tahun 2012**

Nama Penganjur	Deskripsi Ringkas Acara	Tempat	Tarikh
CREST	CREST Meeting	Bilik Mesyuarat Utama	14 & 18 September, 2012
CREST	Discussion		19 September, 2012
	Workshop - Advisory Panel	Bilik Mesyuarat Utama	20-25 September, 2012
CREST	CREST TalentXChange Competency	Bilik Mesyuarat Utama	26 September 2012
	Workshop - Advisory Panel	Bilik Mesyuarat Utama	27-30 September, 2012
Pejabat Transformasi	Workshop	Auditorium Murad Mohd Noor	24 September, 2012
GSB	Research Methodology	Bilik Seminar	25 September, 2012
GSB	Seminar in Managing Technology & Decision Making	Bilik Seminar	29 September, 2012

# LAPORAN SAINS@USM

Nama Penganjur	Deskripsi Ringkas Acara	Tempat	Tarikh
GSB	Program Doktor Pentadbiran Perniagaan	Bilik Seminar	29 September, 2012 30 September, 2012
Jabatan Pembangunan	Mesyuarat I2U	Bilik Seminar	2 Oktober, 2012
CREST	Discussion	Bilik Perbincangan	4 Oktober, 2012
CREST	CREST Retreat	Bilik Seminar	5-6 Oktober, 2012
BJIM	Mesyuarat Penang Space Carnival	Bilik Mesyuarat Utama	10 Oktober, 2012
sains@usm	Technical Meeting	Bilik Mesyuarat Utama	17 Oktober, 2012
	Committee Meeting	Bilik Mesyuarat Utama	18 Oktober, 2012
BJIM	Penang Space Carnival	Semua Kemudahan	29-30 Oktober, 2012
KANITA	KPICGS	Auditorium Ishak Pateh Akhir	31 Oktober – 2 November, 2012
IPS	Workshop for USM - MDP Course Development	Bilik Mesyuarat Utama	2 November, 2012
	Workshop for USM - MDP Course Development Financial Issues in the Modern Eco		
GSB	Customer Relationship Management	Bilik Seminar	3 November, 2012
	Seminar in Human Capital Transformation		
	Research Methodology		
IPS	Workshop for USM - MDP Course Development	Bilik Mesyuarat Utama	3 November, 2012
		Bilik Seminar	
GSB	Business Intelligence for Service Excellence	Bilik Seminar	4 November, 2012
	Seminar in Managing Technology & Decision Making	Bilik Seminar	



Nama Penganjur	Deskripsi Ringkas Acara	Tempat	Tarikh
CREST	CREST - Symposium	Auditorium Murad Mohd Noor	7 November, 2012
MOTOROLA	MOTOROLA Conference	Auditorium Murad Mohd Noor	8 November, 2012
GSB	Seminar in Managing Technology & Decision Making	Bilik Seminar	10 November, 2012
	Service Management	Bilik Seminar	
	Technology Management & Innovation	Bilik Seminar	
GSB	Accounting for services	Bilik Seminar	17 November, 2012
	Logistics and Distribution Management	Bilik Seminar	
	Research Methodology	Bilik Seminar	
GSB	Seminar in Managing Technology & Decision Making	Bilik Seminar	18 November, 2012
	Service Management	Bilik Seminar	
	Technology Management & Innovation	Bilik Seminar	
GSB	Business Intelligence for Service Excellence	Bilik Seminar	24 November, 2012
	Seminar in Managing Technology & Decision Making	Bilik Seminar	
GSB	Financial Issues In the Modern Economy	Bilik Seminar	25 November, 2012
	Customer Relationship Management	Bilik Seminar	
	Seminar in Human Capital Transformation	Bilik Seminar	
UKKP	UKKP : Workshop	Bilik Seminar	28 November, 2012
		Bilik Seminar	28 November, 2012

## **Output Daripada Aktiviti Tahun 2012 (Pencapaian)**

### **Sumber Penjanaan Kewangan Kepada Universiti**

Penggunaan kemudahan gunasama seperti auditorium, bilik seminar, bilik mesyuarat dan lain-lain serta penyewaan ruang pejabat di sains@usm telah dapat membantu menjana sumber kewangan tambahan kepada Universiti.

Bagi tahun 2012, sebanyak RM 95,811 telah dipungut melalui hasil penyewaan ruang pejabat (pihak luar) dan RM 57,723 telah dipungut melalui hasil penggunaan kemudahan gunasama di sains@usm.

### **Aktiviti Industri Dijalankan di sains@usm**

Pihak industri, PTJ Universiti dan juga pihak awam telah mula mengenalpasti sains@usm sebagai salah sebuah lokasi yang baik dan mempunyai prasarana yang lengkap untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti mereka seperti persidangan, mesyuarat, latihan dan lain-lain lagi.

## **Outcome Yang Terhasil Pada Tahun 2012 (Impak)**

### **Kerjasama Pintar Bersama Industri**

Dengan adanya pihak luar menghuni di sains@usm, di antara kerjasama pintar ialah dengan penubuhan NCIA-CREST-USM Research Innovation Centre di dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

### **Peningkatan Keterlihatan sains@usm**

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sains@usm oleh PTJ Universiti serta pihak industri telah meningkatkan lagi keterlihatan sains@usm di kalangan pihak industri serta agensi kerajaan.

### **Titik Pertemuan**

sains@usm juga merupakan tempat pertemuan antara universiti, industri dan agensi kerajaan di mana ia menjadi tempat bagi menjalankan mesyuarat, bengkel, serta perbincangan.

## Cabaran / Kekangan 2012

### Peralihan dan Penstrukturan Semula Operasi

Proses penstrukturan semula dan peralihan operasi *sains@usm* merupakan salah satu cabaran operasi terutamanya melibatkan staf-staf Sanggar SAINS dan PTJ-PTJ lain di Universiti khususnya di dalam beberapa aspek seperti penyelarasan hal-ehwal sumber manusia dan kewangan, perjenamaan semula, penyelarasan kontrak dan perjanjian sedia ada bersama penyewa dan pembekal, penyelarasan sistem operasi dan infrastruktur serta lain-lain lagi.

### Pembangunan Baru

Bagi mencapai hasrat *sains@usm* sebagai taman penyelidikan dan inovasi seperti yang telah dirancang, *sains@usm* memerlukan sumber dana dan kewangan bagi membiayai kos pembangunan infrastruktur dan kemudahan baru sama ada dari kerajaan atau melalui '*Private Finance Initiative*' melalui kerjasama pihak kerajaan dan swasta.



# LAPORAN PUSAT KAJIAN KELESTARIAN GLOBAL

## Pengenalan

Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS) ditubuhkan secara rasmi pada 14 Disember 2009 oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi, Malaysia. Tujuan penubuhan CGSS adalah untuk memudahkan aliran utama kelestarian ke arah struktur keseluruhan universiti. Untuk mencapai hasil ini, CGSS telah bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan sama ada di dalam kampus, organisasi luar, sektor awam dan swasta, industri, agensi dalam dan luar negara, dengan memberi perhatian khusus kepada suara-suara golongan terkebahawah yang tidak berpengaruh.

Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1	Projek Kitar Semula dan Pengkomposan	April 2011 – Mac 2012	USM dan sekitar USM
2	Bengkel " <i>University-Community Engagement</i> " - <i>Alternative University Appraisal (AUA)</i>	1-2 March 2012	Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (Akept), Negeri Sembilan
3	Projek Audit Kelestarian USM 2012 (Indeks Kelestarian)	April 2012- April 2013	USM
4	Projek Green Office	April 2012- April 2013	USM
5	Bengkel ' <i>Leadership For Sustainability Programme</i> ', 8 – 9 Mei 2012 di Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (Akept), Negeri Sembilan	8 – 9 Mei 2012	Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (Akept), Negeri Sembilan
6	Syarahan Umum Antarabangsa Professor Roderick J. Lawrence ( <i>University Of Geneva, Switzerland</i> )	13 Julai 2012	USM
7	Kursus WSU 101 Kelestarian: Isu, Perspektif dan Cabaran	semester 2 2011/2012 dan semester 1 2012/2013	Kampus Induk, USM
8	Bengkel Kelestarian Siri 1	11-13 September 2012	Kampus Induk, USM
9	Bengkel Kelestarian Siri 2	27 November 2012	Kampus Kejuruteraan
10	Lawatan Rasmi ke Prince of Songkla Universiti Thailand	7-9 Oktober 2012	Thailand
11	<i>Program Masters in Development Practice (MDP)</i> :	2012	USM
12	Penerbitan Rio+20 National Report bersama Unit Perancang Ekonomi	2012	

Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat
13	ASEAN Sustainability Framework	2012	
14	Program Antarctic Research	2011-2014	
15	Projek Disaster Risk Management	2011-2012	Kuala Nerang, Kedah
16	Penulisan Future Perfect	2012	
17	Penulisan Future Earth Research Initiative	2012	

#### Output Daripada Aktiviti Tahun 2012 (Pencapaian)

- Pengajaran & Pembelajaran
- CGSS rasmi menjadi ahli bagi Global Association Board MDP pada 20 September 2012 dan dalam proses menawarkan *Program Masters in Development Practice* (MDP) di USM. Program ini adalah di bawah Universiti of British Columbia (UBC) dan Earth Institute.
- Lebih 200 pelajar mengambil kursus WSU 101 Kelestarian: Isu, Perspektif dan Cabaran yang mula ditawarkan pada tahun 2012 sebagai kursus Ko-Kurikulum

#### Penyelidikan/Penerbitan

- Penyelidikan dan penerbitan yang diiktiraf di peringkat global seperti *Future Perfect* yang diterbitkan oleh sekretariat *United Nations Conference on Sustainable Development (Rio+20) and Tudor Ross, United Kingdom*.
- Jaringan Masyarakat
- Hampir 200 menghadiri program kelestarian melibatkan staf akademik, staf bukan akademik dan universiti-universiti seluruh Malaysia.

#### Outcome Yang Terhasil Pada Tahun 2012 (Impak)

- Warga kampus terdiri daripada staf, akademik, dan pelajar lebih memahami hala tuju dan isu kelestarian.
- Penyelidikan/Penerbitan dalam bidang kelestarian di peringkat nasional dan global bertambah.
- CGSS khususnya dan USM amnya dikenali sebagai pusat rujukan kelestarian di peringkat nasional dan global

#### Cabaran / Kekangan 2012

- Kefahaman dan kesedaran isu kelestarian di pelbagai peringkat warga kampus.
- Amalan kelestarian dalam kalangan warga kampus yang masih rendah.
- Sumber manusia dan dana kewangan yang terhad.

## Pengenalan

Sebagai badan berkanun, tiada keperluan bagi USM selaku Institusi Pengajian Tinggi Awam untuk mengeluarkan kenyataan kawalan dalaman dalam Laporan Tahunannya. Walau bagaimanapun, sebagai amalan tadbir urus yang baik, penyata ini telah disediakan.

### Tanggungjawab Lembaga Gabenor Universiti

Lembaga Gabenor Universiti sedia maklum adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya untuk dikaji semula kesempurnaan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko USM dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, sistem kawalan dalaman ini hanya boleh dirangka untuk mengurus dan bukan untuk menyisihkan risiko kegagalan dalam mencapai objektif universiti.

### Pengurusan Risiko

Dalam usaha untuk melicinkan proses mewujudkan satu sistem bagi mengenalpasti, menilai, memantau dan mengurus risiko-risiko penting yang memberi kesan kepada pencapaian objektif universiti, USM dalam proses mewujudkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko.

### Audit Dalam

Unit Audit Dalam yang telah ditubuhkan sejak 1982 berfungsi untuk menyemak secara kerap operasi dan sistem kawalan dalaman universiti. Ia memberi nasihat secara berterusan mengenai kawalan dalaman dan prosedur pengurusan risiko. Jawatankuasa Audit meneliti semua penemuan-penemuan audit dalam dan maklumbalas pengurusan serta keberkesanan sistem kawalan dalaman yang dilaksanakan.

Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Audit akan dibentangkan kepada Lembaga Gabenor Universiti untuk makluman dari masa ke semasa.

### Laporan Jawatankuasa Audit

Terma Rujukan


Jawatankuasa Audit akan:

- Membantu Lembaga Gabenor Universiti dalam memenuhi tanggungjawab fidusiarinya mengenai dasar dan sistem perakaunan universiti, kawalan dalaman, amalan laporan kewangan, etika, pengurusan risiko dan kesempurnaan polisi-polisi berkaitan pentadbiran dan operasi universiti.
- Mengekalkan hubungan dan komunikasi diantara Lembaga Gabenor Universiti, mengkaji laporan daripada Juruaudit Luar dan Juruaudit Dalam melalui mesyuarat yang kerap diadakan.
- Mengesan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Gabenor Universiti serta tatakelakuan pegawai/kakitangan dan mengambil daya usaha menyasat sebarang pertelingkahan yang berlaku.
- Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati telah melakukan sebarang penyelewengan, untuk tindakan yang sesuai.
- Melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga Gabenor Universiti dari masa ke semasa.

### **Fungsi Audit Dalam**

Fungsi Audit Dalam adalah untuk membantu melaksanakan tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit. Unit Audit Dalam adalah bertanggungjawab untuk membuat penilaian bebas dan memberi laporan yang objektif mengenai kesempurnaan, kecekapan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman bagi menjangka potensi proses-proses utama universiti terdedah kepada risiko, dan takat pematuhan kepada polisi-polisi dan peraturan-peraturan yang sedia ada di dalam universiti. Hasil perbincangan dengan pengurusan dan maklumbalas mereka terhadap penilaian yang telah dilakukan akan dibenteng kepada Jawatankuasa Audit. Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk menentukan bahawa tindakan pembetulan sebagaimana yang disarankan ke atas kelemahan-kelemahan yang dilaporkan dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditentukan.







# LAPORAN

▶ PERANGKAAN

# LAPORAN PERANGKAAN USM 2012

## Staf

Staf	Kampus			Jumlah
	Induk	Kesihatan	Kejuruteraan	
<b>Akademik</b>				
Profesor	144	37	34	215
Profesor Madya	242	92	55	389
Pensyarah Kanan	506	312	105	923
Pensyarah (termasuk Pensyarah Pelatih)	102	97	19	218
Guru Bahasa	95	17	17	129
Felo Pasca Doktorat	41	4	4	49
Kunjungan	35	3	5	43
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>1,165</b>	<b>562</b>	<b>239</b>	<b>1,966</b>
<b>Pentadbiran &amp; Sokongan</b>				
Pengurusan & Profesional	549	428	85	1,062
Sokongan	2,615	3,573	523	6,711
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>3,164</b>	<b>4,001</b>	<b>608</b>	<b>7,773</b>
<b>Jumlah</b>	<b>4,329</b>	<b>4,563</b>	<b>847</b>	<b>9,739</b>

Staf Akademik	Peratus
Pensyarah Berkelayakan PhD	68.4
Pensyarah Berkelayakan PhD (termasuk pensyarah pelatih)	64.9
Pensyarah Berkelayakan PhD atau *Setaraf	84.3
Pensyarah Berkelayakan PhD atau *Setaraf (termasuk pensyarah pelatih)	80.1

### Nota:

Statistik staf pada 31 Disember 2012 (termasuk sambilan/kontrak yang dibayar dibawah PSDK  
Vot 29000, Fot 29000 PTJ dan Fot CIPPT 29000)

\*Setaraf : Sarjana Kepakaran Perubatan / Pergigian

## Pelajar

Peringkat Pengajian	Kampus			Jumlah
	Induk	Kesihatan	Kejuruteraan	
<b>Kemasukan Pelajar</b>				
Ijazah Kedoktoran	529	36	101	666
Sarjana	1,290	260	145	1,695
Ijazah Sarjana Muda (Penuh Masa)	2,693	559	666	3,918
Ijazah Sarjana Muda (Jarak Jauh)	1,975			1,975
Diploma		92		92
Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk Skim Pertukaran Pelajar)	521			521
<b>Jumlah</b>	<b>7,008</b>	<b>947</b>	<b>912</b>	<b>8,867</b>
<b>Enrolmen Pelajar</b>				
Ijazah Kedoktoran	3,325	205	638	4,168
Sarjana	5,040	1,540	888	7,468
Diploma Lepas Ijazah	350			350
Ijazah Sarjana Muda (Penuh Masa)	8,611	2,461	2,117	13,189
Ijazah Sarjana Muda (Jarak Jauh)	7,109			7,109
Diploma		254		254
Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk Skim Pertukaran Pelajar)	521			521
<b>Jumlah</b>	<b>24,956</b>	<b>4,460</b>	<b>3,643</b>	<b>33,059</b>
<b>Graduan</b>				
Ijazah Kedoktoran	245	10	53	308
Sarjana	1,064	238	260	1,562
Sarjana Muda	2,647	465	546	3,658
Ijazah Sarjana Muda (Program Ijazah Luaran)	71			71
Diploma		96		96
<b>Jumlah</b>	<b>4,027</b>	<b>809</b>	<b>859</b>	<b>5,695</b>

### Nota:

Statistik kemasukan dan enrolmen pelajar Ijazah Pertama pada 01 Disember 2012 dan Ijazah Tinggi bagi tempoh Januari–Disember 2012

Statistik graduan pada konvokesyen Mac dan Ogos 2012

# LAPORAN PERANGKAAN USM 2012

Peringkat Pengajian	Kampus			Jumlah
	Induk	Kesihatan	Kejuruteraan	
<b>Enrolmen Pelajar Antarabangsa</b>				
Ijazah Kedoktoran	1,538	72	243	1,853
Sarjana	648	141	126	915
Ijazah Sarjana Muda (Penuh Masa)	357	2	6	365
Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk Skim Pertukaran Pelajar)	521			521
<b>Jumlah</b>	<b>3,064</b>	<b>215</b>	<b>375</b>	<b>3,654</b>

Nota:

Pelajar Antarabangsa merangkumi 73 buah negara

## Penyelidikan, Inovasi dan Jaringan

Perkara	Bilangan
Anugerah	118
Penerbitan - 'Citation-Indexed Journal'	3,033
Paten 'Granted'	10
Komersilan Produk	12
Technology Know-How Licensing	4
MoU/MoA	81

## Kewangan

Kewangan	Amaun (RM)
<b>Pemberian Kerajaan:</b>	
-Geran Mengurus	930,200,000
-Universiti Penyelidikan	80,000,000
-APEX	80,000,000
-FRGS/LRGS/ERGS	43,055,540
-*KTP	1,281,113
- E- Science	3,912,184
<b>Pemberian Bukan Kerajaan</b>	<b>61,180,879</b>
Peruntukan Tahunan Geran Penyelidikan	73,082,534

\* KTP - Knowledge Transfer Programme



# Sidang Editor



## Penasihat

Profesor Dato' Dr. Omar Osman

## Ketua Editor

Profesor Badaruddin Mohamed

## Timbalan Ketua Editor

Profesor Madya Tarmiji Masron

## Penyunting

Profesor Madya Zuraidah Mohd Yusoff

Dr. Nurul Farhana Low

Encik Mazlan Hanafi Basharuddin

## Rekaletak

Profesor Madya Mohamad Omar Bidin

Encik Mohamad Zaidi Jaini

Encik Nurul Anwar Ibrahim

Encik Ebrahim Abdul Manan

## Ahli Jawatankuasa

Encik Arman Abdul Razak

Encik Ali Hj. Abdul Rahim

Encik Shukeri Abd Rahman

Puan Fa'izah Md. Zain

Puan Rohilatifah Harun

Encik Amin Karim

Puan Nor Zarinah Ismail

Encik Hirman Hasni

Puan Norlela Hashim

Encik Mohd Kamil Ashar

Puan Noor Hafizah Idris

Cik Syahnaz Dato' Sukor

Puan Fadzilah Bosman

Cik Lee Wei Yin

Puan Marziana Alias

Cik Hani Soraya Ahmad

Encik Tan Ewe Hoe

Puan Noor Hafizah Idris

Encik Mohd Zuaril Akimi Mohd Shaari

## Urusetia

Puan Siti Murni Abu Seman

Cik Nurul Izzati Md. Rashid

Encik Abd Rahman Ali

# 2012

BERSAMA UNTUK KECEMERLANGAN UNIVERSITI:  
**MENZAHIR PENCAPAIAN**  
**Universiti Sains Malaysia**

diterbitkan oleh:  
**Bahagian Pembangunan Institusi**  
**Universiti Sains Malaysia**  
**11800 USM, Pulau Pinang**

ISSN 1675-1221



9 771675 122007

Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA  
[www.usm.my](http://www.usm.my)